

**KESEMBILAN**  
*Ninth*  
**PERTAMA**  
*First*

---

**Jilid 1                      Bil. 43                      Hari Selasa                      14hb November, 1995**

---

**KANDUNGAN**

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**                      (Ruangan 1)

**RANG UNDANG-UNDANG:**

Rang Undang-undang Perbekalan 1996                      (Ruangan 40)

**USUL-USUL:**

Anggaran Pembangunan 1996                      (Ruangan 40)

Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada  
Peraturan Mesyuarat                      (Ruangan 116)

**DEWAN RAKYAT YANG KESEMBILAN**

**PENYATA RASMI PARLIMEN**

**Penggal Yang Pertama**

**AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Mohamed Zahir bin Haji Ismail, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu)

Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, D.U.P.N., S.S.A.P., S.S.S.A., D.G.S.M., S.P.N.S., S.P.D.K., D.M.P.N. (Permatang Pauh)

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik, D.G.S.M., S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Labis)

“ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput)

“ Menteri Perusahaan Utama, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.P.C.M. (Beruas)

“ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Datuk Leo Moggie anak Irok, P.N.B.S. (Kanowit)

“ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)

“ Menteri Pertanian, Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S, J.B.S. (Petra Jaya)

“ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' Haji Abu Hassan bin Haji Omar, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.S., S.M.T. P.I.S. (Kuala Selangor)

Yang Berhormat Menteri Pendidikan, Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan)

“ Menteri Penerangan, Dato' Mohamed bin Rahmat, S.P.M.J., S.I.M.P., S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Pulai)

“ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Sabbaruddin Chik, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh)

“ Menteri Sumber Manusia, Dato' Lim Ah Lek, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentong)

“ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang)

“ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)

“ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.P. (Gopeng)

“ Menteri Pertahanan, Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)

“ Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' Haji Annuar bin Haji Musa, S.I.M.P. (Peringat)

“ Menteri Luar Negeri, Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas)

“ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Datuk Osu bin Haji Sukam, P.G.D.K. (Papar)

“ Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh)

“ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Gombak)

Yang Berhormat Menteri Kesihatan, Tuan Chua Jui Meng, P.I.S. (Bakri)

“ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T. (Sik)

- “ Menteri Pembangunan Usahawan, Dato’ Mustapa bin Mohamed, D.P.M.S. (Jeli)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Tuan Ong Tee Keat, S.M.S. (Ampang Jaya)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin (Kinabatangan)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Megat Junid bin Megat Ayob, D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik)
- “ Timbalan Menteri Kesihatan, Dato’ Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman, D.I.M.P. (Paya Besar)
- “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Dato’ Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)
- “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Railey bin Haji Jaffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Raja Dato’ Ariffin bin Raja Sulaiman, D.S.D.K., S.M.S. (Baling)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato’ Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)
- “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Dr. Leo Michael Toyad, J.B.S. (Mukah)
- “ Timbalan Menteri Pertahanan, Dato’ Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)

Yang Berhormat Timbalan Menteri Penerangan, Dato’ Drs. Suleiman bin Mohamed, D.P.M.S. (Titiwangsa)

- “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Teng Gaik Kwan, D.I.M.P., A.M.N., P.P.N. (Raub)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tuan Peter Chin Fah Kui, P.B.S., A.B.S. (Miri)
- “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato’ Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)

- “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Kerk Choo Ting (Taiping)
- “ Timbalan Menteri Pertanian, Dato’ Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor, D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Wong See Wah, D.S.N.S. (Rasah)
- “ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.N.B.S., J.B.S., K.M.N., P.B.S., A.M.N., P.P.C. (Saratok)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)
- “ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Dato’ Chan Kong Choy, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Tuan Ong Ka Ting (Pontian)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ K. Kumaran, D.P.M.P., K.M.N., J.S.M., P.M.P., P.P.T., J.P. (Tapah)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Dr. Affifudin bin Haji Omar, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Ibrahim bin Saad, D.M.S.M. (Tasek Gelugor)

Yang Berhormat Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato’ Abu Bakar bin Daud, D.S.M.T., D.S.A.P., D.P.M.T., J.M.N., P.J.C., P.J.K. (Kuala Terengganu)

- “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam, D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M. (Batu Berendam)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato’ S. Subramaniam, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat)
- “ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Goh Cheng Teik (Nibong Tebal)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)
- “ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Cik Siti Zainab binti Abu Bakar (Tebrau)

- “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, Tuan Idris bin Jusoh, P.J.K. (Besut)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Dato’ M. Mahalingam, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Subang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Mohd. Noh bin Rajab, D.S.N.S. (Tampin)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Tuan Douglas Uggah Embas, A.B.S., P.B.S. (Betong)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Tuan Yong Khoon Seng (Padawan)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dato’ Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Haji Muhamad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Tuan Azmi bin Khalid, S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)

- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh, S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Tuan Chor Chee Heung (Alor Setar)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Hishamuddin bin Tun Hussein (Tenggara)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato’ Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Langkawi)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tuan Tan Chai Ho, K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Puan Shahrizat binti Abdul Jalil (Lembah Pantai)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Tuan G. Palanivel, P.J.K. (Hulu Selangor)

“ Tuan Abdol Mulok bin Haji Awang Damit (Labuan)

“ Tuan Abdul Aziz bin Mohd. Yassin (Muar)

“ Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Jasin)

“ Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang)

“ Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)

“ Tuan Abdul Rahin bin Dato’ Mohd. Said (Kuala Nerus)

Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman, S.S.A., A.M.N., A.M.S., A.M.P.,  
A.D.K. (Parit Buntar)

Yang Berhormat Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud, D.P., D.A., S.P.M.J.,  
P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan)

“ Dato’ Haji Abu Dahari bin Osman, D.I.M.P., A.M.P., P.J.K (Lipis)

“ Datuk Abu Seman bin Haji Yusof, D.M.S.M, J.P., B.K.T. (Alor Gajah)

“ Tuan Haji Abu Zahar bin Dato’ Nika Ujang, A.M.N. (Kuala Pilah)

“ Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)

“ Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria, P.J.K. (Jerantut)

“ Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok)

“ Puan Ainon Khariyah binti Dato’ Mohd. Abas, P.M.P., A.M.P. (Parit)

“ Tuan Akbarkhan bin Abul Rahman (Libaran)

“ Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)

“ Tuan Asmat Nungka (Beluran)

“ Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin, B.K.M., P.J.K. (Yan)

“ Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz (Hulu Langat)

“ Tuan Billy Abit Joo (Hulu Rajang)

“ Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob (Bachok)

“ Tuan Chang Kon You (Ipoh Timor)

“ Che Ibrahim bin Mustafa, P.J.K. (Sungai Petani)

“ Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)

Yang Berhormat Tuan Chiew Chiu Sing (Bintulu)

“ Dato’ Joseph Chong Chek Ah, D.S.P.N. (Batu)

“ Puan Chua Soon Bui (Tawau)

“ Tun Daim bin Haji Zainuddin, S.S.M., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok)

“ Tuan Fu Ah Kiow (Mentakab)

“ Tuan Hamzah bin Ramli (Sri Gading)

“ Dato Haji Hanafi bin Ramli, D.S.D.K., S.M.S., K.M.N., A.M.K., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Jerlun)

“ Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)

“ Tuan Henrynus Amin, A.D.K. (Kinabalu)

“ Dato’ Hew See Tong, D.P.M.P., J.P., P.M.P. (Kampar)

“ Tuan Ho Cheong Sing, A.M.N. (Ipoh Barat)

“ Dato’ Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)

“ Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)

“ Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood (Kuala Krai)

“ Tuan Ibrahim bin Pateh Mohamad (Tanah Merah)

“ Puan Hajah Ilani binti Dato’ Haji Isahak (Kota Bharu)

“ Tuan Jacob Dungau Sagan, P.P.B. (Baram)

“ Dato’ Dr. Haji Jamaluddin bin Dato’ Mohd. Jarjis, D.I.M.P., S.A.P. (Rompin)

“ Tuan James Jimbun Anak Pungga, P.B.S. (Kapit)

“ Tuan Jawah Anak Gerang (Lubok Antu)

“ Tuan Jimmy Lim @ Jimmy Donald (Sri Aman)

Yang Berhormat Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh (Selangau)

- “ Datuk Joseph Pairin Kitingan (Keningau)
- “ Dato’ Dr. Kamal bin Salleh, D.S.P.N., K.M.N., P.K.T., J.M.N. (Wangsa Maju)
- “ Tuan Kamarudin bin Ahmad (Arau)
- “ Tuan R. Karpal Singh (Jelutong)
- “ Dr. L. Krishnan, P.M.C., A.M.N. (Telok Kemang)
- “ Tuan Lau Ngan Siew, A.D.K. (Sandakan)
- “ Dr. Lee Chong Meng (Bukit Bintang)
- “ Dr. G. Leelavathi, A.M.N. (Kapar)
- “ Tuan Liew Ah Kim (Seputeh)
- “ Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka)
- “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
- “ Tuan Lim Kit Siang (Tanjong)
- “ Tuan Vincent Lim Kuo Phau (Petaling Jaya Utara)
- “ Puan Lim Lay Hoon, P.P.N., B.K.M. (Padang Serai)
- “ Tuan Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)
- “ Tuan Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
- “ Tuan Haji Mahbud bin Haji Hashim, A.S.A., P.J.K. (Sabak Bernam)
- “ Tuan Mansor bin Masikon (Batu Pahat)
- “ Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
- “ Tuan Md. Isa bin Sabu (Kangar)

Yang Berhormat Tuan Michael Lisa Kaya, B.B.S. (Bukit Mas)

- “ Tuan Haji Mohamad bin Sabu (Kubang Kerian)
- “ Tuan Haji Mohamed bin Haji Abdullah (Pasir Puteh)

- “ Tuan Mohamed Khaled bin Nordin (Johor Bahru)
- “ Datuk Mohd. Salleh bin Tun Said, P.G.D.K. (Kota Belud)
- “ Dato’ Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan, D.I.M.P., P.M.P., A.M.P. (Larut)
- “ Tuan Mokhtaruddin bin Wan Yusof (Dungun)
- “ Tuan Haji Mustafa bin Muda, A.M.N., A.M.T., P.P.N., P.J.K. J.P. (Hulu Terengganu)
- “ Tuan Haji Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah (Pengkalan Chepa)
- “ Tuan Noh bin Omar, P.J.K. (Tanjong Karang)
- “ Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi (Balik Pulau)
- “ Datuk Nurnikman bin Abdullah (Beaufort)
- “ Tuan Ong Tin Kim (Teluk Intan)
- “ Tuan Othman bin Abdul, A.M.P., P.P.T. (Pendang)
- “ Dr. Patau Rubis, P.B.S. (Mas Gading)
- “ Tuan Paul Noutin, A.D.K. (Penampang)
- “ Tuan Philip Yong Chew Lip, A.D.K. (Gaya)
- “ Dato’ Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai)
- “ Tuan Radin Malleh (Tenom)
- “ Dr. Ramli bin Taib (Kemaman)

Yang Berhormat Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)

Yang Berhormat Tuan Richard Riot Anak Jaem (Serian)

- “ Tuan Robert Lau Hoi Chew (Sibu)
- “ Puan Rohani binti Abd. Karim, P.P.B. (Santubong)
- “ Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad, P.I.S. (Parit Sulong)

- “ Tuan Salamon bin Selamat, S.S.A., A.M.S., P.J.K. (Shah Alam)
- “ Dr. Sanusi bin Daeng Mariok (Rantau Panjang)
- “ Puan Seripah Noli binti Syed Hussin (Sepang)
- “ Datuk S’ng Chee Hua, D.S.N.S., P.G.D.K. (Julau)
- “ Datuk Song Swee Guan, P.G.D.K. (Bandar Kuching)
- “ Cik Sukinam Domo (Batang Sadong)
- “ Dato’ Haji Sukri bin Haji Mohamed, D.J.M.K., J.P.. (Machang)
- “ Dr. Tan Chong Keng (Bukit Mertajam)
- “ Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
- “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
- “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
- “ Dr. Tan Yee Kew (Kelang)
- “ Tuan Tiong Thai King (Lanang)
- “ Tuan Tue Si @ Chang See Ten, P.I.S. (Gelang Patah)
- “ Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman, B.K.M. (Pokok Sena)
- “ Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, P.B.S. (Batang Lupar)

Yang Berhormat Tuan Haji Wan Mohd Jamil bin Wan Mahmood (Tumpat)

- “ Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)
- “ Dato’ Yap Pian Hon, D.M.P.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)
- “ Dr. Yap Yit Thong, A.M.P., A.M.N. (Lumut)
- “ Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)
- “ Tuan Yeong Chee Wah (Batu Gajah)
- “ Tuan Yunof Edward Marinking (Tuaran)
- “ Tuan Yunus bin Rahmat (Jelebu)

- “ Dr.Haji Yusof bin Haji Yacob, A.D.K. (Sipitang)
- “ Tuan Zainal Abidin bin Osman (Mersing)
- “ Tuan Haji Zainuddin bin Haji Mohamad Nor, S.M.K. (Pasir Mas)
- “ Dato’ Haji Zakaria bin Mohd. Said, D.S.D.K., S.M.K., K.M.N., P.J.K. (Kuala Kedah)

**DEWAN RAKYAT**

**PEGAWAI-PEGAWAI KANAN**

- Setiausaha Dewan Rakyat: Dato' Haji Abdul Rahman bin Haji Ali, D.P.M.T.,  
A.M.N., P.J.K., A.M.S., S.M.T., A.S.D.K.
- Ketua Penolong Setiausaha: Said bin Sidik
- Pmk. Ketua Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab
- Penolong Setiausaha Kanan: Zamani bin Haji Sulaiman

**CAWANGAN PENYATA RASMI PARLIMEN**

Pegawai Penerbitan: Azhari bin Hamzah

Ketua Pelapor Perbahasan Parlimen: Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop, P.P.N.  
Haji Suhor bin Husin

Pelapor Perbahasan Parlimen: Mohd Saleh bin Mohd. Yusop  
Hajah Supiah binti Dewak  
Hajah Kalsom binti Ghazali  
Mohamed bin Osman  
Hajah Norishah binti Mohd. Thani  
Zaharah binti Naim  
Norwahidah binti Azizi  
Rozita binti Abd. Samad  
Jainah binti Sakimin  
Ahmad Kamal bin Mohd. Yusop  
Shamsina binti Janor

Bentara Mesyuarat: Lt Kol. (B) Haji Rahimuddin bin Abdul Mutalib

**MALAYSIA**

**DEWAN RAKYAT**

**Selasa, 14hb. November, 1995**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang**

**D O A**

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

---

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI  
PERTANYAAN-PERTANYAAN**

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat Che Ibrahim bin Mustafa.

*[Soalan No. 1 - Y.B. Che Ibrahim bin Mustafa tidak hadir]*

**CUKAI PENDAPATAN - BILANGAN DIDAKWA DI MAHKAMAH**

**2. Tuan Chia Kwang Chye** minta Menteri Kewangan menyatakan:-

- (a) berapa orang telah didakwa di mahkamah kerana tidak membayar cukai pendapatan pada tahun 1993 dan 1994;
- (b) apakah nilai pungutan yang berhasil dari tindakan mahkamah itu; dan
- (c) apakah peratusannya mengikut komersil dan persendirian atau individu.

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Wong See Wah]:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Bilangan kes iaitu individu dan syarikat yang telah didakwa di mahkamah kerana tidak membayar cukai pendapatan ialah sebanyak 10,606 kes bagi tahun 1993 dan 16,011 kes dalam tahun 1994.

- (b) Nilai pungutan hasil daripada tindakan mahkamah itu ialah sebanyak RM223,646,245.21 bagi tahun 1993 dan RM198,152,773.26 pada tahun 1994.
- (c) Bagi tahun 1993, 92.4% daripada bilangan kes yang telah didakwa adalah terdiri daripada individu dan 7.6% adalah syarikat. Manakala bagi tahun 1994, 80.5% adalah individu dan 19.5% adalah syarikat.

**Tuan Md. Isa bin Sabu:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Daripada bilangan kes yang banyak begitu melibatkan individu dan syarikat, berapa banyak kes yang diisytiharkan bankrap oleh pihak mahkamah?

**Dato' Wong See Wah:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf oleh kerana saya tidak memperolehi apa-apa maklumat setakat ini, jadi saya akan memberitahu secara bertulis.

**Tuan Chia Kwang Chye:** Tuan Yang di-Pertua, memandangkan kepada hasil pungutan melalui dakwaan itu begitu besar dan berdasarkan bahawa kerajaan akan memulakan cara 'self-assessment', apakah tindakan kerajaan untuk meninggikan denda atau penjara ke atas orang yang tidak membayar cukai pendapatan dan sama ada kerajaan akan menambahkan kakitangan atau pegawai penguat kuasa untuk tujuan ini?

**Dato' Wong See Wah:** Tuan Yang di-Pertua, setakat ini Jabatan Hasil Dalam Negeri sebenarnya tidak menghadapi masalah yang besar dan teruk oleh kerana tindakan-tindakan mahkamah ini, apa yang telah dilakukan itu hampir 100% dapat kita kutip balik daripada tunggakan-tunggakan yang patut dibayar itu. Mungkin pada keseluruhannya kalau jabatan menghadapi sedikit sebanyak masalah, iaitu berkaitan dengan kekurangan kakitangan dan juga sekarang dalam proses untuk mengkomputeraikan jabatan ini, saya percaya kalau ada apa-apa masalah pun adalah di dalam kawalan.

**LESEN MEMANDU KENDERAAN BARANG -  
PEMAKAIAN LENCANA PLASTIK**

**3. Tuan Jimmy Donald** minta Menteri Pengangkutan menyatakan apakah fungsi dan faedah lencana plastik lesen memandu kenderaan barang-barang Malaysia yang terpaksa disimpan di saku pemandu memandangkan setiap kali pemeriksaan diadakan mereka terpaksa mengeluarkan lesen yang sebenarnya.

**Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam]:**

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, fungsi pemakaian lencana plastik lesen vokasional adalah sebagai tanda pengenalan bahawa seseorang itu adalah pemandu kenderaan barangan atau kenderaan perkhidmatan awam. Walau bagaimanapun, mulai 18hb. September 1995, kerajaan telah memansuhkan keperluan memakai dan mempamerkan lencana berkenaan.

Dengan pemansuhan ini bermakna pemandu-pemandu vokasional tidak perlu lagi membawa atau memakai lencana dan hanya disyaratkan untuk membawa lesen vokasional bersama-sama dengan lesen memandu competence semasa memandu. Kedua-dua lesen perlu ditunjukkan kepada pihak penguat kuasa pada bila-bila masa diminta berbuat demikian. Pemansuhan pemakaian lencana ini adalah dibuat memandangkan amalan pemakaiannya didapati tidak berkesan bagi tujuan pengenalan dan pengaduan orang awam mengenai masalah untuk mencatatkan nombor siri lencana kerana ia perlu menghampiri pemandu untuk melihat lencana berkenaan dengan jelas. Bagi pihak penguat kuasa pula, walaupun lencana ini boleh membantu initial screening, dengan izin, tetapi mereka masih perlu merujuk kepada lesen vokasional selepas itu. Di samping itu, lencana boleh disalahgunakan di mana terdapat kes-kes lencana dipinjamkan kepada orang lain bagi mengelakkan initial screening pihak penguat kuasa. Inilah sebabnya maka lencana ini telah pun dimansuhkan pada bulan September, seperti yang disebutkan sebentar tadi.

Saya suka juga memaklumkan bahawa lesen memandu kenderaan barangan jumlahnya pada ketika ini ialah 331,924 manakala lesen memandu kenderaan perkhidmatan awam (PSV) yang terlibat dengan pemansuhan pemakaiannya ialah 100,393.

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Tuan Yang di-Pertua, dengan pembatalan peraturan pemakaian lencana pada 18.9.95, adakah Kementerian Pengangkutan iaitu melalui JPJ mengeluarkan PSV tersebut apabila seseorang pemandu itu layak menerima lesen PSV ataupun GDL. Apakah kedudukan kesalahan tersebut di dalam RTA, sama ada telah dimansuhkan ataupun belum?

**Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam:** Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana lesen vokasional ini telah pun dimansuhkan iaitu lencana plastik, maka ianya tidak lagi dikeluarkan, ini bererti seseorang itu tidak perlu lagi memiliki lencana plastik seperti yang terdahulunya yang mereka miliki. Dan daripada segi kesalahan pula, oleh kerana lesen plastik ini tidak perlu lagi digunakan maka mereka tidak lagi melanggar peraturan, tetapi sekiranya mereka tidak membawa lesen kenderaan vokasional dan juga lesen memandu biasa, maka mereka akan tertakluk kepada undang-undang yang sedia ada.

#### **PROFESION PERGURUAN - PENGHORMATAN**

4. **Puan Hajah Ilani binti Dato' Haji Isahak** minta Menteri Pendidikan menyatakan:-

- (a) apakah pandangan beliau terhadap saranan profesion perguruan diasingkan dari perkhidmatan am (civil service) supaya penghormatan wajar diberi kepada bidang yang sangat penting ini;
- (b) setujukah beliau guru-guru yang telah berkhidmat melebihi 10 tahun digalag menambah profesionalisme perguruan mereka melalui diploma atau ijazah tambahan; dan
- (c) bukankah wajar guru-guru yang cemerlang dan berkhidmat lama diberi penghargaan melalui sokongan mendapat kurniaan pingat-pingat dan bintang-bintang kebesaran peringkat negeri atau negara.

**Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk Dr. Fong Chan Onn]:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Tuntutan perkembangan pendidikan masa kini banyak menjurus kepada peningkatan kualiti dan tahap profesionalisme yang tinggi. Baru-baru ini banyak persoalan dibangkitkan tentang kedudukan profesion perguruan. Sebuah jawatankuasa yang dilantik baru-baru ini sedang mengkaji persoalan yang menyeluruh tentang profesion perguruan dan jawatankuasa ini dijangka mengemukakan perakuan-perakuannya sedikit masa lagi.
- (b) Semua guru bukan sahaja yang telah berkhidmat melebihi 10 tahun, adalah digalakkan menambah profesionalisme perguruan mereka di semua peringkat, diploma atau ijazah tambahan.
- (c) Perkara ini sedang dilaksanakan dan merupakan usaha yang berterusan.

#### **PERSIMPANGAN JALAN SKUDAI - TINDAKAN KERAJAAN ELAK KESESAKAN**

5. **Tuan Teu Si @ Chang See Ten** minta Menteri Kerja Raya menyatakan apakah rancangan dan tindakan yang berkesan yang akan dilaksanakan oleh Kementerian Kerja Raya untuk menyelesaikan masalah kesesakan jalan yang serius di persimpangan jalan Jalan Skudai, Jalan Pasir Gudang dan Jalan Persisiran Perling, Taman Perling, Johor Bahru.

**Menteri Kerja Raya [Dato' Seri S. Samy Vellu]:** Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan masalah kesesakan di persimpangan Jalan Skudai, Kementerian Kerja Raya telah membuat permohonan kepada Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri untuk mempertingkatkan 3 buah persimpangan di sepanjang laluan Persekutuan Laluan Persekutuan I dari kilometer 0 di Johor Bahru ke kilometer 26 di Senai, ketiga-tiga persimpangan tersebut iaitu persimpangan Skudai, persimpangan Gelang Patah iaitu Tun Aminah, persimpangan Tampoi akan dinaikkan taraf menjadi persimpangan bertingkat iaitu grade seperti interchange.

Pembinaan persimpangan bertingkat Tampoi dijangka bermula pada bulan Januari 1996, manakala bagi persimpangan Gelang Patah dan Skudai, kerja ukur awalan telah disiapkan dan reka bentuk dijangka akan dapat disiapkan menjelang bulan September 1996.

Berkaitan dengan masalah kesesakan lalu lintas di persimpangan Jalan Pasir Gudang dan Jalan Persisiran Perling, Taman Perling, Johor Bahru, Kementerian Kerja Raya telah memohon peruntukan di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh bagi menaik taraf jalan berkenaan dengan melebarkan jalan dari dua lorong berkembar kepada tiga lorong berkembang sepanjang 30 kilometer. Jalan ini bermula dari jambatan Taman Perling iaitu jambatan ini dalam pembinaan oleh pihak LINK II Berhad iaitu syarikat konsesi yang mengendalikan projek penswastaan laluan kedua ke persimpangan bertingkat Pasir Gudang iaitu di Laluan Persekutuan I dan keseluruhan jalan Pelabuhan Pasir Gudang.

#### **KERETA TERPAKAI - RANCANGAN MEWUJUD PELUANG PERNIAGAAN MENGIMPORT**

6. **Tuan Zainal Abidin bin Osman** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan rancangan masa depan bagi mewujudkan peluang-peluang perniagaan mengimport kereta terpakai kerana tiada sebarang AP baru akan dikeluarkan kepada usahawan terbabit.

**Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Tuan Kerk Choo Ting]:** Tuan Yang di-Pertua, soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari kawasan Mersing telah pun dijawab pada 6hb. November, 1995, ketika menjawab soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kluang, oleh yang demikian tiada apa-apa maklumat tambahan yang hendak dikemukakan.

#### **SUSU FORMULA BAYI - MENGHAPUSKAN PENYEDIAAN DI HOSPITAL**

7. **Tuan Salamon bin Selamat** minta Menteri Kesihatan menyatakan:-

- (a) adakah Kementerian Kesihatan bercadang membatalkan atau menghapuskan penyediaan susu formula bayi di wad-wad bayi semua

hospital dalam usaha menggalakkan ibu-ibu memberi susu ibu kepada bayi mereka;

- (b) apakah tindakan yang diambil oleh Kementerian Kesihatan sekiranya didapati doktor/hospital masih memberi kerjasama kepada syarikat-syarikat susu formula bayi untuk mengadakan pelbagai bentuk promosi barangan pengeluaran mereka; dan
- (c) apakah polisi dan garis panduan yang telah dikeluarkan oleh Jawatankuasa Tata Etika Produk Susu Formula Bayi Kebangsaan mengenai penggalakan, perlindungan dan sokongan penyusuan susu ibu dan sejauh manakah etika tersebut dipatuhi serta dapat dilaksanakan dengan berkesan.

**Timbalan Menteri Kesihatan [Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman]:** Tuan

Yang di-Pertua,

- (a) Kementerian Kesihatan telah melancarkan konsep 'Baby Friendly Hospital', dengan izin, di mana polisi penyusuan susu ibu telah diutamakan. Matlamat dari polisi penyusuan ibu oleh Kementerian Kesihatan ialah 'menggalakkan semua ibu untuk memberi bayi mereka susu ibu sehingga bayi tersebut berumur empat hingga enam bulan dan terus menyusukan bayi disertai dengan makanan tambahan sehingga bayi berumur dua tahun.

Di hospital-hospital kerajaan, hanya susu ibu dibenarkan diberi kepada bayi pada empat bulan pertama, kecuali atas sebab kesihatan di mana bayi akan dibenar diberi susu selain dari susu ibu.

- (b) Mengenai dengan doktor/hospital yang masih memberi kerjasama kepada syarikat susu dengan mempromosi barangan mereka, Kementerian Kesihatan melalui Jawatankuasa Disiplin Ke atas Kod Etika Bagi Produk Formula Bayi yang dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan, Bahagian Kesihatan Awam boleh mengambil

tindakan terhadap doktor/hospital berkenaan, antaranya ialah kenyataan bertulis perakuan doktor/hospital akan mematuhi peraturan ‘Kod Etika Bagi Produk Formula Bayi’.

- (c) Kementerian Kesihatan telah mula melancarkan buku “Kod Etika Bagi Produk Formula Bayi” pada tahun 1979, dan telah pun disemak pada tahun 1983 dan 1985. Bagi semakan kali ketiga telah dilancarkan pada bulan Ogos 1995 di Pulau Pinang.

Pengwujudan dari Kot Etika ini ialah untuk mencapai matlamat ‘World Summit’ 1990 yang menguatkan usaha atau semangat kaum ibu menyusukan anak-anak mereka terutamanya pada empat hingga enam bulan pertama dan meneruskan susu ibu di samping makanan tambahan.

Polisi ini telah dilaksanakan di hospital-hospital kerajaan dan setakat ini pelaksanaannya adalah memuaskan dan mendapat kerjasama dari semua kakitangan hospital dan juga ibu-ibu yang menyusui bayi-bayi mereka.

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu apakah langkah kementerian di dalam usaha untuk mencari permasalahan kerana kebanyakan ibu-ibu ini dia tidak menyusukan bayi-bayi mereka, mereka menggunakan susu formula ini walaupun mereka mempunyai kemampuan untuk memberikan susu kepada anak mereka, adakah kementerian membuat satu kajian dan apakah langkah untuk mengatasi masalah.

**Dato’ Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya objektif untuk mengadakan galakan penyusuan susu ibu adalah disebabkan oleh keperluan untuk mendedahkan kepada ibu-ibu tentang kepentingan penyusuan susu ibu. Di antara maklumat yang penting dimaklumkan dan mendapat kefahaman dan kesedaran di kalangan ibu-ibu ialah penyusuan susu ibu dapat menyelamatkan sebanyak 1 juta nyawa bayi setiap

tahun dan boleh menyelamatkan nyawa bayi daripada penyakit-penyakit yang boleh dielak, di samping boleh mengurangkan jumlah wanita yang boleh mendapat penyakit-penyakit seperti kanser payu dara dan juga kanser pangkal rahim.

Usaha-usaha ini telah dijalankan melalui kempen 'Baby Friendly Hospital' di mana hospital digalakkan untuk membuat penerangan dan juga mematuhi kepada kod etika ini dengan tujuan supaya ibu-ibu khususnya dan ahli keluarga dapat membantu menggalakkan ibu untuk memberi susu ibu kepada bayi-bayi mereka.

**Tuan Md. Isa bin Sabu:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan, pada hemat Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah sebab-sebabnya ibu-ibu hari ini sukar sekali menyusukan anaknya dengan susu sendiri sampaikan kita hendak kena kempen untuk menimbulkan kesedaran?

**Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingat itu satu soalan yang mungkin berasaskan kepada masing-masing punya kesukaan dan keinginan - masalah peribadi yang dihadapi terutamanya kalau itu datangnya dari kaum bapa jugalah.

Jadi, saya rasa kaum bapa juga harus memainkan peranan menggalakkan keperluan untuk memberi susu ibu ini supaya ibu tidak mendapat satu anggapan yang salah bahawa dengan memberi susu ibu itu akan mengurangkan kemampuan dan keupayaan terus menjaga kecantikan atau pun keupayaannya untuk melayan si bapa.

Jadi, sebab itulah saya rasa kaum bapa juga harus bersama-sama menghidupkan semangat penyusuan susu ibu ini dalam semangat untuk menghidupkan kemesraan di dalam keluarga dan tidak hanya kemesraan antara kaum bapa dengan emak sahaja.

## **KONTENA BUTTERWORTH - KEMAMPUAN PENGENDALIAN**

**8. Tuan Lim Hock Seng** minta Menteri Pengangkutan menyatakan:-

- (a) jumlah wang dikutip untuk “Store Rent” selepas tempoh percuma di Kontena Wharf Butterworth untuk tahun 1991 hingga 1995;
- (b) sila beri kemampuan mengendalikan kontena sehari untuk eksport dan import di Dermaga Lama Bagan Dalam dan North Butterworth Container Terminal;
- (c) berapa buah syarikat penghantar kontena sedang berkhidmat di Pelabuhan Pulau Pinang. Namakan syarikat-syarikat tersebut dan juga bilangan ‘trailer’ dan ‘prime mover’ mereka punyai; dan
- (d) adakah kementerian bersedia kembalikan bayaran “Store Rent” jikalau kelewatan mengeluarkan kontena disebabkan oleh kelemahan-kelemahan Pelabuhan atau penghantar.

**Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam]:**

Tuan Yang di-Pertua , jawapan kepada soalan Yang Berhormat:

- (a) jumlah kepada storage charges untuk kontena yang dikutip selepas tempoh percuma di Pengkalan Kontena Butterworth, Pelabuhan Pulau Pinang adalah seperti berikut:

TAHUN	RM
1991	4,725,800
1992	4,889,300
1993	3,249,985
1994	5,172,370
1995 (hingga Sept.)	5,050,403

- (b) Penang Port Sdn. Bhd. Mempunyai kapasiti mengendalikan ‘off-loading’ dan pre-mounting, dengan izin sebanyak 1,900 TEUs sehari, iaitu import 950 TEUs dan eksport 950 TEUs di yad kontena di Pengkalan Kontena Butterworth serta Pengkalan Kontena Butterworth Utara.

- (c) 5 buah syarikat pengangkut kontena sedang beroperasi di Pelabuhan Pulau Pinang. Nama syarikat-syarikat tersebut serta bilangan “trailer” dan “prime mover” untuk kawasan utara adalah seperti berikut:

Nama Syarikat	Trailer	Prime mover
Kontena Nasional Sdn. Bhd.	785	117
Konsortium Perkapalan Bhd.	664	89
MISC Haulage Sdn Bhd.	500	68
Di Perdana Corporation Bhd.	243	35
Multi-modal Freight Sdn. Bhd.	210	31

- (d) Penang Port Sdn. Bhd. telah pun memberikan pembayaran ex-gratia iaitu bayaran balik 40% daripada storage charges, dengan izin, yang telah dikutip dalam tempoh kesesakan di Pelabuhan Pulau Pinang untuk import kontena laden sahaja.

**Tuan Lim Hock Seng:** Tuan Yang di-Pertua , soalan tambahan. Soalan saya dibangkitkan kerana ada ugutan atau suara dari pengimport-pengimport kontena bahawa kontena mereka telah tersangkut di kontena selama 10 hari hingga 2 minggu tidak dapat dikeluarkan. Dan dari angka-angka yang dapat di jawapan oleh Yang Berhormat, sehingga RM5 juta dikutip dalam setahun kerana over

storage period. Saya ingin mendapat satu penjelasan dari Yang Berhormat apakah langkah-langkah yang boleh diambil supaya storage dalam dermaga ini boleh diatasi. Yang bermakna boleh dicepatkan konteka itu dikeluarkan dari dermaga?

**Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam:** Tuan Yang di-Pertua , untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebab utama mengapa pada ketika ini masih banyak lagi kontena yang masih tersimpan lebih daripada tempoh simpan percuma yang telah ditetapkan oleh Penang Port Sdn. Bhd. adalah kerana pengimport-pengimport sendiri lebih suka menyimpan barang mereka di dalam kontena yard Pelabuhan Pulau Pinang.

Keduanya, kerana barang-barang yang mereka import ini tidak diperlukan dengan segera di kilang mereka. Walau bagaimanapun, bagi memastikan semoga pengimport-pengimport mengambil dengan segera kontena-kontena mereka, maka kementerian menerusi Pelabuhan Pulau Pinang telah pun mengadakan satu skim yang dinamakan “Operasi Cepak” iaitu bagi meningkatkan lagi kesedaran di kalangan semua pihak yang terlibat dengan operasi pelabuhan, khususnya pengimport dan juga freight forwarders yang pada ketika ini didapati lebih suka mengambil barangannya lewat sedikit dan daripada tindakan-tindakan yang telah dilakukan melalui operasi cegah adalah didapati pengambilan kontena pada hari yang sama telah meningkat. Walaupun peratusnya masih lagi rendah tetapi melalui “Operasi-operasi Cepak” kementerian sedang monitor perkara ini secara harian dan juga mingguan.

Saya suka memaklumkan bahawa sistem ini dilakukan di semua pelabuhan termasuk di Pelabuhan Klang. Bagi Pelabuhan Klang saya suka memaklumkan bahawa kemudahan ini akan disambung di Pelabuhan Pulau Pinang di mana jumlah hari percuma untuk meletak kontena telah pun diturunkan daripada 5 kepada 4 sahaja. Di Pulau Pinang masih lagi belum diturunkan, tetapi apabila tiba masa yang sesuai dan apabila didapati kesemua mereka yang beroperasi di Pelabuhan ini telah serasi dengan cara kerja bersepadu, maka jumlah hari akan

dikurangkan dan dengan ini akan dapat mengurangkan lagi jumlah kontena di simpan lebih dari hari biasa di dalam kontena yard di Pelabuhan.

Itulah tindakan-tindakan yang sedang diambil oleh pihak kementerian di samping memperkenalkan sistem electronic data information apabila tiba masanya di Pelabuhan Pulau Pinang ini.

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin:** Tuan Yang di-Pertua , soalan tambahan. Saya difahamkan bahawa “dry container” terminal di Ipoh mempunyai banyak masalah pentadbiran kakitangan. Jadi, adakah kementerian sedar dan apakah tindakan kementerian untuk mengatasi masalah ini supaya perjalanan dry container terminal ini dapat dijalankan dengan licin.

**Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam:** Tuan Yang di-Pertua, kementerian telah pun menerima satu surat rasmi yang berkaitan, yang telah juga dibangkitkan oleh Ahli Parlimen dari Tambun tempoh hari. Saya suka menjelaskan bahawa pengurus kita di sana telah terkena ‘lumpuh’, oleh itu tempat beliau telah pun digantikan dengan pegawai yang lain, tetapi ianya tidak menjejaskan operasi Ipoh Container Terminal.

Namun demikian, terdapat beberapa aduan berkaitan dengan kerja-kerja yang saya fikir sedang dibincang antara kementerian dan juga ICT (Ipoh Container Terminal) dengan pihak yang membuat aduan dan ianya akan dibereskan dengan suasana mesyuarah dengan semua pihak yang terlibat.

Walau bagaimanapun, saya suka menyatakan bahawa Ipoh Container Terminal telah juga mencatatkan keuntungan yang baik, di luar dugaan kita sebelum Ipoh Container Terminal ini dijalankan.

**9. Tuan Badrul Hisham bin Abdul Aziz** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan oleh kerana kesesakan lalu-lintas di beberapa bandar semakin teruk sehingga menjejaskan perjalanan kereta bomba dan lewat sampai ke kawasan kebakaran;

- (a) adakah kementerian bercadang mengkaji semula ura-ura yang telah dibuat tidak lama dahulu untuk mengadakan pengiring bermotosikal (outrider) bagi memudahkan pergerakan kereta-kereta bomba; dan
- (b) jika tidak bercadang sedemikian, apakah langkah-langkah yang ada untuk memastikan kenderaan bomba tidak terperangkap dalam kesesakan lalulintas memandangkan penggunaan siren masih mempunyai kelemahan.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Tuan Peter Chin Fah**

**Kui]:** Tuan Yang di-Pertua , untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, mengadakan khidmat pengiring motosikal (outrider) adalah bidang kuasa polis trafik di negara kita. Buat masa ini, polis trafik memberi kerjasama yang memuaskan kepada pihak bomba apabila diperlukan bantuan outrider, maka pihak bomba tidak perlulah mengadakan outrider sendiri.

Bagi kawasan bandar yang mempunyai kesesakan lalulintas, strategi yang baik bagi keberkesanan pergerakan bomba adalah dengan menubuhkan lebih banyak balai-balai kecil di dalam pusat bandar. Langkah ini telah dimulakan dan diharap dapat diperkembangkan lagi di dalam Rancangan Malaysia Ketujuh.

**Tuan Noh bin Omar:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah pihak kementerian Yang Berhormat melalui Jabatan Bomba mempunyai peralatan yang canggih dan mencukupi serta tenaga yang terlatih untuk mengatasi kebakaran seandainya berlaku ke atas bangunan-bangunan pencakar langit yang begitu banyak dibina sekarang ini terutamanya di kawasan-kawasan bandar?

**Tuan Peter Chin Fah Kui:** Tuan Yang di-Pertua, perkara ini sedang dirancang dan setakat ini, kita telah mengadakan peralatan-peralatan yang disebutkan oleh Ahli Yang

Berhormat tetapi ini bukan bermakna sudah cukup tetapi kita masih berusaha lagi untuk menambahkan peralatan-peralatan yang canggih ini.

**Tuan Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah tindakan yang diambil oleh kementerian untuk menentukan kesemua pili bomba yang banyak ada di bandar-bandar dan juga di luar bandar menentukan tekanan air yang cukup dan sewajarnya apabila berlakunya kebakaran?

**Tuan Peter Chin Fah Kui:** Perkara ini adalah satu perkara yang sentiasa diambil kira oleh pihak Jabatan Bomba dan kita bekerjasama dengan pihak berkuasa tempatan supaya pili-pili bomba ini dijaga dengan baik dan diservis dengan baik supaya apabila berlaku kebakaran, pili-pili ini senang dicari dan digunakan oleh anggota bomba.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Perkhidmatan Bomba pun ada satu skim di mana kita menggalak penduduk-penduduk di dalam kawasan perumahan supaya mereka boleh menubuhkan pasukan untuk cuba menjaga pili-pili bomba ini. Maknanya mereka boleh membantu pihak Jabatan Bomba dan juga pihak berkuasa tempatan untuk memotong rumput dan sebagainya supaya pili-pili bomba ini tidak dikacau dan senang dicari apabila berlaku kebakaran.

### **GSP - PENARIKAN TARAF OLEH AMERIKA SYARIKAT**

10. **Dato' Hew See Tong** minta Menteri Kewangan menyatakan mengenai kemungkinan penarikan Malaysia daripada taraf "Generalised System of Preferences" (GSP) oleh Amerika Syarikat pada Januari 1997; sama ada menteri bersedia untuk memperkenalkan atau melaksanakan langkah-langkah yang positif seperti menyediakan cukai insentif terhadap barangan eksport kita supaya dapat meningkatkan persaingan dalam pasaran antarabangsa.

**Dato' Wong See Wah:** Tuan Yang di-Pertua, kerajaan tidak dapat menyediakan insentif cukai yang dikaitkan secara langsung dengan prestasi eksport barangan Malaysia seperti galakan eksport kerana langkah sedemikian akan dianggap sebagai satu subsidi

mengikuti Pertubuhan Perdagangan Antarabangsa (WTO) dan dengan demikian, boleh mencetuskan tindak balas daripada negara lain.

Sungguhpun begitu, untuk membantu eksport termasuk perkhidmatan, kerajaan telah menubuhkan, dengan izin, Export Import Bank of Malaysia Berhad (EXIM Bank) yang telah beroperasi semenjak 7hb. September 1995 untuk menyediakan perkhidmatan kewangan dan kemudahan pembiayaan bagi meningkatkan perdagangan antarabangsa melalui program pembiayaan pelaburan modal bagi sektor berorientasikan eksport.

Dalam pada itu, kerajaan telah juga menyediakan beberapa insentif cukai dan bukan cukai yang secara tidak langsung membolehkan barangan eksport Malaysia bersaing di pasaran antarabangsa. Kebanyakan insentif yang disediakan adalah untuk mengurangkan kos pengeluaran syarikat. Insentif ini diberikan dalam bentuk pengecualian duti import dan cukai jualan ke atas mesin, peralatan, bahan mentah dan bahagian komponen yang digunakan dalam pengeluaran barangan eksport.

Khusus bagi menjamin eksport minyak sawit diproses untuk terus bersaing di pasaran antarabangsa, duti eksport ke atas barangan tersebut telah digantung bagi tempoh satu tahun mulai 1hb. November 1995. Di samping itu, insentif cukai juga diberikan untuk menggalakkan syarikat menjalankan aktiviti penyelidikan dan pembangunan dan aktiviti latihan. Penggalakan aktiviti penyelidikan dan pembangunan akan mendorong syarikat untuk sentiasa memperbaiki keluarannya atau mencipta keluaran baru yang menepati kehendak pengguna yang sering berubah-ubah. Penggalakan aktiviti latihan pula akan menyediakan syarikat dengan pekerja mahir yang diperlukan bagi meningkatkan produktiviti dan mengurangkan kos.

**Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, adakah kementerian beliau telah menjalankan kajian untuk mengenal

pasti berapa jumlah barang-barang eksport yang terlibat ataupun affected dengan penarikan balik GSP ini dan implikasi pendapatan eksport kerana perkara ini penting. Jika ada kajian, apakah keputusan awal daripada itu dan kalau tidak ada kajian, kenapa tidak ada?

**Dato' Wong See Wah:** Tuan Yang di-Pertua, jumlah eksport yang dikeluarkan kepada Amerika Syarikat ialah RM32.52 bilion dan bahagian yang menikmati kemudahan GSP ialah RM5.92 bilion. Kalau kita banding dengan eksport perkilangan Malaysia ke seluruh dunia ialah merupakan 5.2% dan kerajaan dari sejak awal telah mengingatkan kepada para pengeksport di negara kita supaya membuat persiapan untuk menghadapi kemungkinan penarikan balik kemudahan GSP oleh mana-mana negara pembeli termasuk juga Amerika Syarikat dan juga difikirkan penarikan ini sepatutnya tidak dijadikan sebagai satu penghalang untuk terus mempertingkatkan lagi eksport ke pasaran Amerika Syarikat.

Ini adalah disebabkan kerana perbezaan cukai di bawah skim GSP berbanding dengan tahap cukai di bawah status negara keutamaan akan berkurangan secara progresif berikutan dengan persetujuan penurunan cukai mulai tahun 1965 hingga 1995 oleh negara tersebut di bawah rundingan Pusingan Uruguay.

**Tuan Hashim bin Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, selain daripada Amerika, negara-negara manakah lagi yang memberikan taraf GSPnya kepada Malaysia dan adakah kemungkinan mereka juga akan mengikuti langkah Amerika ini?

**Dato' Wong See Wah:** Tuan Yang di-Pertua, negeri-negeri yang memberi kemudahan GSP kepada Malaysia termasuk Eropah, Perancis dan sebagainya.

#### **PEMBINAAN SEKOLAH VERNAKULAR - PERUNTUKAN TANAH OLEH PEMAJU**

11. **Tuan Wong Kam Hoong** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sama ada kerajaan bercadang untuk meminda undang-undang mewajibkan pemaju memperuntukkan tanah yang cukup bagi pembinaan sekolah-sekolah vernakular dalam projek perumahan besar-besaran berdasarkan kaum penduduknya.

**Tuan Peter Chin Fah Kui:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan tidak mempunyai undang-undang khusus mengenai penyediaan tapak sekolah. Namun demikian, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa dengan panduan Kementerian Pendidikan telah menyediakan satu piawaian perancangan bagi menyediakan tapak sekolah di kawasan-kawasan perumahan di mana saiznya memerlukan penyediaan tapak sekolah.

Bagi pembangunan projek perumahan besar-besaran, pihak pemaju akan dikehendaki oleh Pihak Berkuasa Tempatan untuk menyediakan peruntukan tapak penggunaan sekolah di dalam kawasan yang dibangunkan mengikut piawaian perancangan ini. Sama ada sekolah itu adalah jenis venicular atau jenis sekolah lain yang bakal didirikan adalah di luar bidang tugas Pihak-pihak Berkuasa Tempatan dan juga Kementerian ini untuk menentukannya.

**Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Mengenai piawaian yang dimaksudkan tadi, bagaimanakah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan memastikan bahawa piawaian itu dipenuhi oleh pemaju-pemaju yang memajukan kawasan yang kurang sedikit daripada keperluan piawaian itu dan oleh sebab itu dia tidak perlu mengadakan peruntukan itu. Kemudian, apabila dia telah habis, dia akan membuat satu lagi dan setiap kali dia membuatnya, dia tidak memenuhi syarat keperluan tersebut.

**Tuan Peter Chin Fah Kui:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, piawaian ini walaupun dikeluarkan daripada Jabatan Perancang Bandar dan Desa, piawaian ini telah dikemukakan kepada pihak negeri dan pihak negeri pula telah mengemukakan piawaian ini kepada Pihak Berkuasa Tempatan. Pihak Berkuasa Tempatan memang berhak untuk menggunakan piawaian ini sepenuhnya atau dengan menggubalkan piawaian ini mengikut kehendak-kehendak mereka di dalam melaksanakan pelan kemajuan setempat dan bagi pihak

kita di kementerian, kita cuba menggalakkan mereka untuk menggunakan piawaian ini sepenuhnya.

Jikalau ada perubahan, perubahan ini memang berlaku di peringkat pelaksanaan, iaitu di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan. Masalah yang ditunjukkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi memang berlaku dan kita cuba menasihatkan mereka supaya piawaian ini digunakan dengan adil dan saksama dan kalau perlu piawaian ini digunakan, Pihak Berkuasa Tempatan akan menggunakannya dengan sepenuhnya.

**Tuan Noh bin Omar:** Tuan Yang di-Pertua, dari rekod kementerian, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menjelaskan berapa banyakkah sekolah-sekolah yang telah dibina oleh pemaju-pemaju perumahan di negara ini?

**Tuan Peter Chin Fah Kui:** Minta maaf, tidak jelas soalan itu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Sekolah yang dibina oleh sipemaju. Itu yang disoalnya.

**Tuan Peter Chin Fah Kui:** Boleh ulang sedikit?

**Tuan Noh bin Omar:** Dari rekod kementerian, bolehkah Yang Berhormat menerangkan berapa banyak sekolah-sekolah yang telah dibina oleh pemaju-pemaju perumahan di negara kita ini?

**Tuan Peter Chin Fah Kui:** Minta maaf Yang Berhormat, buat masa sekarang saya tidak ada angka ini dan kalau perlu, saya cuba minta jabatan untuk mengadakan angka ini dan mengirimkan kepada Yang Berhormat.

#### **MEMBAIKPULIH SISTEM SALIRAN PERAIRAN - PERUNTUKAN**

**12. Dr. Tan Yee Kew** minta Menteri Pertanian menyatakan:-

- (a) jumlah peruntukan yang disediakan dalam RM6 dan jumlah wang yang telah digunakan untuk tujuan mendalamkan sungai-

sungai, membina dan meningkatkan kedudukan sistem saliran perairan di daerah Klang; dan

- (b) jumlah peruntukan yang telah dicadangkan untuk tujuan yang sama dalam RM7.

#### 20.11.95

5. **Dr. Tan Yee Kew** minta Menteri Pertanian menyatakan jumlah peruntukan yang disalurkan kepada Majlis Perbandaran Klang dan digunakan untuk tujuan membina dan meningkatkan kedudukan sistem saliran perairan pada tempoh masa RM6.

**Timbalan Menteri Pertanian [Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor]:**

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menjawab soalan ini dan soalan yang sama juga daripada Ahli Yang Berhormat yang sama yang dijadualkan pada 20 November 1995 memandangkan perkara yang dibangkitkan adalah hampir sama dan berkaitan. Dengan ini, saya ingin memohon kedua-duanya dijawab serentak pada hari ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Baiklah.

**Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Di bawah Rancangan Malaysia Keenam, sejumlah RM3,884,990 telah disediakan untuk projek mendalamkan sungai-sungai dan meningkatkan sistem saliran di daerah Klang.
- (b) Di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh, JPS telah memohon peruntukan untuk tujuan yang sama. Walau bagaimanapun, peruntukan masih dalam pertimbangan kerajaan.

Di bawah Rancangan Malaysia Keenam, Majlis Perbandaran Klang tidak diberi peruntukan, sebaliknya sejumlah RM830,000 telah disalurkan kepada Jabatan Pengairan dan Saliran untuk meningkatkan sistem saliran di bandar Klang.

**Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dua hari yang lalu, sebuah bot nelayan karam di muara Sungai Marang, Terengganu, tetapi mereka dapat menyelamatkan diri dengan berenang. Ini ada kaitan dengan muara sungai yang cetek. Saya difahamkan ada teknologi baru untuk mendalamkan muara-muara sungai ini supaya tahan lama. Apakah kementerian bercadang untuk mendalamkan muara sungai-sungai di Malaysia bagi memudahkan pengguna, terutama sekali nelayan dan juga untuk mengelakkan banjir?

**Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor:** Tuan Yang di-Pertua, memang menjadi hasrat kementerian saya untuk berikhtiar bagi mendalamkan muara-muara sungai, khususnya di kawasan-kawasan perikanan ataupun pendaratan perikanan.

Walau bagaimanapun, kajian sedang dibuat berdasarkan case by case, jadi kita tidak boleh buat secara menyeluruh, kerana sebagaimana kita ketahui bahawa perbelanjaan untuk mendalamkan kuala-kuala sungai ini adalah terlalu besar. Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, dalam Rancangan Malaysia Keenam sahaja, JPS telah memperuntukkan sebanyak RM473,687.90 sen untuk kerja-kerja sebagaimana yang saya katakan. Tetapi, dalam peruntukan yang banyak itu, Terengganu hanya mampu diberi RM683,000 sahaja kerana kajian-kajian sedang dibuat untuk menentukan sistem sebagaimana Yang Berhormat katakan itu.

**Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Mendalamkan sungai pada saya adalah merupakan, dengan izin, addressing the effect after the cost. Effect ialah siltation ataupun mendapan dan kosnya ialah surface run-off ataupun air yang mengalir yang membawa pasir dan juga tanah-tanah. Pada saya, mendalamkan sungai bukanlah satu cara untuk memastikan supaya kita dapat memastikan tidak ada banjir dan sebagainya.

Cara yang lebih baik pada saya ialah untuk memastikan kita tidak ada surface run-off. Jadi saya hendak bertanya kepada Kementerian Pertanian sama ada kerajaan mempunyai rancangan untuk memastikan tebing-tebing sungai dapat dipelihara dan surface run-off yang datang daripada hakisan bukit-bukit dan juga jalan-jalan di tebing-tebing sungai dipastikan dapat dikurangkan sehingga menyebabkan siltation berkurangan dan sungai-sungai tidak dipaksakan untuk didalman.

**Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor:** Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan yang diberikan oleh Ahli Yang Berhormat, memang kementerian menerusi JPS sentiasa mengambil perhatian tentang masalah yang dikatakan itu. Sebab itu kalau di Wilayah Persekutuan sahaja misalnya, JPS terpaksa membelanjakan atau memperuntukan sebanyak RM151 juta dalam Rancangan Malaysia Keenam bagi kerja-kerja yang patut ditambah akan ditambah; yang patut dibenteng, dibentangkan dan yang patut diluruskan sungai, diluruskan sungai.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat, di Pahang sahaja, kita terpaksa memperuntukkan sebanyak RM11,940,000 bagi mengatasi masalah-masalah yang dikatakan. Walau bagaimanapun, sudah pasti banyak lagi kawasan-kawasan yang perlu diberi perhatian dan ini berdasarkan kajian kita dari se masa ke semasa.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat Dr. Maximus Johnity Ongkili.

**Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Tuan Yang di-Pertua, dalam soalan 13 ada pembedulan. Jalan Marak Parak-Tagibang dan bukan Marak Parak-Tagibong. Tuan Yang di-Pertua, soalan nombor 13.

13. **Dr. Maximus Johnity Ongkili** minta Menteri Kerja Raya menyatakan adakah kementerian beliau sedar keadaan jalan raya Marak Parak-Tagibang sangat teruk dan bilakah kementerian beliau akan meneruskan pembinaan jalan raya tersebut sebagai jalan raya persekutuan sepertimana yang telah dilulus dan dimulakan pada tahun 1990.

**Menteri Kerja Raya [Dato' Seri S. Samy Vellu]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kerja Raya memang sedar jalan raya Marak Parak-Tagibang berada dalam keadaan yang teruk. Walau bagaimanapun, jalan raya tersebut adalah jalan negeri, oleh yang demikian, kerajaan tidak bercadang untuk membaikinya kerana ianya adalah di bawah bidang kuasa kerajaan negeri.

**Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pada tahun 1990, sebenarnya tender dan kerja telah pun dikeluarkan di bawah Kementerian Kerja Raya Persekutuan. Tetapi apabila hubungan dengan negeri selepas itu tidak di tahap yang baik, projek itu telah pun ditarik balik. Memang setakat ini ia di bawah tanggungjawab kerajaan negeri. Adakah pihak Kerajaan Pusat ingin mengkaji balik kedudukan jalan raya itu dan bagi jalan raya yang sekarang pun penuh dengan lubang-lubang, adakah pihak kementerian juga akan membantu mengatasi masalah ini memandangkan Menteri Kewangan telah mengatakan semua lubang-lubang akan ditampal pada tahun depan.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, saya akan menyiasat dalam perkara ini dan mendapat tahu adakah rancangan pada masa dahulu dan adakah peruntukan disediakan untuk projek daripada Kerajaan Persekutuan. Jikalau ada wang dan telah menarik balik peruntukan itu, kita akan menambah peruntukan. Jikalau ada juga jawapan dari Kementerian Kewangan jalan ini ditarafkan sebagai jalan negeri, saya kena cari jalanlah macam mana kita boleh selesaikan masalah ini.

**Tuan Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang:** Soalan tambahan Tuan Yang di-Pertua. Izinkan saya bertanya apakah dasar dan kriteria yang dijalankan oleh Kementerian Kerja Raya untuk mewujudkan atau mempertingkatkan jalan-jalan Kerajaan Pusat yang

penting menghubungi semua bandar besar di negara ini khususnya sepertimana Jalan Kuala Pilah ke Seremban?

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, jalan ada dua jenis iaitu jalan persekutuan dan jalan-jalan negeri. Mana-mana jalan disiarkan sebagai jalan persekutuan akan diselenggara dan juga akan diperbaiki dan diuruskan oleh Kementerian Kerja Raya.

Jalan-jalan yang dinamakan sebagai jalan negeri, peruntukan persekutuan akan diberi kepada JKR negeri oleh kerana JKR negeri dalam bidang kuasa negeri-negeri. Tanggungjawab itu ialah mereka akan menyelenggara atau memperbaiki keadaan jalan.

#### **ATLIT KE SUKAN KOMANWEL - BILANGAN, PRESTASI DAN PERUNTUKAN YANG DISEDIAKAN**

14. **Tuan Noh bin Omar** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan:-

- (a) bilangan ahli-ahli sukan yang telah dan akan dihantar menjalani latihan di luar negeri bagi menghadapi Sukan Komanwel 1998;
- (b) berapakah peruntukan yang disediakan untuk tujuan latihan tersebut; dan
- (c) setakat ini, adakah prestasi yang ditunjukkan oleh ahli-ahli sukan negara yang telah menjalani latihan di luar negeri boleh kita banggakan dan mencapai matlamat seperti yang diharapkan.

**Menteri Belia dan Sukan [Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd.**

**Yassin]:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Program penyediaan atlit ke Sukan Komanwel 1998, telah masuk ke fasa kedua di mana seramai 527 atlit telah pun dikenal pasti. Selain daripada latihan sepenuh masa, atlit-atlit ini telah pun menyertai program pendedahan yang melibatkan pertandingan dan juga latihan di luar negeri. Pada tahun 1995, atlit-atlit ini telah pun menyertai sebanyak 54 pertandingan dan latihan di luar negara. Hampir kesemua daripada mereka yang terpilih terlibat dengan program pendedahan ini.

- (b) Sebanyak RM18.6 juta telah pun diperuntukkan bagi aktiviti latihan dan pertandingan di luar negeri bagi tempoh sehingga 1998.
- (c) Peningkatan prestasi atlit yang menjalani program ini adalah ketara sekali. Namun demikian, kebanyakan daripada mereka adalah masih jauh daripada tahap memenangi pingat. Setakat ini hanya atlit daripada sukan angkat berat dan juga menembak sahaja yang telah pun menyamai ataupun melepasi pencapaian pemenang pingat di Sukan Komanwel 1994 yang lalu. Selain daripada itu, sukan badminton dijangka akan terus memberikan sumbangan pingat pada tahun 1998 nanti.

**Puan Seripah Noli binti Syed Hussin:** Tuan Yang di-Pertua, Malaysia sememangnya terkenal sebagai salah satu negara yang terbaik pasukan hokinya begitu juga badminton. Tetapi sekarang ini tidak kedengaran lagi mengenai keadaan serta perkembangan pasukan-pasukan ini. Saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri mengenai perkembangan terkini pasukan hoki negara, remaja dan dewasa serta pasukan badminton Malaysia.

**Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin:** Tuan Yang di-Pertua, kalau disebutkan bahawa prestasi sukan negara kita merosot, ini tidak berapa tepat kerana ada juga bukti yang menunjukkan sebagaimana yang telah pun saya sebutkan tadi beberapa kategori telah meningkat keupayaannya.

Memang kalau sebagaimana Yang Berhormat sebutkan tadi, hoki merupakan salah satu daripada jenis sukan yang agak nya menonjol pada satu ketika dahulu. Usaha masih lagi dijalankan oleh pihak Majlis Sukan Negara melalui program latihan termasuklah pendedahan di luar negara untuk meningkatkan mutu bidang hoki ini termasuk di peringkat remaja. Malahan saya boleh katakan peringkat remaja lebih menonjol daripada peringkat dewasa.

Apakah sebabnya kemerosotan ini - umum. Telah pun banyak kali kita perkatakan kita berharap bahawa persatuan-persatuan sukan kebangsaan, baik hoki ataupun badminton akan terus berusaha untuk memberikan sepenuh perhatian kepada program menyemai bakat-bakat baru kerana usaha untuk menonjolkan tokoh-tokoh sukan di peringkat antarabangsa mengikut pengalaman negara-negara yang maju dalam bidang sukan mengambil masa yang agak panjang. Satu bidang sukan umpamanya memerlukan 8 hingga 10 tahun untuk membimbing seorang atlit itu sampai ke peringkat antarabangsa. Ini pengalaman yang kita lihat berlaku di negara-negara maju. Sebab itu bimbingan terus diberikan oleh pihak kementerian saya khususnya Majlis Sukan Negara untuk mempertingkatkan pencapaian kita dalam kedua-dua bidang ini.

Bagi badminton sebagai contoh, Persatuan Badminton Malaysia (BAM) telah pun menubuhkan Akademi Badminton Malaysia dan usaha telah dan sedang pun dilaksanakan untuk memastikan bahawa tidak berbangkit apa-apa masalah di dalam persatuan ini dan juga dengan pemain-pemain yang biasanya kita kenali terkemuka untuk mewakili negara di dalam pertandingan Thomas Cup dan sebagainya. Saya masih yakin bahawa badminton mempunyai harapan yang masih cerah kerana banyak tindakan telah pun dibuat oleh pihak kementerian kita dan juga Persatuan Badminton Malaysia dan juga Akademi Badminton Malaysia untuk memastikan supaya kita masih boleh bertahan dengan kedudukan kita yang agaknya premier dalam bidang ini.

Namun begitu, saya yakin untuk Sukan Komanwel 1998 sebagai contoh, kita akan pastikan setidak-tidaknya penyertaan kita dalam acara badminton ini akan memberikan kita peluang untuk mendapat satu ataupun dua pingat di peringkat pertandingan ini nanti.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Nampaknya Yang Berhormat telah pun ada ambil beberapa langkah untuk memperbaiki keadaan terutamanya politik yang hangat di setengah-setengah persatuan sukan dan...*[Diganggu]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, teruskan.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Saya belum lagi hendak panas lagi...*[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Apa yang hendak dipanaskan Yang Berhormat? *[Ketawa]*

**Dr. Tan Seng Giaw:** Ini bidang yang penting. Kita hendak memperuntukkan sekurang-kurangnya RM18.6 juta untuk memperbaiki tingkat sukan negara ini dan Yang Berhormat Menteri pun mula menyedari apa masalah di persatuan-persatuan sukan di seluruh negara yang diganggu oleh politik. Politik memang politik parti dimasukkan di dalam sukan, ini sangat dahsyatlah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Apa soalnya Yang Berhormat?

**Dr. Tan Seng Giaw:** Adakah Yang Berhormat hendak ...*[Diganggu]* Kita tunggu sekejaplah sebelum saya sampaikan soalan yang bernas. *[Ketawa]* Adakah Yang Berhormat sanggup mengemukakan Akta Sukan untuk mencegah daripada berlakunya perkara-perkara yang tidak diinginkan yang menjejaskan mutu sukan di negara ini dan ekoran daripada itu apakah tahap yang diharapkan dicapai pada tahun 1998?

**Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin:** Tuan Yang di-Pertua, cadangan untuk mewujudkan Akta Pembangunan Sukan telah pun kita utarakan sebagai salah satu daripada pendekatan untuk membantu kita meningkatkan mutu sukan di negara kita dan memberikan kita suatu sokongan dari segi undang-undang untuk membantu persatuan-persatuan yang bermasalah. Mungkin tidak semua sebagaimana Yang Berhormat sebutkan

tadi terlibat dalam soal politik sukan, bukan politik untuk politik, tetapi politik untuk sukan. Oleh sebab itu, langkah sedang diambil oleh pihak kementerian saya untuk merangka secara kasar dahulu di peringkat awal draf bagi Akta Pembangunan Sukan ini. Kita tentunya akan mengambil masa sedikit untuk mendapatkan maklum balas daripada hampir kesemua pimpinan sukan di negara kita, dan juga mereka yang agaknya berminat untuk membantu kita memberikan idea bagi merumus satu akta yang kita anggap boleh dapat menolong kita mengatasi dan juga membantu memajukan sukan di negara kita.

Saya ingin menjelaskan di sini bahawa tujuan kita untuk mengemukakan akta ini sebenarnya bukanlah untuk hendak mencampuri urusan persatuan-persatuan sukan yang kesemuanya adalah ditubuhkan oleh pemimpin-pemimpin secara sukarela.

Sebagai sebuah badan bukan kerajaan, kita mesti mengakui akan peranan dan sumbangan mereka yang dibuat secara sukarela ini. Kita juga tahu bahawa kadang-kadang masalah itu menjadi satu isu yang menjadi tumpuan dan perhatian masyarakat di negara kita, kerana peruntukan yang kerajaan sediakan untuk membantu persatuan dan badan-badan sukan ini begitu besar, seperti untuk Sukan Komanwel sahaja, tadi saya sebutkan untuk latihan elit luar negara. Tetapi untuk melatih seluruh angkatan atlit di peringkat Sukan Komanwel, kita telah pun menyediakan peruntukan hampir RM200 juta dalam tempoh 5 tahun dan ini satu jumlah yang bukan kecil. Tentunya sumbangan ini amat bermakna bagi kita untuk meningkatkan kualiti dan mutu sukan di negara kita.

Sebab itu, tujuan kita menyediakan suatu akta ini ialah untuk membolehkan kerajaan membantu sekiranya ada masalah yang berbangkit dalam suatu kesatuan yang kadang-kadang berlarutan, yang seolah-olah tidak ada kesudahan dan tentu kalau ada peruntukan di mana menteri ataupun pihak-pihak tertentu dalam kerajaan diberikan suatu kuasa untuk

memperbetulkan. Saya kira mungkin masalah itu dapat kita atasi, tetapi itu sebahagian sahaja daripada tujuan akta.

Kita ada rancangan untuk memasukkan peruntukan-peruntukan yang lain, yang tujuannya juga untuk menyelaraskan program-program sukan di peringkat negara, di peringkat negeri, di peringkat pihak berkuasa tempatan.

Kita juga bercadang untuk memasukkan peruntukan di mana pihak badan seperti Majlis Olimpik Malaysia diiktiraf sebagai satu badan payung untuk membantu persatuan-persatuan di bawah gabungannya. Maknanya memberikan satu taraf di mana badan-badan seperti ini boleh berfungsi dengan lebih berkesan untuk membantu meningkatkan mutu sukan negara kita. Jadi, atas usaha inilah kita harap bahawa nanti respon daripada pemimpin-pemimpin persatuan sukan agaknya positif dan kita harap dia tidak akan menjadi satu penghalang. Atas dasar itulah saya yakin selepas daripada ini, menuju kepada Sukan Komanwel 1998, ia akan dapat dijadikan sebagai suatu dorongan. Akta bukan sebagai satu usaha untuk menghukum (punish), tetapi untuk membantu dan kita harap dengan cara begini, mutu sukan di negara kita akan dapat dipertingkatkan lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut telah pun suntuk.

*[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 1 dan No.15 hingga 32 akan dimasukkan dalam naskhah bercetak kelak].*

**RANG UNDANG-UNDANG****RANG UNDANG PERBEKALAN 1996****Bacaan Kali Yang Kedua****DAN****USUL****ANGGARAN PEMBANGUNAN 1996**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, “Bahawa Rang Undang-undang Perbekalan 1996 dibacakan kali yang kedua sekarang” dan “Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis:

“Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4(3) Akta Kumpulan wang Pembangunan 1996, membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih daripada RM14,200,768,500 (Ringgit Malaysia empat belas bilion, dua ratus juta, tujuh ratus enam puluh lapan ribu, lima ratus) dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 1996, dan bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembagnunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atua (“P”) dalam senarai Belanjawan Persekutuan, 1996 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 23 Tahun 1995, adalah diuntukkan di bawah Maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang berseentangan dengan butiran-butiran itu di ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut [13hb November, 1995].

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Jabatan Perdana Menteri diminta jawab.

**3.35 ptg.**

**Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan [Dato' Seri Anwar bin Ibrahim]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menjawab sekali gus bagi pihak Jabatan Perdana Menteri dan Kementerian Kewangan.

Saya juga ingin menyatakan penghargaan kepada rakan-rakan, Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberikan cadangan, teguran dan pandangan serta kritikan yang menyentuh tentang Belanjawan dan bidang tanggungjawab Jabatan Perdana Menteri dan Kementerian Kewangan.

Yang Berhormat dari Tanjong mencadangkan supaya umur bersara dilanjutkan pada 60 tahun atau 65 tahun bagi mengatasi masalah kekurangan tenaga kerja. Sementara hal itu patut diberikan pertimbangan, saya ingin menjelaskan bahawa pada masa ini kerajaan berpendapat umur 55 tahun adalah memadai, kerana pegawai-pegawai yang berkhidmat, yang diperlukan perkhidmatan mereka, yang melebihi umur 55 tahun telah dipelawa untuk meneruskan tanggungjawab mereka dan perkara ini masih dalam penelitian.

Yang Berhormat dari Ledang membangkitkan urusan peruntukan yang meningkat memandangkan tuntutan pelarasan gaji oleh CUEPACS, supaya lebih mementingkan kualiti dan produktiviti. Kerajaan mengambil kira juga perkara ini tetapi memandangkan kedudukan kewangan kerajaan dan juga memberikan pengiktirafan kepada sumbangan anggota sektor awam, maka pelarasan itu diberikan pertimbangan sepertimana yang diumumkan RM2 bilion bagi tahun ini dan juga RM1 bilion untuk bonus.

Yang Berhormat dari Keningau membuat tuduhan yang agak keras terhadap Kerajaan Persekutuan kerana kononnya menindas rakyat Malaysia dari Sabah. Ini sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, lagu lama cuba didendangkan baru [*Tepuk*] kerana ini mungkin sedikit-sebanyak berlaku, kerana pertikaian dahulu di antara pimpinan Kerajaan Negeri Sabah dengan Persekutuan. Tetapi keadaannya banyak berubah, jadi saya syorkan supaya Yang Berhormat dari Keningau buka buku-buku dan kitab-kitab baru, jangan terlalu berpandukan dengan sentimen lama. [*Tepuk*] Umpamanya dari segi kedudukan dua perkara yang melibatkan soal perlantikan perkhidmatan, ini diuruskan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan

Awam, satu badan yang bebas. Perlantikan itu ditetapkan dengan syarat yang ditentukan oleh Suruhanjaya.

Begitu juga soal kenaikan pangkat yang ditentukan berdasarkan merit. Walau bagaimanapun, seringkali ada bantahan atau perasaan tidak puas hati dan perkara ini sebenarnya diberikan pertimbangan dan bukanlah umpamanya kita harus melayani setiap perasaan tidak puas hati, kerana prinsip yang dipertahankan dalam Penilaian Prestasi Perkhidmatan Awam ialah pengurusan prestasi, keadilan, objektiviti, musyawarah dan ketelusan.

**Datuk Joseph Pairin Kitingan:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Ya, Keningau bangun.

**Datuk Joseph Pairin Kitingan:** Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan. Adakah pengwujudan beberapa consultants seperti yang terdapat di Yayasan Sabah itu adalah berasaskan merit ataupun yang sebenar bertujuan untuk mengenyahkan pegawai-pegawai yang berkenaan?

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, ini Dewan Parlimen, bukan Dewan Undangan Negeri Sabah! Kedudukan perlantikan consultants Yayasan Sabah itu urusan Kerajaan Negeri. Jadi, saya tidak dapat berikan kepastian sekarang, tetapi ada consultant yang dipilih oleh Ketua Menteri dahulu dan ada consultant yang dipilih oleh Ketua Menteri sekarang - biasalah. *[Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua, begitu juga perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Keningau mengenai perlantikan Ketua Menteri, beliau tidak puas hati dengan pengumuman yang dibuat bahawa Ketua Menteri Sabah dilantik secara bergilir-gilir dan ini kurang wajar berdasarkan pengertian Perlembagaan kita.

Perlembagaan Negeri Sabah memperuntukkan kuasa melantik Ketua Menteri dalam Perkara 6(3) dan dijalankan oleh Yang Di-Pertua Negeri Sabah mengikut budi bicaranya sepertimana yang diperuntukkan dalam Perkara 10(2) dan ditegaskan dalam Perkara 10(4).

Oleh yang demikian keputusan ini adalah keputusan dan kebijaksanaan parti yang memerintah di negeri Sabah dengan persetujuan parti yang berkuasa di mana-mana negara.

Oleh yang demikian, saya fikir tidak usahlah Ahli Yang Berhormat dari Keningau terlalu gundah-gulana tentang cara yang dipilih asalkan ia mendapat dukungan dari majoriti Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri.

Ahli Yang Berhormat juga membangkitkan soal....

**Datuk Joseph Pairin Kitingan:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Amat Berhormat, dia bangun.

**Datuk Joseph Pairin Kitingan:** Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan. Adakah bantahan daripada pemimpin-pemimpin parti UMNO Sabah terhadap giliran jawatan Ketua Menteri ini tidak menunjukkan bahawa pemimpin-pemimpin dan Ahli-ahli Yang Berhormat dari parti UMNO tidak menyokong terhadap giliran ini?

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, UMNO ini adalah parti demokratik. Jadi, ahli-ahlinya bagi pandangan dan kita terima pandangan. Bukan PBS! Jadi, oleh yang demikian, kalau pun Perdana Menteri mengumumkan, UMNO memberikan pandangan, jadi, sekarang ini Perdana Menteri menimbangkan dan mengambil kira pandangan-pandangan yang lain. Tetapi yang saya hendak jawab ini ialah prinsip bergilir

seperti mana diumumkan, itu tidak ada bertentangan dengan semangat Perlembagaan dan semangat demokrasi di negara kita.

Yang Berhormat dari Keningau juga membangkitkan soal Kerajaan Sabah tidak menunaikan janji untuk membangunkan Sabah. Saya fikir, sepatutnya Yang Berhormat adil dalam membuat pertimbangan kerana dalam tempoh dua tahun, 1994 sehingga September 1995, Kerajaan Persekutuan telah membelanjakan peruntukan sebanyak RM880 juta bagi melaksanakan projek pembangunan untuk kepentingan keadaan sosio-ekonomi Sabah. Pelaksanaan projek itu mencakup jalan, bangunan, pembangunan, agensi Persekutuan dan negeri dan juga projek pembangunan secara umum. Ini akan ditambah dalam peruntukan Rancangan Malaysia Ketujuh dan kadar kemiskinan di negeri Sabah juga akan turun. Tetapi yang bertanya itu adalah Yang Berhormat dari Keningau! Takkanlah sekarang baru hendak fikir soal orang miskin di Sabah itu. Sudah sekian lama kita bersama-sama bertanggungjawab, sepatutnya kita dapat teliti dan sama-sama menyelesaikan masalah ini.

**Datuk Joseph Pairin Kitingan:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Dia bangun lagi.

**Datuk Joseph Pairin Kitingan:** Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan soal kemiskinan, memang kita sama-sama bertanggungjawab dan kita telah pun mengambil tindakan terhadap apa yang boleh kita buat. Tetapi kita balik kepada prinsip giliran jawatan Ketua Menteri ini. Kalau prinsip itu boleh diterima, bolehkah prinsip ini juga dilakukan di peringkat Kebangsaan supaya jawatan Perdana Menteri boleh juga digilir-gilirkan?

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:** Masalah ini tidak berbangkit. Kalau Barisan Nasional bersetuju hendak bergilir, bergilirlah. Yang PBS hendak sibuk, apa fasal? *[Ketawa]* Ini soal yang diputuskan oleh kerajaan yang memerintah. Saya jawab berdasarkan peruntukan Perlembagaan Negara dan juga persetujuan setelah adanya permuafakatan di

antara parti-parti yang memerintah. Setakat ini, oleh kerana keadaan yang tertentu di negeri Sabah untuk memberi jaminan bahawa Sabah tidak harus terus menerus mengambil satu sikap dan pendekatan faham suku kaum yang sempit, maka kita memberikan jaminan dan keyakinan bahawa kita mahu Sabah membangun dan maju bersama Malaysia, kita mahu semua kaum bumiputera, bukan bumiputera, bumiputera yang beragama Islam, Kadazan, orang-orang Cina itu merasakan diri mereka selesa dan maju bersama Malaysia. *[Tepuk]*

**Datuk Joseph Pairin Kitingan:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Keningau bangun.

**Datuk Joseph Pairin Kitingan:** Tuan Yang di-Pertua, kalau prinsip ini diterima, kenapa pula baru sekarang dan bukan daripada tahun 1963 lagi difikirkan untuk negeri Sabah?

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, 1963 saya baru di sekolah menengah! Hendak jawab semua bagi pihak kerajaan sejak 1963 ini sukarlah sedikit. Tetapi yang saya boleh beri jaminan ialah saya dan Yang Berhormat dari Keningau sama-sama bertanggungjawab dan kita cuba lakukan apa yang munasabah sekarang yang mampu kita lakukan. Yang hendak bangkitkan lembaran sejarah lampau ini bolehlah, tetapi buat penyelidikan lainlah pula.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak beralih kepada Yang Berhormat dari Marang yang membangkitkan soal sistem perundangan negara. Saya ingin memberikan jaminan di sini bahawa kita tidak dapat nafikan bahawa undang-undang negara kita juga ada mengambil kira prinsip-prinsip common law Inggeris sebagai sumber. Perundangan ini tidak semuanya dianggap bertentangan dengan prinsip keadilan dan juga pada ketika kita mula menggunakan, kita memenuhi tujuan atau makhasis syariah.

Walau bagaimanapun, saya ingin jelaskan bahawa sudah ada jawatankuasa peringkat tertinggi, termasuk wakil dari kehakiman yang diminta mengkaji semula kesesuaian supaya prinsip common law ini dipinda dengan mengambil kira pertimbangan, iklim, undang-undang, adat, hukum, kefahaman setempat. Oleh yang demikian, masalah ini tidak berbangkit lagi.

**Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Ya, Marang bangun.

**Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang:** Tuan Yang di-Pertua, apa yang perlu ditekankan ialah prinsip-prinsip yang tidak mampu membatalkan beberapa undang-undang Inggeris yang terlalu bercanggah dengan hukum Islam ataupun boleh membatalkan kemampuan hukum Islam seperti undang-undang murtad sebagai satu contoh dan yang paling baru ialah masalah golongan anti- hadis. Ini adalah di antara hasil daripada beberapa kelemahan tersebut.

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, saya telah memberi jaminan bahawa dalam kajian yang dibuat akan mengambil kira prinsip dan menghormati kedudukan agama Islam dan juga budaya dan sejarah dan prinsip adat dan uruf yang termaktub di antara prinsip-prinsip yang harus diterima pakai selain daripada apa yang boleh dimanfaatkan dalam pengalaman common law Inggeris yang disebutkan. Walau bagaimanapun, kita harus jelas bahawa undang-undang kita masih dibahaskan di dalam Parlimen dan diluluskan oleh Parlimen sebagai badan perundangan tertinggi.

Sebagai sebuah negara yang merdeka dan berdaulat, kita mempunyai sistem perundangan yang tersendiri dan undang-undang kita haruslah mencerminkan dasar dan kehendak masyarakat kita dari kalangan penduduk dari semua kaum.

Yang Berhormat dari Kota Bharu mencadangkan agar IKIM bersama-sama dengan Pusat Islam dan Universiti Islam Antarabangsa membantu memberi pendedahan kepada semua rakyat tentang kebaikan dan keistimewaan sistem politik, pentadbiran, sosio-ekonomi berteraskan Islam supaya dapat mengelakkan kebimbangan masyarakat bukan Islam.

Saya berterima kasih atas keprihatinan tersebut, insya-Allah, kita lebih mudah melakukannya kalau kita tidak membiarkan Islam itu dipolitikkan dan Islam itu disempitkan untuk maksud-maksud yang terbatas. Orang bukan Islam akan lebih menghormati Islam dan penganut agama Islam sekiranya Islam itu dipamerkan dan juga diperjelaskan sebagai agama yang menepati keperluan semasa berteraskan kepada prinsip Quran dan Sunnah tetapi masih mengambil kira pandangan, sensitiviti dan menghormati kelainan yang ada dan wujud di kalangan berbagai kaum dan agama di negara kita.

Yang Berhormat dari Parit dan Bukit Mertajam membangkitkan peristiwa banjir di tempat masing-masing dan meminta kerajaan supaya merangka bantuan kecemasan. Kerajaan telah membuat keputusan supaya Jawatankuasa Bencana Alam mengemukakan cadangan kadar bantuan bencana untuk diberi kepada petani dan penternak selain daripada peruntukan tambahan RM200 juta yang diluluskan bagi maksud tebatan banjir.

Yang Berhormat dari Parit membangkitkan isu perlantikan wanita menganggotai Jawatankuasa Teknikal Syarak dan Sivil dengan mendakwa ada diskriminasi terhadap wanita di Mahkamah Syariah serta kelemahan-kelemahan dalam pentadbiran mahkamah.

Saya ingin menjelaskan bahawa Jawatankuasa Teknikal Syarak dan Sivil memang sedang mencari seorang wanita yang berkesanggupan untuk menyertai jawatankuasa tersebut. Kita tidak dapat nafikan bahawa dalam pelaksanaan sistem dan Mahkamah Syariah, ada keluhan yang agak merebak dan meluas di kalangan wanita bahawa masalah wanita tidak diberikan pertimbangan yang sewajarnya.

Ahli Jawatankuasa tidak boleh menangguhkan sebarang kerja atau mengundurkan diri dari sebarang tugas yang diberi termasuklah membuat lawatan dan perbincangan ke seluruh negara. Kalau ada tokoh yang wajar dipertimbangkan sekarang, saya percaya kerajaan akan memberikan pertimbangan segera.

Soal keadilan, sebenar dalam praktis Islam tidak mengira jantina. Disebabkan aduan atau kes yang dibawa ke Mahkamah Syariah, kebanyakannya datang dari kaum wanita, maka sebarang kesusahan dalam menyelesaikan kes tersebut tentulah dirasai oleh kaum wanita.

Sama ada wanita boleh dilantik sebagai kadi atau tidak, inginlah saya jelaskan bahawa perkara ini memerlukan penelitian dan keputusan oleh Majlis Fatwa.

Yang Berhormat dari Seputih membangkitkan kelewatan Dewan Bandaraya menyiapkan penyata kewangan bagi tahun 1992. Penyata kewangan hanya dapat disiapkan pada April 1994, dan bertentangan kononnya dengan Akta Kerajaan Tempatan. Saya ingin menjelaskan bahawa sebenarnya setelah disemak, akaun Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah pun siap mengikut jadual dan diserahkan kepada pihak Audit pada 29hb Mei, 1993.

Yang Berhormat dari Tenom mendakwa pendatang asing dari negeri Sabah telah mendaftar sebagai pemilih.....

**Dr. Tan Seng Giaw:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Amat Berhormat....

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:**.....dan membuang undi dalam pilihan raya 1994 dan Parlimen 1995.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Kepong bangun.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Bolehkah Yang Amat Berhormat menerangkan bagaimanakah kita boleh memperbaiki keadaan supaya penyata kewangan di semua jabatan kerajaan dapat dibentangkan dengan lebih awal. Saya menyedari bahawa ada beberapa masalah termasuk masalah undang-undang dan sebagainya untuk menyiapkan penyata tahunan dengan cepat. Walau bagaimanapun, dengan kita hendak menyahut abad ke-21 dan dengan alat-alat canggih, Internet dan sebagainya, bolehkah ini dapat dipercepatkan lagi supaya kita dapat penyata yang lebih terperinci?

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:** Kerajaan telah pun mengambil kira keadaan kelewatan laporan penyata kewangan ini, tetapi sejak lebih kurang dua tiga tahun yang lalu sepertimana yang kita lihat pembentangan laporan-laporan di Parlimen, ini jauh lebih cepat dari apa yang pernah berlaku kelewatan penyata sehingga tiga empat tahun. Sekarang ini peraturan dan arahan Jemaah Menteri ialah supaya laporan itu dibentangkan untuk pertimbangan Jemaah Menteri tahun berikutnya, tidak lewat daripada bulan April, kalau pun belum disahkan oleh Ketua Audit Negara. Itu sekadar memberikan satu arahan yang jelas supaya agensi dan jabatan menghormati prinsip. Kalau tidak, sebaik sahaja penyata itu dibentangkan, umumnya masyarakat akan lupa masalah yang berlaku tiga empat tahun yang lalu.

Berbalik kepada soalan pandangan Yang Berhormat dari Tenom, sukacita saya jelaskan bahawa SPR sentiasa mengkaji daftar pemilih bagi negeri Sabah, khususnya. SPR akan membuat semakan butir-butir pemohon yang mendaftar bagi pemilih dengan Jabatan Pendaftaran Negara untuk memastikan permohonan itu benar-benar warganegara. Mengenai dakwaan nama pendatang asing dimasukkan sebagai pemilih, ini adalah satu tuduhan palsu kerana SPR memaklumkan bahawa mereka tidak ada satu pun maklumat yang menjelaskan

keadaan tersebut. Sekiranya ada bukti perlakuan jenayah dan laporan diberikan, SPR akan mengambil tindakan serta-merta.

**Tuan Yunof Edward Maringking:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Tuan bangun.

**Tuan Yunof Edward Maringking:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan daripada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan mengenai daftar pemilih di Sabah. Ada satu perbicaraan di Mahkamah Tinggi di Tawau pada 1hb. November, 1995 di mana jelas terbukti bahawa ada satu sindiket yang melibatkan bukan sahaja Jabatan Pendaftaran Negara di Tawau dan mungkin juga di seluruh negara dan juga dengan sedih menyatakan iaitu parti UMNO terlibat dalam bukan sahaja pemalsuan dokumen, iaitu kad pengenalan, tetapi juga satu pegawai kanan mengeluarkan arahan supaya pemalsuan dokumen dibuat kepada rakyat Indonesia untuk dijadikan ahli UMNO dan juga didaftar sebagai pemilih. Saya ada bukti ataupun keratan laporan perbicaraan itu. Saya rasa ini bukan satu tuduhan yang melulu, tetapi satu kenyataan yang telah dibuktikan di dalam mahkamah. Jadi, penjelasan yang saya ingin daripada Yang Amat Berhormat ialah untuk membuktikan sama ada tuduhan ini adalah tuduhan melulu atau tidak. Sanggupkah Kerajaan Persekutuan membentuk satu suruhanjaya penyiasat untuk menyiasat perkara ini supaya tuduh-menuduh ini tidak lagi akan berlaku?

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, saya sudah beritahu kalau ada maklumat yang tepat kemukakanlah. Yang keduanya, soal kad pengenalan palsu, ini telah pun dijelaskan di Dewan ini bahawa tindakan telah diambil. Oleh kerana ada ahli UMNO yang terlibat, tak bermakna parti UMNO terlibat. Ada ahli PBS yang didapati mencuri, tetapi parti PBS tidak dikatakan mencuri. *[Tepuk]* Ahli yang terlibat, jangan dibuat tuduhan kepada parti, kemudian penyelesaiannya suruhanjaya. Saya tengok rakan-rakan saya pun nampak

terpangaruh dengan style Yang Berhormat dari Tanjong. Ada masalah, suruhanjaya, ada masalah, suruhanhjaya. Kalau ikut semua cadangan Ahli Yang Berhormat dari Tanjong, satu tahun sekurang-kurangnya 60 suruhanjaya. Jadi, tidak ada apa kerja lain. *[Ketawa]*

**Datuk Joseph Pairin Kitingan:***[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Ya, Keningau.

**Datuk Joseph Pairin Kitingan:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan. Sebelum itu tentu sekali saya rasa kalaulah dibangkitkan beberapa UMNO yang terlibat dalam hal pemalsuan kad pengenalan ini, ini juga bukan bererti bahawa ini adalah tuduhan terhadap parti UMNO. Ini kenyataan. Kerana, Tuan Yang di-Pertua, hal mengenai dengan pemalsuan kad pengenalan ini begitu penting sekali, di mana kita merasakan ini adalah satu subversif aktiviti, bolehkah Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri memberi jaminan jika sekiranya betul-betul ada bukti bahawa orang asing yang bukan warganegara Malaysia betul-betul terlibat dalam sindiket pemalsuan kad pengenalan dan seterusnya telah memasuki daftar pemilih sebagai pengundi, adakah jaminan bahawa pihak Kerajaan Persekutuan akan dengan serius mengambil tindakan untuk memastikan dan mengarahkan supaya pihak SPR akan mengeluarkan nama-nama orang-orang asing daripada buku daftar pemilih ini?

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, urusan ini di bawah Kementerian Dalam Negeri dan Perdana Menteri telah pun memberikan penjelasan yang tegas bahawa tindakan akan diambil tanpa mengira siapa yang terlibat dan bertanggungjawab. Soal SPR saya telah jelaskan bahawa pendaftaran pemilih akan diselaraskan dengan Jabatan Pendaftaran Negara. Bermakna, sebaik sahaja disahkan bahawa seorang pemohon itu bukan warganegara, maka senarai itu dengan sendirinya terbatal. Saya jelaskan kepada Yang Berhormat .....

**Tuan Lim Kit Siang:** Suruhanjaya Pilihan Raya selepas pilihan raya besar pada bulan April ada mengakui ada kelemahan dan kecacatan dalam sistem pilihan raya kerana daftar pemilih-pemilih tidak bersih dan juga ada undang-undang pilihan raya yang tidak adil dan demokratik. Ada cadangan dibuat dengan rasmi oleh Suruhanjaya Pilihan Raya bahawa mengadakan satu sistem pendaftaran semula untuk semua pemilih-pemilih yang layak supaya mengadakan satu daftar yang bersih, clean electro role, dan juga bahawa cadangan-cadangan kepada undang-undang pilihan raya akan dikemukakan kepada Parlimen dalam mesyuarat Parlimen ini supaya undang-undang pilihan raya lebih demokratik dan lebih adil. Tetapi mengikut jawapan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, nampaknya kerajaan sudah ambil pendirian puas hati dengan sistem daftar, sistem undang-undang. Adakah ini pendirian kerajaan atau bolehkah kita tahu apa pendirian kerajaan terhadap cadangan-cadangan Suruhanjaya Pilihan Raya mengenai mengadakan satu eksesais yang baharu untuk mendaftarkan semua pemilih-pemilih di negara kita.

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, Perdana Menteri telah memberi penjelasan bahawa pandangan SPR dan pandangan orang ramai tentang perkara ini telah diambil kira, kita bercadang untuk mengemukakan ini dalam sesi Parlimen berikut. Kita tidak pernah mengatakan bahawa kita sepenuhnya berpuas hati, tetapi kita tidak pula berkata tidak demokratik dan tidak adil, mentang-mentang ada yang kalah tidak bermaknalah kita tidak demokratik [*Tepuk*]. Kita kena terimalah kenyataan itu. Tetapi sistem itu tidak perfect dan ada dibuktikan tentang masalah-masalah dari segi senarai nama dan sebagainya, ini harus dibetulkan dan kita terima keperluan membetulkan dan

sekarang ini sudah ada draf cadangan awal tentang langkah-langkah yang perlu diambil dan terserah kepada Dewan yang mulia ini untuk membahaskan berikutnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengalih kepada permasalahan kewangan dan Belanjawan yang dibangkitkan oleh Kota Bharu, Marang [*Disampuk*], yang membangkitkan soal kemampanan ekonomi, masalah over heating dan defisit akaun semasa, semasa imbalan pembayaran.

**Tuan Lim Kit Siang:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya.

**Tuan Lim Kit Siang:** Adakah cadangan ini untuk meminda undang-undang kepada Akta-akta Pilihan Raya akan dikemukakan dalam session ini?

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:** Tidak sesi ini, tak sempat dah, Yang Berhormat Tanjong takkan tak tahu.

**Tuan Lim Kit Siang:** Kita mahu tahu. Itu hak kita.

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:** Ya, terima kasih [*Ketawa*]. Kadar pertumbuhan ekonomi kita mampan tetapi kesan sampingannya ada. Saya tidak berhasrat untuk memberikan penjelasan yang panjang tentang masalah defisit ini tetapi kita harus tahu bahawa 86% dari keseluruhan import adalah barangan modal dan perantaraan, capital and inter-mediate goods, dengan izin, bukan import barang pengguna. Kerajaan harus bimbang dan ekonomi negara harus terganggu sekiranya masalah ini melibatkan soal barang pengguna. Dan ini menyentuh juga projek-projek gergasi yang disebut dan kesannya kepada import. Projek besar yang kita teruskan ini adalah kerana keperluan yang mendesak termasuk lapangan terbang dan pembesaran pelabuhan. Komponen sumber tempatan dimaksimumkan supaya tidak memberi kesan yang negatif kepada perkembangan ekonomi.

Kekurangan daya sektor perkhidmatan juga disentuh dalam strategi kedua Belanjawan dan ini merupakan langkah-langkah yang kita ambil untuk mengurangkan masalah dalam bidang defisit perkhidmatan.

Tentang defisit akaun semasa yang boleh menyebabkan pertukaran wang asing begitu pesimis seperti mana yang disebut oleh Yang Berhormat dari Kota Bharu, saya ingin jelaskan bahawa ringgit kita masih stabil berbanding dengan nilai komposit matawang rakan-rakan perdagangan utama. Kita tidak boleh membandingkan kedudukan ringgit dengan satu tetapi dengan basket of currencies berbanding dengan dollar Amerika Syarikat umpamanya, ringgit kini adalah lebih kukuh berbanding dengan kedudukannya pada akhir tahun 1993.

Yang Berhormat dari Rompin menyentuh tentang projek raksasa kendalian kerajaan dan mencadangkan semua kerja perundingan yang mengurus projek diterajui oleh perundingan atau perunding atau pasukan tempatan. Kementerian bersetuju dan ini merupakan beberapa syarat yang ditetapkan supaya setiap projek sebelum dilaksanakan memerlukan penyertaan firma perunding tempatan melainkan dalam bidang yang tidak wujud di negara kita, kepakarannya. Kerajaan juga akan terus mengenakan syarat yang lebih ketat ke atas penggunaan perunding asing oleh perusahaan awam bukan kewangan (PABK) dan PABK ini kan membantu memastikan penyertaan erunding dan perkakasan tempatan.

Ahli Yang Berhormat dari Marang, Sibul, Pengkalan Chepa, Tumpat dan Seputeh menimbulkan persoalan inflasi. Yang Berhormat dari Tumpat menyatakan kesangsian keupayaan Belanjawan dalam menurunkan harga barang yang boleh memanfaatkan pengguna. Saya ingin memaklumkan di sini bahawa langkah-langkah yang diambil, termasuk pemansuhan, pengurangan duti import barang keperluan, langkah-langkah

dalam bidang makanan dan meminta supaya estet-estet besar melibatkan dalam usaha pengeluaran barang ada langkah ke arah tersebut sementara kita menunjukkan kepekaan, keprihatinan tentang masalah inflasi, kita tidak boleh menafikan bahawa dalam senario pertumbuhan ekonomi sebegini rupa, jarang sekali diperolehi sebuah negara dengan pertumbuhan ekonomi yang sebegini rupa; mempertahankan kadar inflasi yang serendah begini.

Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka telah menyatakan bahawa kadar inflasi 3.5% adalah palsu, kerana tidak mencerminkan kenaikan sebenar harga barang-barang keperluan. Sebenarnya kadar inflasi yang disebut ini, kadar kenaikan purata indeks harga pengguna. Dia ada beberapa prinsip asas yang digunapakai mengikut pertimbangan badan kewangan antarabangsa yang digunakan oleh semua negara, tetapi tentunya harga barang-barang tertentu di Johor Bahru dengan harga barang di ceruk Tok Kun, itu berbeza [*Ketawa*]. Begitu juga harga barang di Kuala Lumpur dengan harga barang di Rantau Panjang. Tetapi bila disebut IHP, itu harga barang yang mengambil kira purata bagi seluruh negara dan ini berdasarkan maklumat dan kenyataan terperinci termasuk kajian perbelanjaan isi rumah dan juga untuk memberikan penjelasan umpamanya, IHP keseluruhan bagi barang makanan meningkat purata pada kadar 4.8%. IHP ikan meningkat 11.9%....

**Tuan Lim Guan Eng:** [*Bangun*].

**Timbalan Yang di-Pertua[Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Kota Melaka bangun.

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:**.....minyak dan lemak 13.3%, buah-buahan dan sayuran 8.6%, sebaliknya IHP susu dan telur berkurangan sebanyak 0.9%, manakala beras, roti, bijiran meningkat pada kadar 1%, gula sebanyak 0.5% sahaja. Jadi, diambil

kira semua ini, saya beri ini kebetulan kursus ekonomi kepada Yang Berhormat Kota Melaka, maka kenaikan purata IHP itulah yang disebut 3.5%. Ada barangan seperti ikan, sayur, minyak meningkat lebih pesat, ada seperti telur, susu dan gula lebih rendah. Jadi, bila dipuratakan ia menjadi 3.5%.

**Tuan Lim Guan Eng:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya tidak berani memberikan kursus kepada Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan tetapi mungkinlah atau adakah beliau sedar bahawa ketidakpuasan tentang angka sebenar IHP yang disebutkan tadi bukan sahaja dari pihak rakyat tetapi juga daripada Yang Berhormat dari Bruas, di mana Yang Berhormat Presiden Gerakan dalam satu Persidangan Umum Parti Gerakan di Wilayah Persekutuan menyatakan dalam surat khabar, keluar dalam muka depan *Nan Yang Siang Pau*, menyatakan bahawa IHP sebenar, kadar inflasi sebenarnya melebihi 10%. Kalau seorang Menteri tidak yakin tentang angka Yang Amat Berhormat, saya tidak tahu macam mana Yang Amat Berhormat boleh yakinkan rakyat. Oleh sebab itu, saya rasa ini tidak mencerminkan keadaan sebenarnya. Kalau Yang Amat Berhormat tanya, met in the street, dengan izin, saya rasa mereka tidak percaya 3.5%. Oleh sebab itu saya hendak cadangkan bahawa ini diubahsuaikan supaya mencerminkan keadaan yang sebenarnya dan kalau kita tengok BSKL rasanya junam, jatuh sahaja [*Ketawa*], menunjukkan bahawa tidak yakin tentang kadar inflasi sebenar, dan juga secara tidak langsung tidak yakin ke atas Belanjawan Yang Amat Berhormat.

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:** Ada dua kemungkinan dengan Yang Berhormat dari Beruas, sama ada saya beri kursus sekali sahaja dengan Kota Melaka [*Ketawa*] ataupun beliau berbicara kursus tentang kedudukan di bandar, di kotaraya Kuala Lumpur. Di Kuala Lumpur sendiri pun kalau kita beli ikan di supermarket dengan kita beli ikan di pasar borong, harganya beza besar. Saya cadangkan Yang Berhormat Kota Melaka menggalakkan orang pergi ke pasar borong ataupun yang kita galakkan pergi ke pasar tani. Tetapi kalau kita hendak pergi ke Sogoshsha atau Sogo yang terbesar ini, harganya pun naik sedikit. Tetapi

yang saya hendak tekankan di sini ialah IHP berdasarkan prinsip umum yang diterima pakai di seluruh dunia. Kalau kita ganggu prinsip IHP ini, kewibawaan kita terjejas. Kita akui kelemahan IHP sebab itu kerajaan telah memutuskan supaya sementara IHP ini diterima-pakai, kita juga akan memperkenalkan satu bentuk dan kaedah IHP yang lain, yang sesuai dengan keadaan tempatan supaya kita tentukan IHP mengikut kawasan, bandar dan kampung. Ini telah dikemukakan untuk dilaksanakan oleh kerajaan kita. Tetapi ini tidak menjejaskan prinsip IHP yang dipakai sekarang.

Saya ingin mempertahankan prinsip IHP ini. Umpamanya, Yang Berhormat dari Kota Bharu mengatakan mengapa kenaikan harga rumah tidak termasuk dalam indeks. Saya hendak jawab, kenaikan harga rumah tidak masuk dalam indeks kerana di seluruh dunia perkiraan IHP tidak masukkan harga rumah dalam indeks. Kalau hendak buat satu, ini IHP Kota Bharu namanya. *[Ketawa]* Okay, tetapi, yang dimasukkan dalam sistem akaun negara, pembelian rumah adalah aktiviti pelaburan bukan penggunaan. Kita kena faham. Dalam perutusan, perbincangan ekonomi makro, beli rumah - pelaburan. Ia tidak ada penggunaan. IHP ini indeks pengguna. Sebab itu, umpamanya, perubahan kadar sewa dimasukkan ke dalam IHP dengan wajaran sebanyak 16.2% daripada total. Yang paling tinggi makanan, kemudian pengangkutan, kemudian sewa rumah. Tetapi beli rumah - tetap. Tetapi kalau Kerajaan Kelantan hendak timbang indeks baru, tidak apalah. Saya tidak ada halangan apa-apalah. Dia seorang sahajalah yang pakai.

Yang Berhormat dari Marang,.....

**Tuan Lim Guan Eng:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Kota Melaka bangun Yang Berhormat.

**Tuan Lim Guan Eng:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya faham apa yang dimaksudkan oleh Yang Amat Berhormat. Oleh sebab itu tidak ada CPI, kita ada PPI (Producer Price Index). Tetapi yang saya maksudkan di sini, kalau dari segi market of goods yang kita gunakan sebagai wajaran tadi oleh Yang Amat Berhormat untuk orang biasa, ini tidak mencerminkan keadaan sebenar. Oleh sebab itu, adakah pihak kerajaan faham tentang kesulitan yang dihadapi oleh orang biasa? Kalau kita cakap inflasi hanya 3.5%, itu tidak mencerminkan sebenarnya. Oleh sebab itu, dasar kerajaan mestilah ditumpukan supaya mengetahui bahawa keadaan inflasi sebenarnya kepada orang miskin agar lebih tinggi daripada 3.5%. Itu yang saya hendak tekankan. Sekian.

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:** Tekanlah macam itu. Jangan tekankan angka betul atau tidak betul. Kalau tekan macam itu, tidak payah saya bersusah payah hendak jawab kursus sebentar tadi. Ya, Allah. *[Ketawa]*

Soal serius, soal kenaikan harga ini dijadikan strategi utama dalam kerajaan dan negara kita. Baik kempen, baik langkah-langkah diambil, tabung makanan dan juga insentif pelaburan dalam bidang makanan untuk mengurangkan beban pengguna terutama yang berpendapatan rendah dan yang miskin. Jadi, kita tidak boleh pertikaikan ini. Tetapi melihat kadar inflasi di Malaysia dan bandingkan kadar inflasi di negara-negara yang pertumbuhannya tinggi. Tidak ada negara yang mencatat kadar pertumbuhan seperti Malaysia dengan mempertahankan kadar inflasi sepertimana yang dibuat di Malaysia. Dia tidak semudah, umpamanya kita tidak mahu harga barang naik tetapi soal supply dan juga soal pengedaran, dan dengan izin, irregularity in marketing infrastructure, hal-hal ini juga harus diselesaikan dengan sebaik mungkin.

**Datuk Joseph Pairin Kitingan:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat Keningau bangun.

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Marang membangkitkan soal muamalah riba yang beliau sebut berleluasa dalam sistem kewangan negara. Saya tidak bersetuju dengan tuduhan yang melulu yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat dari Marang. Dalam hampir semua urusan niaga di Malaysia, kita ada pilihan di Malaysia, alternatif mengurus niaga secara Islam. Kalau Ahli Yang Berhormat dari Marang dan sekutu beliau benar-benar mempunyai iltizam yang sama, beliau boleh memberikan penjelasan kepada penduduk di Malaysia ini. Pilih kerana ada ruang dan alternatif dalam pelbagai, hampir keseluruhan urusan niaga mengikut cara Islam dan tidak harus menggunakan kenyataan umum menyerang sistem ini sebagai riba.

Dalam urusan pinjaman kerajaan, kita menggunakan kaedah Bai Bithaman Ajil. Dalam perkhidmatan takaful dan pinjaman kereta, kita uruskan. Pasaran saham, tukaran wang asing Bank Negara, Cagarmas dan lain-lain institusi kita beri perkhidmatan yang tersebut. Jadi, kita berikan satu alternatif yang cukup luas kepada umum.

Yang Berhormat dari Kota Melaka dan Keningau menyebut tentang pasaran saham yang tidak menunjukkan tindak balas yang positif. Saya ingin menasihatkan mereka, penggubal dasar kerajaan, perancang ekonomi tidak harus membuat dasar tertakluk kepada pasaran saham. Ada masa naik, ada masa turun. Tetapi, kita tidak harus menentukan bahawa ekonomi negara ini mesti tunduk kepada kehendak pasaran.

Saya ingin menjelaskan perkara ini kerana pasaran saham juga terlibat dengan tren atau aliran pelabur asing yang sekarang ini umpamanya mengambil keputusan untuk meninggalkan sedikit rantau ini, di antara lain kerana kadar faedah di Amerika Syarikat yang lebih tinggi, yang dialami oleh seluruh rantau ini termasuk yang belum membentangkan

belanjawan seperti Thailand, Indonesia dan Filipina atau yang telah bentang belanjawan seperti Malaysia.

Untuk menggunakan isu ini sebagai satu mainan politik kepartian yang sempit, saya rasa tidak sihat dalam pengurusan ekonomi negara. Itulah sebabnya maka rakyat tidak berapa hendak beri keyakinan kepada DAP untuk menang banyak kerusi. *[Tepuk]* Bahkan kejatuhan umpamanya saham ini, besar juga di bursa-bursa yang lain dan saya fikir tidak perlu saya menjelaskan. Tetapi yang penting ialah pelaburan umumnya masih meningkat dan pelaburan di Malaysia masih meningkat 26% pada tahun ini yang menunjukkan umum mempunyai keyakinan kepada sistem kita. Pelaburan jangka panjang bukan pelaburan spekulatif dan bukan pelaburan yang hanya tunduk kepada kedudukan pasaran saham.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, Keningau.

**Datuk Joseph Pairin Kitingan:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Minta penjelasan. Yang pertama, adakah segala teguran dari pihak pembangkang dianggap sebagai membangkang semata-mata dan tidak berasas sama sekali?

Kedua, berbalik kepada hal mengenai dengan inflasi dan juga cost of living, kerana di negeri Sabah cost of living begitu tinggi sekali. Ini perkara yang serius dan sudah begitu lama, tidak kurang daripada 30%. Bolehkah pihak kerajaan negeri menggubal insentif-insentif baru supaya cost of living di negeri Sabah dapat diturunkan. Terima kasih.

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak pernah mengatakan bahawa pembangkang beri pandangan tidak berasas sama sekali. Ada juga saya teliti dalam *Hansard* ucapan-ucapan mereka yang ada asas. Tetapi banyak juga yang kurang asas. Kadang-kadang di antara ada asas dengan tidak ada asas itu nampak, kadang-kadang 50%-50%. Kadang-kadang 80% tidak ada, 20% sahaja yang ada asas. Tetapi terserah kepada

kebijaksanaan masing-masing Ahli Yang Berhormat. Tetapi saya bersetuju bahawa ada juga pandangan yang kita ambil manfaat darinya.

Tentang inflasi dan kos sara hidup di Sabah yang relatif tinggi, itu memang benar. Sebab itulah insentif diberikan termasuk insentif pelaburan yang dianggap koridor bagi Sarawak, Sabah dan Pantai Timur Semenanjung yang telah dibatalkan bagi Pantai Barat di Semenanjung. Pantai Barat di Semenanjung telah tidak diberikan insentif lebih sepertimana diberikan untuk Sabah, Sarawak dan Pantai Timur Semenanjung.

Mengenai cadangan dari Ahli Yang Berhormat dari Batang Lupar supaya kerajaan mengambil langkah tambahan bagi menarik minat pelabur asing, itu akan diberikan perhatian; begitu juga tentang kecurigaan pengurus dana asing tentang kekerapan 'take over exercise' oleh ahli korporat tidak berbangkit kerana kita tidak menghalang pihak dana asing untuk melabur di Malaysia.

Begitu juga mengenai dengan pandangan, apakah 'general offer' mempertahankan kepentingan saham minoriti, saya ingin jelaskan bahawa peraturan yang sedia ada memang membolehkan 'general offer' dibuat oleh pemegang saham minoriti.

Ahli Yang Berhormat dari Senai menimbulkan tentang roadshow oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan saya sama ada membawa hasil atau tidak. Roadshow dalam exercise kita ini adalah kegiatan sampingan, selain daripada lawatan-lawatan rasmi yang dilakukan dan umumnya ialah memberikan penjelasan kepada pelabur untuk mendengar sendiri dan menilai dasar dan keberkesanan pelaksanaan program kita. Dan saya fikir dengan penyertaan dan dengan dialog yang diadakan, ia akan membantu mereka memahami dasar Kerajaan Malaysia secara lebih mendalam.

Ahli Yang Berhormat dari Kemaman telah mempersoalkan tindakan pengawasan Perwaja Steel Sendirian Berhad, membaik pulih kilang-kilang pendawaian elektrik yang dahulu tanpa tender terbuka, manakala kerja-kerja berkenaan boleh dijalankan oleh Perwaja sendiri. Saya telah menjelaskan bahawa pengurusan Perwaja telah menyemak semula kontrak tersebut dan mana-mana kontrak yang mampu dijalankan sendiri oleh pihak Perwaja telah dimansuhkan dan diusahakan sendiri oleh Perwaja. Perwaja telah pun mengambil bahagian dalam program pembangunan usahawan sepertimana syarikat kerajaan lainnya dan melancarkan program vendornya.

Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh membangkitkan isu kelewatan peruntukan kepada Kerajaan Kelantan.

**Tuan Lim Kit Siang:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Tanjong.

**Tuan Lim Kiat Siang:** Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Kenapakah kerajaan tidak sanggup untuk memberi gambaran yang sepenuhnya mengenai kerugian-kerugian yang dialami oleh Perwaja sama ada Perwaja Terengganu atau Perwaja Steel. Baru-baru ini dalam jawapan Yang Berhormat Menteri ada mengatakan tahun kewangan yang berakhir 31hb. Mac, 1995 kerugian sebelum cukai Perwaja Terengganu adalah RM376 juta, tetapi kenapakah kerajaan tidak memberi angka-angka mengenai kerugian Perwaja Steel dan bukankah benar bahawa selepas Perwaja Steel bermula di bawah pimpinan Eric Chia, bahawa kerugian terkumpul Perwaja Terengganu sudah melambung naik untuk tahun 1992 - RM1.6 bilion 'accumulated losses', 1993 - RM1.8 bilion, 1994 - RM2.1 bilion dan termasuk angka yang diberikan kalau kita ikut RM376 juta itu bererti bahawa sudah sampai RM2.5 bilion dan kenapakah ada berlaku kerugian yang begitu raksasa sebelum Eric Chia RM1 bilion, selepas Eric Chia RM2.5 bilion? RM1.5 bilion kerugian satu 'miracle worker' untuk steel di mana

menyebabkan Malaysia merugikan RM1.5 bilion dan apakah sebabnya? Bukankah tanggungjawab kerajaan untuk memberikan sebab-sebab dan kenapa sekarang perlu untuk menjualkan Perwaja Steel? Adakah bahawa Halim Saad sudah diberi 'quid pro quo' untuk menyelamatkan Perwaja Steel dan 'quid pro quo' ialah ia akan diberi 30% saham stake dalam Telekom? Satu lagi corporate raksasa!

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:** Ahli Yang Berhormat dari Tanjong ini, kalau dia campur kira-kira, dia campur-campur jadi RM3 bilion. Saya ada pengalaman dengan mendengar campur ini tetapi sebenarnya saya hendak menjelaskan dalam perkiraan untung rugi syarikat ini, dia tidak boleh campur begitu sahaja 'accumulated loss' ini. Saya rasa pertamanya, kita bicara soal industri besi. Industri besi ini bagi mana-mana negara selalunya diterokai oleh kerajaan kerana syarikat swasta pada ketika itu belum bersedia campur.

Soal yang dibangkitkan ialah kepentingan mengurus dengan baik dan apa yang disebut, yang saya setuju soal prinsip pertanggungjawaban atau akauntabiliti. Jadi, saya tidak bersedia memberikan penjelasan sepenuhnya sekarang, tetapi memadai dengan saya menyatakan, ulangi apa yang saya sebut, bahawa pengurusan itu diperbetulkan dan diambil kira kepentingan menjaga kepentingan negara di samping memindahkan apa-apa yang berupaya dikendalikan oleh sektor swasta.

Semalam Perdana Menteri telah mengumumkan hasrat kita untuk menswastakan Perwaja, kita belum mengambil keputusan dan belum ada satu persefahaman yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanjong, orang ini dapat 30%, dia sudah tahu dah. Saya kurang bernasib baik, Tuan Yang di-Pertua, kerana sebagai Menteri Kewangan saya belum tengok fail, tetapi Ahli Yang Berhormat dari Tanjong telah memberi keputusan dah.

*[Ketawa]*

Mengenai Kelantan ....

**Tuan Lim Kit Siang:** Penjelasan.

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:** Ya.

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya rasa Yang Berhormat Menteri Kewangan perlu memberi penjelasan mengapa tuduhan beliau bahawa saya ada campur-campur angka-angka yang tidak patut dicampurkan. Saya telah sebutkan mengikut rekod, bukan dicampur-campurkan oleh saya, mengikut rekod registry ialah accumulated losses untuk Perwaja Terengganu untuk tahun 1992 - RM1.6 bilion, untuk akhir tahun 1993 - RM1.8 bilion, untuk tahun 1994 - RM2.1 bilion dan kalau mengikut jawapan Yang Berhormat Menteri bahawa pada akhir tahun 1995 mengalami RM376 juta, ini bererti bahawa total ialah RM2.5 bilion. Bukankah ini berasas oleh kerana angka-angka untuk Perwaja Steel adalah berlainan, untuk angka-angka Perwaja Steel ialah untuk tahun 1992 ada profit kecil sahaja RM9 juta, untuk tahun 1993 - RM11 juta tetapi tidak ada angka sampai sekarang dalam rekod untuk tahun 1993, 1994, 1995, oleh kerana kalau ada angka-angka mungkin mahu menunjuk beratus-ratus, mungkin berjuta bilion ringgit kalau angka Perwaja Terengganu ada jumlah yang begitu besar? Saya harap Yang Berhormat Menteri jangan kata, tidak boleh campur-campur sahaja, tetapi mengambil angka yang sebenar.

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:** Saya kata boleh campur, tetapi campur dengan betul. Soal Perwaja ini memang benar, ada kerugian dan kita mengalami kerugian yang besar tetapi Perwaja ini juga industri yang strategik, saya jelaskan industri yang strategik yang mesti diterokai oleh negara yang dalam zaman atau period takeoff industrialisation, kalau tidak keseluruhannya itu di import dan kerugian kepada negara jauh lebih besar. Kita lihat semua negara industri daripada Jepun ke Amerika Syarikat dan German, semuanya telah masuk ke bidang industri besi dengan kerugian yang besar sebelum negara dapat takeoff ekonomi mereka. Yang jadi isu sekarang ini bukan soal untung rugi, yang jadi isu ialah

pengurusan yang harus cekap dan bertanggungjawab. Dan ini diambil kira dan dipastikan oleh kerajaan.

Berbalik kepada Pasir Putih mengenai peruntukan ....

**Tuan Lim Kit Siang:** Penjelasan, jangan takut, isu Perwaja, jangan takut.

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:** Saya tidak takut!

**Tuan Lim Kit Siang:** Jangan bimbang mengenai isu Perwaja, itu isu akauntabiliti, transparency.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Tanjong, dia tidak beri Yang Berhormat.

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:** Ya, saya sudah beri dia tiga kali berkenaan Perwaja, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Lim Kit Siang:** Yang terakhir, dua kali sahaja. Baik, tiga kali, kali yang ketiga. Boleh? *[Ketawa]*

Kita boleh bersetuju dengan pandangan-pandangan mengenai betapa pentingnya isu steel dan lain-lain industri besi, tetapi masalahnya ialah dalam tahun 1989 apabila Eric Chia dibawa masuk ke dalam Perwaja, ia disifatkan sebagai 'miracle man' untuk menyelamatkan steel industry.

Kalau seorang 'miracle man' hendak menyelamatkan steel industri (industri besi), akhirnya mendatangkan kerugian sehingga RM2.5 bilion, bukannya ramai Eric Chia dalam Malaysia? Mana-mana pun boleh cari Eric Chia. Sekarang baru kata masalah pengurusan. Masalah pengurusan sudah timbul apabila Parlimen membuat keputusan untuk menghapuskan kesemua kerugian-kerugian Perwaja Steel pada tahun 1989 dan memberi RM250 juta khas

untuk Perwaja Steel. Apa alasan yang boleh diberi bahawa sekarang kerajaan sudah tentu boleh mengatasi masalah pengurusan.

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:** Pengurusan Perwaja sudah pun ditukar. Sekarang pengurusan baru dan kita yakin akan dapat memastikan supaya perjalanan Perwaja dan pelaburannya yang mendatangkan pulangan. Saya ingin jelaskan prinsip industri strategik yang tidak boleh dianggap sebagai pelaburan biasa. Dalam syarikat khazanah sendiri pun kita bezakan dua kepentingan. Satu, pelaburan dalam bidang dan industri yang boleh membawa pulangan dan keuntungan dan satu lagi ialah pelaburan dalam bidang industri strategik yang tidak mampu di terokai oleh sektor swasta tetapi yang dianggap paling kritikal untuk diceburi oleh kerajaan oleh menjamin kadar dan tahap pembangunan industri.

Untuk Kelantan, saya ingin jelaskan bahawa apa yang diperuntukkan dalam Perlembagaan dan komitmen kita, kita akan tunaikan. Cuma saya ingin memberikan pandangan bahawa Kelantan juga haruslah mengambil sikap yang membina dan positif dan tidak hanya menyerang Kerajaan Persekutuan seolah-olah tidak ada peruntukan yang diterima sama sekali. Bila diterima peruntukan, tidak semuanya dibelanjakan dengan mengikut peraturan yang ditetapkan dan tidak ada pun penghargaan, yang ada hanya celaan sahaja.

Yang Berhormat dari Tanjong membangkitkan pengurangan cukai pendapatan, yang pada beliau hanya menguntungkan golongan yang berpendapatan tinggi. Dakwaan ini sepertimana yang telah kita dengar sepanjang tahun adalah dakwaan-dakwaan lama, cuma yang saya tidak dengar ialah apakah cadangan beliau untuk mengurangkan lagi beban cukai golongan berpendapatan rendah, kerana golongan berpendapatan rendahlah, sepertimana yang saya jelaskan, tahun demi tahun kita batalkan dari kategori yang membayar cukai. Golongan yang berpendapatan rendah dengan beberapa langkah yang diambil ini telah dibebaskan dari membayar cukai. Kemudian di samping itu, kita berikan lagi pengurangan,

termasuk pelepasan cukai bagi diri, isteri yang bekerja yang tidak bekerja, pelepasan cukai bagi anak, pelepasan cukai bagi premium insurans takaful, sumbangan kepada skim kumpulan pencen yang diluluskan dan lain-lain. Dalam belanjawan ini pelepasan cukai bagi anak cacat, perubatan untuk ibu bapa, pembelian alat panduan asas bagi individu, isteri, anak atau ibu bapa yang cacat telah dinaikkan. Kalau diambil kira ini kita dapatlah jelaskan bahawa ada kategori yang berpendapatan, umpamanya RM10,000 hingga RM20,000 faedah penjimatan cukai adalah tinggi iaitu 21%. Dibandingkan dengan kumpulan pendapatan bercukai RM100,001 hingga RM150,000 penjimatan adalah 8% sahaja.

Sebab itu saya kata bahaya bagi kita mendebatkan soal 1% point atau 2% point, tanpa mengambil kira efektif rate pemotongan akhirnya. Saya jelaskan bahawa bagi kumpulan terendah efektif potongan ialah 21% dan bagi kumpulan yang tinggi efektif pemotongan hanya 8%. Ini dia keadilan Barisan Nasional. Oleh itu kita harus mengambil kesimpulan bahawa kumpulan berpendapatan rendah menikmati peratusan faedah penjimatan cukai yang lebih besar. Mengenai levi sebanyak RM100,000 ada dicadangkan supaya ditingkatkan, kalau boleh RM200,000. Tujuan kita ialah untuk mengawal spekulasi hartanah di Malaysia. Oleh yang demikian bukan bermaksud untuk menjejaskan pasaran hartanah.. Oleh yang demikian, kita anggap buat sementara waktu ini RM100,000 adalah memadai.

Yang Berhormat dari Kota Bharu lebih sinis dengan mengatakan bahawa “Baldataun, Taiyibatun, Warobbun-Ghafur” tidak mungkin tercapai kerana kita masih bergantung kepada banyak gejala yang maksiat dan lain-lain, termasuk perjudian, minuman keras dan riba. Saya ingin menjelaskan bahawa kita tidak bergantung besar kepada kegiatan tersebut untuk membantu sumbangan kewangan negara. Saya juga tidak dapat nafikan bahawa kerajaan Kelantan juga bergantung kepada minuman keras sedikit sebanyaknya. Tetapi, yang saya pertikaikan ialah bahawa tidak ada satu yang tuntas, yang konsisten dalam kritikan terhadap

apa yang dilakukan oleh Kerajaan Persekutuan dan apa yang dibolehkan oleh kerajaan Kelantan. Walau bagaimanapun, dari segi semangat teguran itu saya setuju bahawa kita haruslah mengambil langkah proaktif untuk meningkatkan keupayaan kita supaya cita-cita murni kita untuk menegakkan keadilan dan ihsan itu dicapai dengan sebaik mungkin.

Yang Berhormat dari Larut mencadangkan cukai pendapatan dari pendapatan atau simpanan pendudukan Malaysia di luar negeri dibawa masuk sebagai pelaburan dikecualikan dari cukai pendapatan. Jumlah yang dibawa balik tidak wajar dikecualikan kerana cukai yang ditanggung di negara ini tidaklah dianggap membebankan. Ini adalah kerana apa-apa cukai yang dibayar di atas pendapatan berkenaan di luar negeri dibenar sebagai unilateral credit atau bilateral credit seratus peratus, sekiranya negara luar berkenaan mempunyai perjanjian dua hala (double taxation agreement) dengan Malaysia.

Yang Berhormat dari Marudu telah meminta kerajaan melihat kegiatan cukai jalan dalam konteks pembinaan jalan raya. Saya ingin menjelaskan kenaikan cukai jalan adalah wajar kerana ia telah lama tidak dikaji. Kenaikan 25% ke atas kereta penumpang 'saloon' yang berkapasiti enjin melebihi 2000 c.c. dan ini tidak membebankan golongan yang berpendapatan sederhana atau rendah. Sebab itulah kita sudah galakan orang beli kereta yang mampu dibayar. Kalau sudah tidak mampu bayar cukai jalan lebih, tukar kereta - beli yang lebih kecil. Tetapi atas kebimbangan rakan-rakan dari Sabah dan Sarawak kerana cukai jalan ini melibatkan kenderaan 'four-wheel drive', kerana jalan yang lebih teruk di Sabah dan Sarawak, saya ingin menjelaskan bahawa kenaikan cukai jalan sebanyak 25% hanya dikenakan ke atas kereta penumpang saloon dan tidak 'four-wheel drive'. [*Tepuk*]

Selepas ini saya fikir Ahli Parlimen semua kena pakai 'four wheel drive'. Yang Berhormat dari Tanjong menyebut tentang pengurangan duti import ke atas alat-alat perubatan tidak memberi faedah kepada para pesakit. Saya ingin menjelaskan bahawa

Kementerian Kesihatan juga membantu supaya memberikan penjelasan supaya pengurangan charge kepada pengguna dan pesakit dapat manfaat daripada pengurangan tersebut.

Yang Berhormat dari Benut meminta agar levi 100% kepada pekerja asing dilaksanakan secara berhati-hati. Saya ingin jelaskan sebab itulah kita berikan pengecualian bagi sektor pertanian. Oleh yang demikian, kerisauan Yang Berhormat dari Tawau atas peningkatan levi akan membebankan sektor pertanian tidak berbangkit kerana sektor-sektor pertanian dikecualikan dari peningkatan 100% tersebut. Saya percaya pandangan Ahli Yang Berhormat umumnya telah memberikan kita ruang untuk mempertingkatkan tahap perbincangan kita mengenai konsep masyarakat madani. Sebab itu saya beri sedikit layanan istimewa kepada pembangkang pada hari ini, untuk meyakinkan kepada mereka bahawa kita sungguh-sungguh (serius) untuk meningkatkan dan menggalakkan perkembangan dan pewujudan masyarakat madani. Saya sekali lagi mengucapkan setinggi-tinggi.....

**Tuan Lim Kit Siang:** Untuk memperkuatkan kepercayaan, bukan sahaja di dalam Dewan tetapi juga di luar Dewan mengenai pendirian Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan kerajaan Barisan Nasional mengenai masyarakat madani, bolehkah kita diberi jaminan bahawa Dewan yang mulia ini akan diberi masa yang cukup untuk membahaskan semua Rang Undang-undang yang akan dikemukakan, khususnya, Rang Undang-undang Pendidikan yang baharu, di mana sekurang-kurangnya kita dapat 2 bulan untuk membaca, memahami dan dapat public feed-back, supaya kita ada masyarakat madani.

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, kita buat andaian bahawa Ahli-ahli Parlimen ini semuanya cerdik-cerdik belaka. Tidak perlu sehingga dua bulan untuk teliti. Sebenarnya, Menteri Pendidikan telah memberikan beberapa pandangan tentang peruntukan-peruntukan yang akan dipinda dan diubahsuai dan diperkenalkan baru. Jadi, isu

itu tidak semestinya satu isu baru dan asing sama sekali. Saya juga ingin jelaskan bahawa peruntukan-peruntukan itu juga diedarkan lebih kurang 6 tahun, 7 tahun yang lalu dalam draf awal kepada semua pertubuhan pendidikan Melayu, Cina, India, Punjabi, Kadazan, Iban yang hadir dalam dialog pada ketika itu.

Menteri Pendidikan sekarang meneliti semula, memperbaiki, memperkemaskan dan ingin membentang semula setelah mengemas kini draf rang undang-undang tersebut. Jadi, saya percaya masa yang cukup akan diberikan dan masa perbahasan juga akan dilanjutkan, kalau perlu sampai jam 12.00-lah, Tuan Yang di-Pertua, untuk memberikan masa untuk berfikir betul-betul. Tetapi masyarakat madani ini jangan disalah-ertikan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Bilakah ia akan dibentangkan?

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:** Masa dikemukakan kertas itu? Bila sudah siap, dibentangkanlah. Saya ingat secepat mungkin. Tetapi masyarakat madani saya hendak beri tahu kerana saya dengar, dan saya ucapkan terima kasihlah kepada Yang Berhormat Tanjong kerana dia adalah di antara penyokong saya yang paling setia dalam soal masyarakat madani ini. *[Ketawa]* Tetapi saya hendak jelaskan, kalau kita faham dari segi latar belakangnya, umpamanya kalau kita teliti karya Talker Ville tentang apa yang beliau sebut sebagai habits of the heart untuk menjayakan demokrasi dan civil society.

Ia bukan sahaja kebebasan tetapi jiwa yang suci, pendirian moral dan juga keinginan untuk memberikan pandangan secara bertanggungjawab, hormat menghormati dan perasaan kasih sayang di antara satu sama lain. *[Tepuk]* Ini semuanya tergabung, terangkum dalam prinsip yang disebut civil society atau masyarakat madani. Saya ucapkan...

**Datuk Joseph Pairin Kitingan:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Keningau.

**Datuk Joseph Pairin Kitingan:** Tuan Yang di-Pertua, ini berkaitan dengan pemindaan education text, begitu banyak sekali ada empat. Walaupun Yang Amat Berhormat telah mengatakan sudah diedarkan lama tetapi nampaknya perubahan lebih banyak lagi. Jadi, pertanyaan saya ialah bilakah final draft itu boleh diteliti oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini, sebelum dibentangkan pada 18hb. Disember?

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:** Perkara ini diteliti oleh Jawatankuasa Kabinet dan dibawa ke Kabinet, saya tidak dapat beri pengakuan tarikh tetapi saya ingin memberi jaminan bahawa waktu yang agak cukuplah kita berikan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat. Tetapi jangan kita besarkan soal empat Rang Undang-undang kerana empat ini sebenarnya satu. Dua itu consequential kepada akta yang pokok dan juga umpamanya pemecahan macam pendidikan tinggi yang dahulunya sebahagian daripada Akta Pendidikan.

Oleh yang demikian, saya anggap sebenarnya isu pokok yang dibahaskan itu sebenarnya satu akta yang besar dan saya ingin memberi jaminan dan perkara ini akan kita rujuk kepada pertimbangan Jemaah Menteri esok supaya waktu yang mencukupi diberikan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat untuk meneliti hingga mendalam, tidak payahlah sampai dua bulan. Kalau dua bulan satu akta, maknanya kita hendak pinda 6 akta, 15 tahun baru siap. Jadi, saya ingat, memadailah kita tumpukan.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan sekali lagi terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan atas pandangan yang ikhlas yang dikemukakan kepada Jabatan Perdana Menteri dan Kementerian Kewangan. *[Tepuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Kementerian Dalam Negeri.

**4.44 ptg.**

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Tuan Ong Ka Ting]:** Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Yang Amat Berhormat Menteri Dalam Negeri, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membahaskan perkara-perkara yang menyentuh Kementerian Dalam Negeri.

Berhubung dengan TENAGANITA, tindakan yang telah diambil adalah bertujuan untuk menyasat perkara-perkara yang ditimbulkan dalam memorandum TENAGANITA. Polis perlu mendapatkan semula keterangan yang berkaitan termasuklah keterangan dokumentari yang mana pihak TENAGANITA mendakwa menjadi asas pertubuhan TENAGANITA.

Dalam penyiasatan polis, dokumen-dokumen itu adalah penting dan dengan yang demikian, langkah-langkah yang mematuhi undang-undang negara telah dijalankan dalam penyiasatan polis. Begitu juga mengenai dakwaan Yang Berhormat dari Tanjong bahawa pembekal maklumat kepada memorandum TENAGANITA dihukum dan dijadikan mangsa oleh polis adalah tidak benar sama sekali.

**Tuan Lim Kit Siang:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, Tanjong bangun.

**Tuan Lim Kit Siang:** Dalam perkara memorandum TENAGANITA mengenai layanan kem-kem tahanan imigrasi, soalan pokok ialah cara layanan pusat-pusat tahanan dan ini patut menjadi tajuk siasatan. Tetapi sekarang nampaknya target sasaran siasatan ialah Irene Fernandez dan bagaimana dia dapat maklumat, cara organisasi, pengurusan TENAGANITA. Bukankah ini sudah deflect daripada tajuk, satu isu ialah mengenai layanan pekerja-pekerja asing yang diberi dalam kem-kem tahanan imigrasi di negara kita di mana antara lain ada 46 orang sudah meninggal dunia sehingga bulan Ogos dan kita perlu

mengambil perhatian yang berat oleh kerana ini akan menjejaskan nama baik Malaysia di bidang antarabangsa?

**Tuan Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, saya rasa kerajaan terutamanya pihak Kementerian Dalam Negeri, dalam perkara yang melibatkan pendatang tanpa izin ini, kita telah pun menjalankan tugas secara berhati-hati supaya imej negara kita tidak terjejas. Saya rasa jarang sekali kita nampak mana-mana satu negara yang lain telah khasnya menyediakan depot-depot imigresen untuk menempatkan pendatang-pendatang tanpa izin ini sementara menunggu pengusiran ataupun tindakan-tindakan undang-undang yang lain dan saya rasa apa yang didakwa oleh Yang Berhormat dari Tanjong itu tidak begitu tepat, yang mengatakan ianya menjejaskan imej.

Pada hal dalam siasatan polis terhadap TENAGANITA ini, adalah menjadi satu cara yang profesional daripada pihak polis apabila satu tuduhan yang serius itu telah dilemparkan, polis perlu menyemak semua fakta-fakta termasuk bagaimana sesuatu sumber itu diperolehi, sama ada sumber itu boleh dipercayai ataupun berasas atau tidak dan dokumen-dokumen yang dikatakan sebagai dijadikan asas tuduhan itu perlu juga disemak dari mana dokumen itu didapati, bagaimana ianya disediakan.

Kita kira semua itu adalah dijalankan mengikut undang-undang yang disediakan. Polis memang berkuasa untuk demikian. Biasanya seseorang yang disiasat itu memang tidak puas hati. Seseorang itu boleh membuat dakwaan, tuduhan bila-bila tetapi apabila polis suruh dia bekalkan sesuatu dengan lebih kukuh atau konkrit tentu dia tidak akan puas hati. Maka, jadilah macam-macam perasaan yang disalurkan melalui pihak-pihak media ataupun melalui pihak pembangkang itu adalah satu perkara biasa dan saya tegaskan di sini ialah segala yang dijalankan oleh polis itu adalah mengikut undang-undang dan tidak keterlaluan.

**Tuan Lim Kit Siang:** [*Bangun*]

**Tuan Ong Ka Ting:** Saya baru sahaja jelaskan, apa lagi hendak jelas? Cukuplah. Kalau perkara lain okay, kalau perkara ini sudah cukup. Saya sudah jelaskan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Yang Berhormat baru mula dengan perkara ini.

**Tuan Ong Ka Ting:** Ya, sebab saya belum siap, apa hendak jelaskan?

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, hendak beri jalan?

**Tuan Ong Ka Ting:** Okay, sekali lagi.

**Tuan Lim Kit Siang:** Mungkin pihak polis mahu tahu apa punca-punca maklumat TENAGANITA. Tetapi bukankah benar kalau tidak ada memorandum TENAGANITA mengenai perkara ini, fakta-fakta bahawa ada berlaku kematian beramai-ramai - 46 orang yang meninggal dunia sehingga bulan Ogos, kita perlu menganggap sebagai beramai-ramai, tidak akan diketahui oleh orang ramai?

Kita perlu menganggap ini sebagai satu contribution dan bukan sebagai satu penganiayaan terhadap negara. Sampai sekarang, bukankah benar bahawa kerajaan tidak boleh memberi sebab-sebab kenapa boleh berlaku 46 orang yang mati sehingga Ogos? Kita tak tahu sampai sekarang sama ada Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh memberi angka-angka antara Ogos hingga sekarang ada beberapa orang mati dan kita bukan mengatakan bahawa Kerajaan Malaysia tidak ada perikemanusiaan, tidak baik dan tidak memberi pusat-pusat depot untuk pekerja-pekerja atau pendatang-pendatang asing. Itu baik, tetapi masalahnya bukanlah bahawa kita ada depot untuk tahanan mereka, tetapi apabila berlaku masalah-masalah yang disebut di dalam Memorandum TENAGANITA, kita perlu mengadakan satu siasatan yang menyeluruh dan terbuka supaya tidak ada kesimpulan bahawa pihak kerajaan mahu menutup perkara ini dan tidak mahu punish Irene Fernandez sahaja.

**Tuan Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, saya rasa tidaklah wajar Yang Berhormat dari Tanjong cuba hubung kaitkan perkara kematian pendatang tanpa izin yang ditahan itu dengan kes TENAGANITA dan didakwa kononnya ada penganiayaan. Saya telah menjelaskan dari segi siasatan polis terhadap TENAGANITA, kita memang sudah menjalankan secara adil dan saksama tetapi dari segi layanan pendatang tanpa izin dalam depot-depot imigresen, baru-baru ini kerajaan telah pun menubuhkan satu Jawatankuasa Khas yang diketuai oleh bekas Ketua Pengarah BPR dan telah pun ada wakil-wakil yang boleh dikatakan sangat layak dijadikan anggotanya dan kalau sekiranya ada apa-apa kelemahan, kerajaan sentiasa menerima teguran dengan terbuka dan membetulkannya.

Dalam pada itu, saya rasa Yang Berhormat dari Tanjong bersetuju bahawa kerajaan tidak menutup depot imigresen. Sebenarnya, Kementerian Dalam Negeri telah membenarkan Yang Berhormat dari Tanjong dan delegasinya untuk pergi melihat keadaan sebenarnya. Ini membuktikan kejujuran dan kita tidak menutup atau melindungi.

Mengenai angka 46 orang yang mati ini, saya rasa kalau kita tidak jelaskan atau nyatakan dengan berhati-hati dengan membuat kenyataan mengatakan 46 orang yang mati di dalam depot itu, cara kenyataan itu dibuat akan menjejaskan imej. Sebenarnya, 46 orang yang mati ini, kalau kita tengok bilangan pendatang tanpa izin yang keluar masuk depot seramai berpuluh-puluh ribu orang itu di mana sebelum mereka itu masuk, ada di antara mereka pun sudah jatuh sakit dan kurang zat, bukan kerana depot tetapi kerana semasa mereka menyusup masuk, mereka sudah tidak sihat dan faktor-faktor yang lain dari segi kesihatan ini, pihak berkuasa dan Kementerian Kesihatan sudah mengesahkan bahawa kematian itu bukan disebabkan oleh sebarang tindakan yang luar biasa. Kebanyakan di antara mereka mati kerana sakit.

Walau bagaimanapun, kerajaan sentiasa peka dengan apa-apa perasaan ataupun teguran dan pada masa kini, kita memang mengawasi keadaan di dalam semua depot imigresen dan sekiranya didapati mana-mana pihak yang menyalahgunakan kuasa atau melakukan kekerasan semasa bertugas, mereka boleh dituduh di mahkamah dan kerajaan tidak teragak-agak untuk mengambil tindakan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Ledang mahukan Pusat Serenti Sengkang di Muar diperbesarkan. Untuk makluman Yang Berhormat, kementerian ini memang bercadang untuk menambah kemudahan-kemudahan asas di pusat serenti tersebut. Rancangan itu meliputi penambahan kemudahan dewan makan di asrama, surau serta lain-lain kemudahan lagi. Tindakan selanjutnya sedang diambil dan cadangan akan dikemukakan kepada agensi pusat untuk dipertimbangkan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu juga, dalam memerangi gejala penagihan dadah, usaha-usaha bersepadu telah pun dilaksanakan dan akan terus dilakukan bagi melipatgandakan peranan masyarakat setempat. Jalinan kerjasama antara berbagai-bagai agensi dan orang ramai telah dipertingkatkan agar masalah dadah dapat ditangani dengan lebih berkesan.

Sebagai contoh, kerajaan telah banyak mengadakan projek khas untuk mengawal dan mencegah penyalahgunaan dadah di kawasan-kawasan atau kampung-kampung yang berisiko tinggi sejak beberapa tahun yang lepas dengan melibatkan JKKK, RELA, Rukun Tetangga, Pemadam dan pertubuhan-pertubuhan belia tempatan.

Kesimpulannya, kerajaan tetap menganggap pendekatan yang melibatkan semua pihak adalah, dengan izin, approach yang terbaik masa kini kerana masalah dadah bukan perlu ditangani oleh kerajaan sahaja, malah ia juga merupakan masalah masyarakat umum di mana

setiap individu dan agensi harus memainkan peranan masing-masing dalam mencapai matlamat masyarakat yang bebas daripada penagihan najis dadah.

Merujuk kepada perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Marang, undang-undang yang sedia ada tetap berkesan dalam memerangi gejala dadah kerana ia mempunyai peruntukan-peruntukan yang meliputi semua aspek dalam menangani kegiatan pengedaran dan penagihan dadah iaitu dari peringkat pengedaran, financier, dengan izin, hingga ke peringkat penagihan dan rawatan.

Sungguhpun terdapat orang-orang yang disyaki dibebaskan oleh mahkamah, ini bukanlah disebabkan oleh kelemahan undang-undang itu sendiri, tetapi lebih disebabkan oleh kekurangan bukti atau untuk mensabitkan tertuduh. Walau apa jua pun, dalam masalah dadah, perkara yang perlu diteliti bukanlah tertumpu kepada aspek undang-undang semata-mata kerana masalah ini juga berpunca daripada beberapa masalah yang lain, misalnya masalah kurang didikan agama, masalah moral, sikap orang awam dan sebagainya.

Mengenai penambahan pusat-pusat serenti pula, ianya adalah tanggungjawab kerajaan untuk memastikan mereka yang terlibat dengan penagihan dadah diberi rawatan yang sewajarnya agar pulih daripada penagihan secara total. Strategi tersebut sebenarnya adalah merupakan strategi untuk mengurangkan permintaan, dengan izin, demand reduction di samping strategi pemulihan kepada penagih-penagih.

Dengan lain perkataan, di samping kerajaan dapat mengesan semula penagih dan memberi rawatan, penempatan di pusat-pusat serenti ini juga dapat menghalang pengedar-pengedar dadah dari mengedar dadah kepada penagih-penagih dengan cara berleluasa.

Tuan Yang di-Pertua, sekiranya satu forum yang melibatkan semua pihak, sebagaimana yang disarankan oleh Yang Berhormat dari Marang itu diadakan untuk merancang strategi pembanterasan gejala dadah di masa hadapan, saya berharap cadangan itu

boleh diterima oleh pihak-pihak yang berkenaan dengan ikhlas dan dengan dada terbuka serta melewati batas kepentingan peribadi, kepentingan politik, kepentingan kaum dan lain-lain lagi. Dengan itu, diharap semua pihak dapat memainkan peranan yang berkesan bagi menjamin kesejahteraan negara dan rakyat.

Menyentuh perkara mengenai kesulitan penduduk-penduduk luar bandar yang tidak mempunyai kad pengenalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat dari Baram dan Yang Berhormat dari Bandau, kerajaan memang menyedari masalah yang dihadapi oleh penduduk pedalaman di Sabah dan Sarawak. Bagi membantu penduduk-penduduk tersebut, Jabatan Pendaftaran Negara sentiasa mengadakan lawatan ke kawasan pedalaman dari se masa ke semasa.

Di samping itu, penduduk-penduduk tempatan juga hendaklah menyedari supaya tiap-tiap kelahiran itu didaftar dan Ahli-ahli Yang Berhormat juga boleh memainkan peranan menjelaskan kepada mereka dari segi yang lain pula.....

**Datuk Joseph Pairin Kitingan:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, Keningau bangun.

**Datuk Joseph Pairin Kitingan:** Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Berkenaan dengan pengeluaran kad pengenalan kepada orang-orang di luar bandar di mana mereka memang selalunya menghadapi masalah. Satu daripada masalah itu ialah bahawa apabila appointment atau penentuan kedatangan pegawai-pegawai berkenaan ke kampung atau ke sesebuah balai raya itu, apabila masanya sampai dan orang sudah berkumpul, biasanya tiba-tiba ramai pegawai yang berkenaan tidak hadir. Bagaimanakah dan bolehkah pihak kerajaan memastikan bahawa ini tidak akan berlaku kerana kita betul-betul mahu membantu orang-orang di luar-luar bandar ini untuk mendapatkan kad pengenalan?

**Tuan Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, ibu pejabat Jabatan Pendaftaran Negara memang telah memberi arahan kepada semua pejabat JPN di semua negeri supaya adakan jadual lawatan secara mobile services dan mengikut kebolehan dan juga keadaan tenaga kakitangan JPN yang berkenaan. Kalau sekiranya sesuatu jadual itu memang diatur, ditetapkan oleh pegawai-pegawai JPN sendiri apabila orang kampung sudah berkumpul tetapi mereka tidak hadir ataupun lewat, kalau sekiranya memang begitu, maknanya pegawai-pegawai itu boleh dikatakan sudah melakukan kecuaiian ataupun mempunyai satu sikap yang tidak wajar.

Walau bagaimanapun, kalau sekiranya pengumpulan orang-orang kampung itu tidak diketahui oleh JPN ataupun tidak terlebih dahulu mendapat persetujuan daripada JPN dan sesiapa pun berkumpul di sesuatu tempat menunggu dan kalau pegawai tidak hadir, kita tidak boleh salahkan pegawai. Jadi, macam manapun kalau sekiranya perkara ini ada berlaku, pihak kementerian sentiasa perlukan maklumat yang lebih tepat supaya kita boleh siasat dan tengok sama ada apa-apa penyelewengan berlaku di mana-mana juga.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi yang lain untuk membantu penduduk di Baram, Ahli Yang Berhormat dari Baram boleh membuat permohonan dan perbincangan dengan pihak Jabatan Pendaftaran Negara di negeri Sarawak untuk menyusun program lawatan ke tempat-tempat yang diperlukan.

Bagi mereka yang tidak pernah mendaftar kelahirannya, mereka boleh memohon daftar lewat kelahiran dan bagi pemohon-pemohon yang tidak mampu membayar setem dan denda yang dikenakan, mereka boleh merayu kepada pihak Jabatan Pendaftaran Negara dan memberikan bukti bahawa mereka ini memang kurang mampu dan Pengarah JPN boleh mengecualikan mereka daripada membayar.

**Tuan Yunof Edward Maringking:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Tuan bangun.

**Tuan Yunof Edward Maringking:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Masalah pembaharuan ataupun penggantian kad pengenalan di Sabah ini terutamanya ataupun mungkin juga di Sarawak berlaku, Tuan Yang di-Pertua, adalah lebih rumit oleh kerana bukan sahaja dilaporkan 22,000 kad pengenalan tulen telah hilang dan kita tidak tahu apa sebabnya dan apa nombor-nombor kad pengenalan itu yang telah hilang.

Jadi, saya ingin penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri mengenai satu kejadian yang terbaru saya terima di mana seorang penduduk di kawasan saya dengan nombor kad pengenalan lama H 0667300 telah memohon menggantikan kad pengenalan begitu lama, sudah bertahun-tahun. Kemudian bila datang ke Jabatan Pendaftaran di Kota Kinabalu, dia diarah untuk membuat permohonan baru dengan alasan bahawa kad pengenalan baru bernombor 670403-12-5012 sudah hilang di dalam perjalanan. Jadi, di dalam keadaan begitu, Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, kenapa ini berlaku? Kalaulah sekiranya pemegang kad pengenalan ini tidak mendapat kad pengenalan sesudah tempoh yang ditetapkan untuk penggantian kad pengenalan itu expired, dengan izin, bolehkah orang yang berkenaan dikecualikan daripada didenda dan di samping itu minta penjelasan kenapa kehilangan itu boleh berlaku?

**Tuan Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana perkara itu adalah satu kes yang spesifik melibatkan butir-butir yang tertentu, saya rasa lebih selamat dan lebih berkesan kalau sekiranya Yang Berhormat boleh menulis satu surat kepada saya dengan memberikan semua butiran dan saya akan minta Jabatan Pendaftaran Negara untuk memberikan satu

penjelasan secara bertulis lebih tepat. Kalau saya hendak beri penjelasan di sini pun tidak boleh tepat iaitu rekod tidak ada pada saya.

Tuan Yang di-Pertua.....

**Datuk Joseph Pairin Kitingan:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Keningau bangun.

**Datuk Joseph Pairin Kitingan:** Tuan Yang di-Pertua, berkali-kali kita bawa perkara-perkara yang penting di dalam Dewan yang mulia ini dan semuanya ada dimasukkan dalam *Hansard*. Pertanyaan saya, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menggunakan butir-butir yang telah dimasukkan dalam *Hansard* itu untuk meneruskan siasatan supaya dapat menjimat masa, bukan meminta lagi menulis surat?

**Tuan Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, memang apa-apa perkara yang telah dibangkit dan telah direkod, kita telah jawab dengan seboleh-bolehnya dalam Dewan ini dan ini untuk kepentingan dan kebaikan semua pihak. Kalau sekiranya hendak satu follow-up yang lebih terperinci, selalunya surat itu boleh memastikan sesuatu yang dibangkitkan itu boleh disampaikan kepada pihak berkuasa yang berkenaan. Kalau kita hendak semak *Hansard* di sini dan di sana, kalau Yang Berhormat memang ada pada tangan, saya rasa tidak susah sangat bagi Yang Berhormat untuk kemukakan sahaja dalam kertas yang bertulis. Saya rasa itu bukan susah sangat. Kalau sekarang hendak kata semua perkara dalam *Hansard* yang lalu itu sila selesaikan, saya rasa itu susahlah bagi sesiapa pun atau mana-mana kementerian. Tetapi saya benar-benar serius, sebenarnya kita hendak selesaikan semua masalah. Bukan kita hendak elak tetapi bantulah pihak kementerian untuk kemukakan sesuatu itu dalam cara yang lebih senang untuk kita ambil tindakan. Tetapi kalau sekiranya butiran dalam *Hansard* itu jelas, kementerian tetap juga akan ambil tindakan.

Tuan Yang di-Pertua....

**Datuk Joseph Pairin Kitingan:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Keningau bangun lagi, Yang Berhormat.

**Tuan Ong Ka Ting:** Saya ingat sudah cukuplah. Masa sudah suntuk.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Dia tidak mahu beri, Yang Berhormat.

**Datuk Joseph Pairin Kitingan:** Tuan Yang di-Pertua, ini adalah berkaitan dengan pembaharuan juga.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Hendak berikah Yang Berhormat?

**Datuk Joseph Pairin Kitingan:** Kerana ini berkaitan dengan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, tidak tahu dia beri jalankah atau tidak?

**Tuan Ong Ka Ting:** Okay, last one.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Last!

**Datuk Joseph Pairin Kitingan:** Terima kasih kepada Yang Berhormat. Kerana ini yang sebenarnya adalah perkara yang penting. Ini berkaitan dengan pembaharuan di mana kita berkali-kali diberitahu bahawa masa penghabisan untuk memperbaharui kad pengenalan adalah tahun 1996 dan tidak akan disambung dan sesiapa sahaja yang tidak memperbaharui akan didenda. Nampaknya apa yang sudah menjadi masalah di sini bukan sahaja kepada orang kampung di luar bandar tetapi kebanyakan orang yang sudah pun memohon memperbaharui seperti saya ini, pembaharuan itu sangat lambat diselesaikan.

Jadi, kalau pembaharuan itu tidak diselesaikan sehinggalah lepas tahun 1996, adakah ini bererti orang-orang itu akan didenda? Walhal tidak ada menunjukkan bahawa pemohon itu yang salah. Jadi, kita ingin penjelasan supaya kita dapat meminta daripada kementerian untuk memastikan betul-betul perjalanan proses untuk memastikan pengeluaran dan pembaharuan kad pengenalan baru itu dapat diselesaikan sebelum tahun 1996 ataupun mengikut resit yang diberi kepada pemohon itu di mana dikatakan setahun. Resit kebanyakannya ada dua macam. Ada satu yang dikatakan resit ini sah sehingga satu tahun. Ada pula yang kebanyakan ditujukan kepada orang-orang asing, resit ini sah sehingga diberitahu. Jadi, tidak ada konsistensi sedangkan satu tahun itu selalunya delay sahaja untuk pembaharuan dilakukan, termasuklah permohonan saya sendiri, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, ulasan Yang Berhormat dari Keningau, saya rasa Yang Berhormat mungkin ada loss touch sedikit terhadap perkembangan yang terbaharu. Perkara ini telah kita betulkan, kalau Yang Berhormat bangkitkan dalam Dewan ini pada tahun yang lalu atau sebelum itu, saya setuju ada beberapa perkara yang perlu kita betulkan. Pada masa ini sudah lain, kita tidak keluarkan satu resit 'sahkan' sehingga bila, itu semua adalah hal-hal yang dahulu.

Mengenai backlogs juga kita clear, kita mahu semua backlog itu kalau dapat diselesaikan menjelang tahun ini dan permohonan yang telah menunggu lama terutamanya lebih dari satu tahun, itu semua kena diselesaikan menjelang hujung tahun ini. Ini adalah satu target kerja JPN, mungkin ada satu, dua individual kes yang melibatkan lebih banyak pindaan atau butiran dan kita terpaksa mengambil masa lebih sedikit. Walau bagaimanapun, semua perkara itu telah banyak dibincang dalam Dewan ini, dalam sesi yang lalu, dalam tahun yang lalu dan boleh saya katakan pada keseluruhannya setiap kali saya datang ke sesi Dewan ini, setiap kali ada kemajuan, setiap kali ada perubahan yang positif.

Hari ini saya lebih yakin JPN boleh melayan dan boleh memberi perkhidmatan. Menjelang 31hb. Disember 1996 JPN sudah ada program dan rancangan untuk menerima semua permohonan termasuk ke kawasan pedalaman untuk memudahkan mereka menukar kad pengenalan. Kerajaan tidak akan sewenang-wenangnya mengambil tindakan terhadap mana-mana pihak sekiranya pada masa yang ditetapkan, kalau sesuatu kelambatan ataupun exercise ini tidak dapat dihabiskan. Sekiranya itu adalah disebabkan oleh sistem kerajaan, maka kerajaan akan tetap bertanggungjawab. Kita tidak mahu menyalahkan orang sahaja, ini bukan sikap Kerajaan Barisan Nasional. Selama ini kerajaan kita adalah membela nasib rakyat dan kita akan teruskan dengan sikap demikian.

Berhubung dengan isu pemalsuan kad pengenalan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Keningau, Ahli Yang Berhormat dari Tenom, Ahli Yang Berhormat dari Bandau dan Ahli Yang Berhormat dari Kubang Kerian, perlu dinyatakan di sini bahawa ianya adalah berpunca daripada kegiatan segelintir warganegara termasuk kakitangan kerajaan yang tidak bertanggungjawab, yang ingin mendapat kekayaan dengan cepat. Kerajaan amat memandang berat kegiatan mereka ini, setakat ini 35 orang yang terlibat telah pun ditangkap dan kerajaan tidak bertolak-ansur sama sekali terhadap mereka itu, sama ada mereka itu kakitangan kerajaan, orang-orang kenamaan ataupun orang-orang politik, tidak kira dia dari parti pemerintah atau parti pembangkang.

Penglibatan kakitangan kerajaan walaupun daripada Jabatan Pendaftaran Negara adalah merupakan satu penyelewengan. Itu adalah penyelewengan individu dan tindakan undang-undang telah pun diambil ataupun sedang diambil dan ini tidak ada hubungkait dengan kerajaan kerana kerajaan tidak pernah melancar apa-apa operasi untuk memberi kad pengenalan palsu.

Berhubung dengan dua orang yang didakwa oleh Yang Berhormat dari Tenom, bukan dilahirkan di Sabah, tetapi telah diberi kad pengenalan, suka saya maklumkan Dewan yang mulia ini, bahawa selepas siasatan sekiranya terdapat sesiapa yang memberi keterangan palsu untuk mendapat kad pengenalan, mereka ini boleh dikatakan telah menyalahi undang-undang, kalau sekiranya disabit boleh didenda atau dipenjara atau kedua-dua.

Mengenai saranan Yang Berhormat dari Keningau supaya.....

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, ada yang bangun Yang Berhormat.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Tuan Yang di-Pertua, masalah kad pengenalan palsu ini, kerajaan sering menggunakan ISA untuk menangkap mereka, kalau ada bukti yang cukup apa salahnya kerajaan dakwa mereka di mahkamah supaya dapat kita bongkar hingga ke akar umbi. Jika ditahan di bawah ISA, kadangkalanya kita rasa kerajaan macam hendak sembunyikan sesuatu dan ISA juga kadangkala tidak menginsafkan mereka. Misalnya, saya lihat dalam surat khabar Saudara Sardali ditahan sekali lagi, sedangkan ketika saya dalam Kem Kamunting dahulu tahun 1987, dia telah ada ditahan kerana masalah kad pengenalan palsu juga, sekarang beliau ditahan lagi sekali. Ini bererti ISA yang dikenakan kepadanya begitu lama tidak berkesan, kalau ia terus membuat kad pengenalan palsu. Jadi, kenapa tidak mereka ini didakwa di mahkamah, dihukum dan dibongkar sindiket mereka ini, sebab kalau kita lihat sesiapa yang ditahan di bawah ISA, macam ada sesuatu perkara yang hendak disembunyikan oleh pihak kerajaan dalam masalah kad pengenalan palsu ini. Jadi, saya minta penjelasan.

**Tuan Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, kerajaan seboleh-bolehnya mendakwa sesiapa sahaja di mahkamah, kalau sekiranya saksi sanggup pergi ke mahkamah dan bukti-bukti yang lain semuanya cukup. Jadi kita tetap akan pergi ke mahkamah. Tetapi ada

kalanya kes-kes yang melibatkan saksi, dia tidak mahu pergi ke mahkamah dan daripada siasatan secara terperinci, kerajaan sudah puas hati benar-benar seseorang itu memang terlibat, tetapi jika pergi ke mahkamah kekurangan saksi atau bukti, maka orang itu akan tetap dibebaskan. Kalau sekiranya perkara yang berlaku itu ianya tidak memberi manfaat kepada negara, pada akhirnya negara akan rugi dan rakyat akan tetap menghadapi masalah ini, pada masa itu pula wakil-wakil rakyat dari pembangkang tetap akan membangkitkan isu yang lain, mengapa orang ini dia benar membuat kad pengenalan palsu dibebaskan dibiarkan macam itu dan terus membuat kad pengenalan palsu. Saya rasa isu atau goal post akan shift kepada isu lain, dia tidak akan habis-habis. ISA ini telah di.....

**Tuan Radin Malleh:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Tenom bangun, ya.

**Tuan Ong Ka Ting:** Saya belum.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Hendak beri jalan atau tidak?

**Tuan Ong Ka Ting:** Nanti dahulu saya belum habis.

Akta Keselamatan Dalam Negeri ini telah pun dibukti sebagai satu cara yang boleh dikatakan paling berkesan, boleh bertindak dengan cepat sebelum seseorang itu ‘cabut’ lari ataupun dia musnahkan semua bukti, tetapi ISA boleh bertindak dengan cepat. Selepas siasatan nampaknya seseorang itu tidak begitu serius, maka mereka boleh dilepaskan, bukan semestinya tangkapan ini pasti akan masukkan mereka untuk selama-lama dan di dalam kem pemuliharaan itu kita tidak boleh kata 100%, sebagai contoh kalau seorang daripada ramai keluar, dia telah terlibat semula ataupun mungkin ada sebab-sebab yang lain telah dikenakan sekali lagi ISA. Kita tidak boleh jadikan satu kes itu sebagai satu contoh dan membuat kesimpulan kalau ISA itu tidak berkesan ataupun program pemuliharaan itu tidak berkesan. Saya rasa itu bukan dia punya cara untuk membuat kesimpulan.

**Tuan Radin Malleh:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, ada juga Yang Berhormat di atas keprihatinan Yang Berhormat tentang dua orang personaliti yang saya sebut dalam perbahasan Belanjawan yang baru lalu.

Di sini saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat sama ada pihak kementerian dan juga agensi-agensi kerajaan yang berkuasa akan membuat siasatan semula terhadap kedua orang yang saya nyatakan di dalam ucapan saya itu dan kalau didapati bersalah, disabitkan dalam kesalahan, adakah mereka ini akan dibawa ke mahkamah dan juga diusir balik ke negara mereka masing-masing? Terima kasih.

**Tuan Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, kedua-dua kes itu sebenarnya pada preliminary checking, dengan izin, nampaknya mereka itu keluar secara teratur, tetapi kalau Yang Berhormat ada maklumat, boleh membuktikan dan maklumat yang digunakan oleh kedua-dua orang pemohon itu adalah palsu, saya rasa kerajaan tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan. Tetapi kita perlukan maklumat jika ada berkaitan dengan kedua-dua kes yang dibangkitkan itu.

Dalam usaha mengawal kegiatan agensi-agensi pengambilan pekerja asing swasta seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kubang Kerian, kerajaan telah memutuskan, memansuhkan peranan agensi swasta di dalam urusan pengambilan pekerja asing, kecuali pembantu rumah dan pembantu kedai. Urusan pengambilan seterusnya dilakukan secara hubungan antara kerajaan. Persetujuan dalam bentuk pertukaran nota telah disempurnakan dengan kerajaan Bangladesh, Indonesia dan Pakistan. Peraturan baru ini telah pun dikuatkuasakan sejak 3 bulan yang lepas dan keberkesanan peraturan baru ini bukan sahaja bergantung kepada kecekapan Pasukan Petugas Pekerja Asing (PPPA), tetapi juga kesungguhan dari pihak agensi negara sumber untuk menjayakannya.

Mengenai keadaan di Depot Imigresen, saya telah membuat penjelasan semasa Ahli Yang Berhormat dari Tanjong membangkitkan isu ini.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, ada yang bangun. Hendak beri jalan ataupun tidak?

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Beri sekali lagi. Sekali lagi, Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mendapat maklumat semasa melawat kem tahanan Imigresen iaitu Kedutaan Indonesia, Pakistan, Filipina memberikan kerjasama tetapi Kedutaan Bangladesh tidak memberikan kerjasama kepada pihak polis dan pihak kementerian dalam urusan masalah rakyat mereka. Jadi, apakah pihak Kementerian Dalam Negeri telah mengambil tindakan supaya pihak Kerajaan Bangladesh juga bertanggungjawab apabila pihak Kementerian Dalam Negeri dan pihak polis meminta mereka memberi kerjasama. Apakah urusan itu telah dibuat untuk memperbaiki keadaan ini?

**Tuan Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, kerajaan kita sentiasa menyelesaikan semua masalah pekerja asing atau pendatang tanpa izin daripada luar ini melalui saluran diplomatik. Kita sentiasa ada perbincangan antara saluran diplomasi kita. Dari semasa ke semasa kita dapatkan understanding yang lebih untuk mengatasi masalah ini dan kita akan teruskan berbuat demikian.

Perlu dimaklumkan bahawa kerajaan berpuas hati dengan keadaan di depot tersebut dari aspek kemudahan tempat tinggal dan makanan. Ini bersesuaian dengan peranan depot tersebut sebagai tempat tinggal sementara pendatang tanpa izin yang telah datang ke negara ini secara melanggar undang-undang sebelum dihantar pulang ke negara asal mereka. Sebarang peningkatan dari segi kemudahan dan layanan akan meningkatkan kos penyelenggaraan yang telah memakan belanja berpuluh-puluh juta ringgit.

Tuan Yang di-Pertua, oleh yang demikian, adalah kurang tepat mengaitkan layanan di depot ini dengan levi yang dikutip, kerana levi dibayar oleh pekerja asing yang sah bagi menampung kos kerana mereka menggunakan kemudahan-kemudahan awam seperti hospital, jalan raya, air dan sebagainya. Tetapi bagi pendatang tanpa izin ini mereka tidak pernah membayar apa-apa levi dan mereka masuk secara melanggar undang-undang. Adalah tidak adil kalau orang yang sah itu membayar levi dan digunakan wang itu untuk melayan orang yang datang secara tidak sah. Ini logiknya tidak betul.

Berhubung dengan kebanjiran pendatang tanpa izin sebagaimana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Tenom, saya ingin menerangkan iaitu angka-angka yang disebut di pelbagai forum atau di media massa adalah cuma angka anggaran. Kalau pendatang tanpa izin ini memang tidak sah, tidak siapa pun boleh mendapatkan satu angka yang tepat. Semua itu adalah anggaran. Kerajaan tidak mempunyai angka sebenar. Walau bagaimanapun, kerajaan sedang menimbangkan cara yang lebih berkesan untuk menganggar kehadiran pendatang tanpa izin di negara ini. Saya juga ingin memberi jaminan di Dewan yang mulia ini bahawa agensi-agensi penguatkuasa termasuk Polis dan Imigresen sentiasa berusaha dengan keupayaan yang ada untuk menghalang kedatangan pendatang tanpa izin.

Harus diingat bahawa negara kita ini mempunyai kawasan pantai dan sempadan yang panjang dan luas. Dengan demikian, masih terdapat pendatang tanpa izin masuk ke negara ini tetapi adalah di bawah kawalan. Oleh itu tidaklah benar dakwaan Yang Berhormat bahawa kerajaan tidak berusaha menghalang kemasukan mereka.

Yang Berhormat dari Pokok Sena, Yang Berhormat dari Kangar dan Yang Berhormat dari Muar telah bercakap berhubung dengan kelemahan Pasukan Petugas Pekerja Asing (PPPA). Saya ingin menegaskan di sini sekiranya ada pegawai-pegawai PPPA yang menyeleweng, kerajaan tidak akan teragak-agak mengambil tindakan terhadap mereka.

Walau bagaimanapun, kita perlukan bukti-bukti atas tuduhan-tuduhan yang telah dibuat dan jika ada, eloklah dilaporkan kepada Polis atau BPR agar disiasat dan diambil tindakan sekiranya benar berlaku penyelewengan.

Dengan yang demikian, saya menyeru kepada Yang Berhormat atau mana-mana Yang Berhormat yang lain atau orang awam agar melaporlah kepada pihak yang berkuasa kalau sekiranya ada penyelewengan berlaku dan pihak Kementerian pun sentiasa mengawasi keadaan apabila ada aduan begitu.

Berhubung dengan kelewatan yang berlaku di pihak PPPA pada masa ini, ianya adalah kerana masalah pentadbiran. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, PPPA pada masa ini hanya dianggotai oleh 12 jawatan sahaja bagi memproses beribu-ribu permohonan setahun. Namun demikian, Kementerian Dalam Negeri sedang berusaha untuk meningkatkan kecekapannya dan juga mengambil tindakan untuk memastikan jawatan-jawatan yang secukupnya akan diperolehi.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menjelaskan perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Jelutong, rakyat Malaysia yang memasuki negeri Sabah tidak memerlukan passport, mereka boleh masuk ke Sabah dengan menggunakan kad pengenalan dan mengisikan kad imigresen IMM 114 dan kad ini boleh didapati dari mana-mana Pejabat Imigresen. Sistem ini memang satu persetujuan yang ada latar belakang yang lama. Bukan senang kita kata hapuskan begitu sahaja.

Berkenaan dengan masalah keselamatan serta pembangunan Pasukan Polis seperti yang diutarakan oleh Yang Berhormat dari Tawau, seperti mana yang telah dimaklumkan melalui jawapan Pertanyaan Mulut Ahli Yang Berhormat itu pada masa-masa yang lalu pada bulan Oktober dan November, kerajaan telah pun mengambil tindakan yang sewajarnya mengenai perkara tersebut.

Berhubung dengan perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Kuala Kerai, kerajaan telah pun mengambil langkah-langkah sewajarnya bagi memastikan kebajikan anggota dan pegawai Polis Diraja Malaysia dari segi mendapat keselesaan tempat kediaman dan tempat bertugas. Berdasarkan kepada perangkaan setakat ini, pihak PDRM masih lagi menyewa sebanyak 144 premis bagi dijadikan sebagai pondok polis. Premis-premis tersebut terpaksa disewa kerana ketiadaan tanah milik PDRM di kawasan tersebut. Walau bagaimanapun, permohonan bagi mendapatkan tapak yang sesuai bagi sebahagian kawasan-kawasan tersebut telah pun dibuat oleh pihak PDRM dan peruntukan bagi pembinaan sebahagian daripada pondok polis telah pun dipohon di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh.

Ahli Yang Berhormat dari Kangar mencadangkan supaya perbuatan menghidu gam diliputi dalam Akta Dadah. Untuk makluman Yang Berhormat, buat masa ini belum ada cadangan untuk meliputi menghidu gam menjadi satu kesalahan di bawah Akta Dadah Berbahaya. Namun demikian, pihak polis sentiasa mengawasi kegiatan itu bagi mengelakkan ianya daripada berleluasa.

Menyentuh saranan Ahli Yang Berhormat dari Batu Gajah, ingin saya maklumkan bahawa PDRM tiada sebarang peruntukan bagi memberi pampasan kepada keluarga orang awam yang terlibat dalam sebarang kejadian seperti yang dimaksudkan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, anggota-anggota polis memang diberi kesedaran dan kaunseling ke arah mempertingkatkan tahap disiplin mereka. Sehingga sekarang seramai 28 orang pegawai polis telah pun memperolehi diploma dalam bidang kaunseling dan seramai 8 orang lagi masih mengikuti kursus di Universiti Kebangsaan Malaysia dan mereka ini ditugaskan untuk memberi kaunseling kepada anggota yang bermasalah. Di samping itu semua pegawai-pegawai kanan ataupun yang menjaga anggota-anggota polis itu mereka sentiasa juga

diingatkan untuk memberi perhatian kepada anggota-anggota di bawah jagaan mereka itu sentiasa berwaspada sekiranya ada apa-apa gejala bahawa seseorang itu sudah mempunyai tekanan atau apa-apa masalah dari segi fikirannya, mereka tetap akan diberi nasihat terlebih awal sebelum sesuatu yang tidak diingini itu berlaku.

Mengenai pelancong asing yang datang dan tinggal untuk bekerja di negara ini seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Arau, kerajaan melalui agensi-agensi penguatkuasaan seperti Jabatan Imigresen dan Polis akan mengambil tindakan menangkap dan mengenakan tindakan undang-undang terhadap mereka sekiranya terdapat bukti yang mereka telah menyalahgunakan pas lawatan sosial bagi tujuan bekerja.

Mengenai cadangan daripada Ahli Yang Berhormat dari Kluang supaya kerajaan menggalakkan pengambilan pekerja asing dari banyak negara, ingin dinyatakan bahawa dasar kerajaan sekarang hanya membenarkan pengambilan pembantu rumah daripada negara-negara Indonesia, Thailand dan Filipina. Oleh itu buat masa kerajaan tidak bercadang melonggarkan pengambilan pembantu rumah dari negara-negara selain daripada yang dinyatakan sebentar tadi.

Akhir sekali, sukacita kementerian saya merakamkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dari Kuala Pilah dan Selangau atas keyakinan mereka terhadap tindakan-tindakan yang telah diambil oleh kerajaan khususnya Kementerian Dalam Negeri mengenai beberapa perkara yang melibatkan tanggungjawab kementerian ini dan jabatan-jabatan di dalamnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah pun memberi penjelasan ke atas beberapa pandangan dan teguran yang telah dibangkitkan dan bagi pandangan dan teguran Ahli-ahli Yang Berhormat kalau tidak sempat saya jawab di Dewan ini, saya beri jaminan bahawa ianya akan diberi perhatian sewajar oleh Kementerian Dalam Negeri. Sekian.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar.

**5.30 ptg.**

**Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar [Dato' Abu Bakar bin Daud]:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ucapkan terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk menjawab atas perkara- perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dalam masa perdebatan dasar-dasar Belanjawan negara.

Saya juga mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah turut serta membahaskan dasar-dasar Belanjawan 1996, khususnya mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar.

Ahli-ahli Yang Berhormat dari Tanjong, Bukit Mertajam, Parit Buntar, Seremban, Lanang dan Parit Sulong telah menyentuh agar kerajaan mempertingkatkan lagi penguasaan teknologi maklumat serta berwaspada dengan gejala-gejala yang negatif berhubung dengan teknologi maklumat.

Ahli-ahli Yang Berhormat dari Kangar, Marang, Kuala Pilah, Ledang dan Gelang Patah pula menyarankan agar kerajaan mengambil langkah-langkah yang tegas untuk memperkukuhkan lagi sistem perundangan mengenai alam sekeliling yang ada serta memperluaskan lagi bidang kuasa yang ada pada Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar dalam menangani isu-isu pencemaran. Manakala Ahli-ahli Yang Berhormat dari Ipoh Timor dan Kluang yang telah mencadangkan agar kerajaan mempertingkatkan lagi Program Penyelidikan dan Pembangunan (Research and Development) negara dengan memberi penekanan kepada kerjasama yang erat di antara para penyelidik kerajaan dan penyelidik awam.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya memberikan penjelasan terhadap perkara-perkara yang telah disentuh oleh Ahli-ahli Yang Berhormat berkenaan sewaktu membahaskan dasar-dasar Belanjawan 1996 di Dewan yang mulia ini. Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dari Tanjong, Bukit Mertajam, Parit Buntar, Seremban, Lanang dan Parit Sulong yang begitu prihatin terhadap perkembangan teknologi maklumat, dengan menyeru kerajaan mempertingkatkan lagi penguasaan bidang teknologi maklumat ini pada semua lapisan masyarakat.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, kerajaan melalui kementerian dan jabatannya, sedang mempertingkatkan penggunaan teknologi maklumat, 'information technology', dengan izin, dalam berbagai urusan yang berkaitan dan juga menjadikan Malaysia sebagai pemimpin dalam pembangunan dan penggunaan lebuhraya informasi, 'information highway', dengan izin.

Susulan daripada itu, kerajaan telah menubuhkan Majlis Teknologi Maklumat Negara yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri bagi menerajui arah tuju pembangunan teknologi maklumat negara. Dalam hal ini, segala kemungkinan sedang diambil bagi menentukan agar maklumat sulit dan strategik terpelihara. Kerajaan juga memandang serius akan gejala maklumat-maklumat yang kurang sihat daripada pihak Barat yang boleh merosakkan akhlak pengguna-pengguna Internet tanah air. Justeru itu, usaha-usaha sedang giat dijalankan bagi menumpukan agar maklumat-maklumat berkenaan dapat dibendung dengan lebih bijaksana dan berkesan lagi. Kerajaan juga akan mengambil langkah sewajarnya untuk menyebarkan maklumat yang tepat melalui Internet dan sekali gus menepis maklumat yang salah tentang negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dari Kangar, Marang, Kuala Pilah, Ledang dan Gelang Patah di atas sokongan dan

cadangan supaya perundangan alam sekeliling yang ada diperkukuhkan lagi serta menyarankan agar kerajaan memperluaskan lagi bidang kuasa yang ada kepada Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar. Dalam menangani isu-isu alam sekitar, Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar telah dan akan terus menguatkuasakan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974. Akta ini bertujuan untuk memastikan kualiti alam sekeliling tetap terjamin dan terpelihara. Peraturan-peraturan yang terkandung dalam akta ini akan dikaji dari semasa ke semasa mengikut keperluan semasa.

Selain daripada itu, beberapa garis panduan telah digubal bagi membantu kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan dalam menguruskan hal ehwal alam sekitar. Dalam usaha-usaha membangunkan infrastruktur untuk kemudahan dan kesejahteraan hidup rakyat, kerajaan sentiasa memberi keutamaan kepada pembangunan program alam sekitar dengan menambah peruntukan dari semasa ke semasa. Melalui peruntukan yang diluluskan itu, Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar akan memberi penekanan kepada program pendidikan dan kesedaran alam sekitar serta meningkatkan keupayaan pegawai-pegawai Jabatan Alam Sekitar dalam mencegah, mengawal dan mengawasi pencemaran yang berlaku. Pelaksanaan program tersebut bukan sahaja bergantung daripada peruntukan yang diluluskan oleh kerajaan, tetapi juga sumbangan daripada pihak swasta diperlukan.

Pada masa-masa akan datang, lebih banyak lagi pihak swasta akan dijemput untuk menyertai program pembangunan alam sekitar bagi mengurangkan perbelanjaan sektor awam, di samping menggalakkan pihak swasta bekerjasama dengan sektor awam serta dengan dasar persyarikatan Malaysia. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, khasnya Ahli Yang Berhormat dari Tanjong, selain daripada menggerakkan jentera-jenteranya di peringkat kementerian dan jabatan dalam usaha meningkatkan kualiti alam sekeliling dan mengawal pencemaran, kerajaan khusus, Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar

sedar akan betapa pentingnya peranan yang dimainkan oleh Ahli-ahli Parlimen sebagai penghubung di antara rakyat dengan kerajaan.

Justeru itu, kementerian ini bersama-sama Persatuan Ahli-ahli Parlimen mengenai Penduduk dan Pembangunan telah menganjurkan satu persidangan antarabangsa yang bertemakan “Environment and Sustainable Development”, khasnya untuk Ahli-ahli Parlimen tempatan dan rantau Asia Pasifik pada 2hb. hingga 5hb. November 1994 di Kuala Lumpur. Di atas usaha dan kerjasama Ahli-ahli Yang Berhormat menganjurkan persidangan tersebut dengan berjayanya, saya mengucapkan jutaan terima kasih. Saya percaya, persidangan itu akan meningkatkan kesedaran di kalangan bukan sahaja penduduk tempatan, tetapi meliputi negara-negara lain yang memberi perhatian serius kepada aspek alam sekitar pada masa kini.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, isu pencemaran tidak mengenal erti sempadan. Masalah jerubu yang menjadi isu utama sejak kebelakangan ini bukan sahaja kepada Malaysia, malah Brunei Darussalam, Indonesia dan Singapura juga turut merasai bahan yang dibawanya. Dalam menangani isu ini, Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar dengan kerjasama beberapa agensi kerajaan telah berjaya menganjurkan mesyuarat pencemaran melampaui sempadan di peringkat Menteri-menteri Alam Sekitar ASEAN pada 17hb. Jun 1995 di Kuala Lumpur. Dalam mesyuarat ini, beberapa resolusi telah dipersetujui bersama. Antara yang paling penting ialah pembentukan plan tindakan kerjasama ASEAN menangani pencemaran melampau sempadan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dari Ipoh Timor dan Kluang yang telah mencadangkan agar kerajaan mempertingkatkan lagi program penyelidikan dan pembangunan, ‘Research and Development’ negara. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, bagi membangunkan industri berteknologi tinggi dan industri berat, kerajaan melalui kementerian dan jabatannya

sedang giat melipatgandakan kerjasama dengan industri-industri berkenaan melalui program penyelidikan dan pembangunan (R&D). Program Research and Development yang sedang dilaksanakan ini berteraskan kepada kehendak pasaran inovatif dan selari dengan keperluan industri tempatan dan antarabangsa. Kerajaan akan memberi tumpuan kepada peningkatan R&D, pengwujudan rangkaian hubungan yang erat di antara sektor awam dan industri, memperkukuhkan keupayaan institusi penyelidikan dalam pembangunan teknologi dan penghasilan hasil R&D. Bagi menentukan segala program R&D ini dilaksana dengan jayanya, kerajaan telah mengambil langkah-langkah yang terperinci. Antaranya, menuusun semula sistem dan prosedur, pembiayaan R&D dan menambahkan lagi peruntukan demi mencapai objektif penyelidikan dan pembangunan negara bersesuaian dengan matlamat Wawasan 2020.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai mengakhiri ucapan, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan dasar-dasar Belanjawan Negara 1996. Segala pandangan, cadangan dan teguran yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat itu akan dijadikan panduan dalam merancang dan melaksanakan program-program Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar agar program-program itu dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan lagi pada masa-masa akan datang. Sekiranya ada pandangan, teguran dan cadangan dari Ahli-ahli Yang Berhormat itu tidak disentuh dalam jawapan ini, perkara-perkara yang dibangkitkan itu akan saya berikan perhatian dan tindakan yang sewajarnya akan diambil seterusnya. Sekian, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kementerian Kerja Raya.

**WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBAHKAN  
DARIPADA PERATURAN MESYUARAT**

**5.43 ptg.**

**Menteri Kerja Raya [Dato' Seri S. Samy Vellu]:** Tuan Yang di-Pertua, sebelum itu saya memohon mencadangkan:

Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12(1) Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga pukul 8.45 malam ini.

**Menteri Tenaga, Telekom dan Pos [Datuk Leo Moggie anak Irok]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat usul yang telah dikemukakan iaitu:

Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12(1) Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga pukul 8.45 malam ini,

hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12(1) Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga pukul 8.45 malam ini.

**RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1996  
Bacaan Kali Yang Kedua**

**DAN**

**USUL**

**ANGGARAN PEMBANGUNAN 1996**

*Perbahasan disambung semula.*

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila.

**5.43 ptg..**

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tuan Yang di Pertua, saya merakamkan ucapan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh beberapa perkara mengenai bidang tugas dan tanggungjawab Kementerian Kerja Raya ketika perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 1996. Seberapa yang boleh saya akan menjawab atau memberikan penjelasan kepada semua perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Tanjong telah membangkitkan mengenai kenaikan tol dan kemudahan perkhidmatan yang disediakan di Lebuhraya Utara-Selatan. Ahli Yang Berhormat mendakwa sekiranya kerajaan berhasrat menjayakan kempen inflasi sifar, maka kerajaan tidak harus membenarkan monopoli syarikat swasta untuk menaikkan kadar tol sebelum syarikat berjaya memberikan perkhidmatan dan produktiviti serta memenuhi obligasi asas mereka terhadap pengguna seperti meningkatkan perkhidmatan kemudahan, penjagaan, penyelenggaraan dan menaikkan taraf lebuh raya bertujuan mengatasi masalah kesesakan yang berlaku dan mengurangkan keadaan bahaya di bahagian-bahagian tertentu di lebuh raya.

Tuan Yang di-Pertua, konsep inflasi sifar sifatnya adalah menyeluruh dan merangkumi segala aspek daripada tabiat berbelanja masyarakat Malaysia sehingga kepada dasar-dasar korporat yang datang daripada pihak swasta.

Tuan Yang di-Pertua, perlu saya tegaskan di sini bahawa kenaikan kadar tol jika disetujui oleh kerajaan akan didasarkan kepada beberapa faktor iaitu tanggungan kewangan iaitu kos operasi, kos penyelenggaraan, bayaran balik pinjaman termasuk faedah, kos membaik pulih, menaik taraf lebuh raya dan kerja-kerja pembinaan lebuh raya beroperasi, jumlah trafik, pulangan kepada pelaburan dan beban kepada pengguna. Oleh itu, walaupun kadar tarikh kenaikan tol telah ditetapkan dalam perjanjian konsesi akan tetapi kadar tarikh

kenaikan tol adalah tertakluk kepada kelulusan kerajaan dengan mengambil kira faktor-faktor yang telah saya nyatakan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, bayaran tol adalah wajar kerana ianya dikenakan kepada pengguna-pengguna lebuhraya sahaja; jalan raya tidak bertol sedia ada sebagai alternatif kepada pengguna. Golongan berpendapatan rendah tidak akan terjejas kerana kadar tol yang akan dinaikkan untuk kelas kenderaan seperti bas dan teksi adalah separuh dari kadar biasa. Manakala motorsikal pula tidak dikenakan tol.

Tuan Yang di-Pertua, dakwaan Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka yang menyatakan bahawa tambahan kenderaan yang menggunakan lebuhraya dapat menjamin keuntungan yang meningkat kepada syarikat konsesi tidak begitu tepat. Sebenarnya, aliran wang tunai atau cashflow syarikat konsesi iaitu PLUS Berhad bagi tahun 1994/1995 mengalami defisit disebabkan syarikat konsesi perlu mengeluarkan perbelanjaan yang besar bagi menampung pelbagai kos seperti yang telah saya sebutkan tadi, terutama kos untuk membayar balik pinjaman termasuk faedah kepada pihak peminjam. Sebanyak 69% hasil kutipan tol hanya digunakan untuk menampung bayaran balik pinjaman ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa memadailah penjelasan saya mengenai isu kenaikan tol di Lebuhraya Utara-Selatan. Sekarang saya akan menjelaskan...

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya telah mengikuti penjelasan atau jawapan Yang Berhormat Menteri di luar. Semasa dalam masa soal jawab, saya ada tanya mengenai apa yang diramalkan sebagai forecast anggaran mengenai kutipan pada masa perjanjian Lebuhraya Utara-Selatan dimeterai, dan sekarang yang pertama forecast mengenai kutipan, forecast mengenai traffic volume dan apakah perbandingannya masa itu dan sekarang?

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, saya telah janji kepada Yang Berhormat pada hari itu. Saya belum dapat jawapan dari Kementerian. Hari Isnin saya akan dapat jawapan, saya akan beri kepada Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat telah membangkitkan beberapa perkara iaitu Ahli Yang Berhormat dari Kemaman ingin tahu sama ada pembinaan lebuh raya Pantai Timur akan dibuat serentak antara Karak-Kuantan dan Kuantan-Kuala Trengganu. Adakah kerajaan bercadang untuk menyambung lebuh raya ini hingga ke Besut pada masa akan datang?

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan memang berhasrat untuk membina sebatang lebuh raya Pantai Timur yang serupa dengan Lebuhraya Utara-Selatan. Lebuh raya ini yang akan dilaksanakan secara pengswastaan akan dibina secara berperingkat-peringkat. Pada masa ini, kerajaan sedang menimbangankan pembinaan lebuh raya ini setakat Karak-Kuantan-Kuala Trengganu. Peringkat-peringkat lain termasuk menyambungkannya hingga ke negeri Kelantan akan dipertimbangkan kemudian.

Tuan Yang di Pertua, kerajaan memang sedar mengenai jalan-jalan di kawasan bandar Pulau Pinang yang sempit dan tidak mampu menampung pertambahan lalu-lintas seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Bayan Baru. Untuk mengatasi masalah ini, cadangan untuk pembinaan jalan lingkaran luar Pulau Pinang telah dimasukkan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh. Pembinaan jalan ini dijangka dapat mengurangkan kesesakan terutama di Bandaraya Georgetown.

Tuan Yang di-Pertua, pembangunan lebuh raya/jalan raya, termasuk jambatan di negeri-negeri Sarawak dan Sabah telah dibangkitkan oleh beberapa orang Ahli Yang terhormat dari kedua-dua negeri tersebut. Walau bagaimanapun, saya akan membataskan penjelasan saya mengenai projek-projek di bawah bidang kuasa, kawal selia Kerajaan

Persekutuan sahaja. Ahli Yang Berhormat dari Sibu dan Lanang telah meminta kerajaan menyegerakan pembinaan jambatan menyeberangi Sungai Rajang. Ahli Yang Berhormat Sibu juga meminta kerajaan untuk mempertimbangkan pembinaan jambatan menyeberangi Sungai Assan dan Sungai Igan.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang telah dijelaskan pada sesi persidangan yang lepas iaitu ketika perbahasan Menjunjung Kasih ke atas Titah Ucapan DiRaja, kerja-kerja reka bentuk terperinci dan menyediakan dokumen tender jambatan yang sesuai sedang dijalankan dan dijangka siap pada penghujung tahun 1996. Cadangan pembinaan jambatan ini telah dimasukkan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh dengan anggaran kos sebanyak RM125 juta. Jika kerajaan meluluskan pembinaan jambatan ini dan kerja-kerja pembinaan dapat dimulakan awal tahun 1997 ianya dijangka dapat disiapkan pada tahun 1999. Untuk makluman, pada masa ini kerajaan belum mempunyai rancangan untuk membina jambatan menyeberangi Sungai Assan dan Sungai Igan..

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat dari Baram dan Bukit Mas ingin tahu mengenai pelaksanaan projek Lebuhraya Pan Borneo terutama kerja-kerja menurap jalan dari Miri/Bintulu ke jambatan Lapuk Tinjar dan kerja-kerja pembinaan dari Miri, Beluru, Long Lama ke Limbang dan Lawas.

Tuan Yang di-Pertua, kerja-kerja menaik taraf dan menurap Jalan Beluru iaitu dari Simpang Jalan Bintulu ke Beluru sepanjang 19 km telah dimasukkan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh dengan anggaran kos lebih RM30 juta. Peruntukan sebanyak RM73 juta juga telah dipohon dalam Rancangan Malaysia Ketujuh untuk membina bahagian-bahagian jalan yang telah dinyatakan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai permintaan Ahli Yang Berhormat Bukit Mas untuk menurap atau menaik taraf jalan raya dari bandar Limbang hingga ke Panduruan dan Temburung dan daripada Mengkalab sampai ke Pulau Terusan, ianya tidak dapat ditimbang pada masa ini kerana jalan-jalan tersebut dianggap tidak mempunyai keutamaan yang tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Keningau telah melahirkan rasa kesalnya mengenai jalan raya Beaufort-Menumbok yang sehingga kini masih belum diturap sedangkan jalan berkenaan adalah di bawah kawal selia Kerajaan Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek menaikkan taraf jalan raya Beaufort-Menumbok termasuk dalam senarai Rancangan Malaysia Keenam. Rekabentuk jalan ini telah pun siap. Mengikut perancangan, tender dijangka akan dipanggil selewat-lewatnya pada penghujung tahun ini dan kerja-kerja pembinaan dijangka dapat dimulakan pada tahun hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan memang sedar mengenai jalan raya antara Sandakan dan Kota Kinabalu yang tidak begitu selamat digunakan kerana banyak terdapat kejadian tanah runtuh. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Sandakan, tender untuk memperbaiki 6 buah cerun yang dikenal pasti sebagai merbahaya telah dikeluarkan pada bulan Ogos 1995. Projek untuk membaiki cerun-cerun ini dicadang untuk dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh dengan anggaran kos sebanyak RM22 juta.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Yan telah mempersoalkan logiknya pendaftaran lulusan Arkitek dengan badan-badan profesional harus melalui Pertubuhan Arkitek Malaysia bukannya dengan Lembaga Arkitek Malaysia yang dikawal selia oleh Kerajaan. Beliau mendakwa peraturan ini telah menyebabkan kesukaran untuk mendaftar dengan Badan Profesional Arkitek disebabkan syarat-syarat yang ketat yang dikenakan oleh

Pertubuhan Arkitek Malaysia. Beliau meminta supaya Lembaga Arkitek Malaysia mengambil alih soal pendaftaran ini.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kuasa untuk mendaftar para Arkitek adalah di bawah bidang kuasa Lembaga Arkitek Malaysia seperti yang diperuntukkan di bawah Akta Arkitek 1967. Oleh itu, kenyataan bahawa kuasa untuk memberi lesen sebagai seorang Arkitek diputuskan oleh Pertubuhan Arkitek Malaysia adalah tidak benar sama sekali.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat selanjutnya, pendaftaran sebagai seorang Arkitek bermula apabila seorang penuntut yang memperolehi kelulusan dalam bidang senibina yang diiktiraf oleh Lembaga Arkitek Malaysia sama ada dari dalam atau luar negeri diterima oleh Lembaga untuk didaftarkan sebagai seorang siswazah Arkitek di bawah peruntukan Akta Arkitek 1967.

Tuan Yang di-Pertua, selepas itu seorang siswazah Arkitek yang berdaftar dikehendaki supaya memperolehi pengalaman praktikal yang mencukupi untuk didaftarkan pula sebagai Arkitek. Proses menentukan pengalaman praktikal yang mencukupi ini dilaksanakan melalui satu peperiksaan yang disebut sebagai Peperiksaan Profesional Bahagian III di mana seorang siswazah Arkitek itu mengambilnya selepas menamatkan tempoh pengalaman kerja di bawah pengawasan seorang Arkitek berdaftar untuk satu tempoh yang pada masa ini ditetapkan oleh Lembaga selama 2 tahun. Bagi mengendalikan peperiksaan tersebut, Lembaga telah mendapatkan kerjasama dan bantuan daripada Pertubuhan Arkitek Malaysia yang mana juga menjalankan peperiksaan bagi tujuan penerimaan sebagai ahli-ahli pertubuhan tersebut. Ini bermakna pendaftaran sebagai Arkitek bagi tujuan menjalankan praktis sama ada secara perseorangan atau perkongsian atau menubuhkan perbadanan atau korporat hanya boleh

dilakukan setelah seorang itu lulus peperiksaan Profesional Bahagian III dan berdaftar sebagai Arkitek dengan Lembaga.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, amalan seperti di atas juga dilaksanakan di negara-negara lain bahkan ada juga di mana tempoh pengalaman praktikal yang disyaratkan lebih lama dan peperiksaan profesional yang dijalankan melibatkan aspek-aspek yang lebih luas selepas seseorang itu tamat pengajiannya di universiti. Di samping itu, syarat tersebut merupakan satu amalan biasa dalam pendaftaran para profesional dalam bidang-bidang yang lain juga.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil peluang ini untuk memohon kerjasama Ahli-ahli Yang Berhormat supaya dapat menasihati sesiapa juga yang mempunyai keraguan mengenai perkara ini supaya menghubungi Lembaga Arkitek Malaysia jika penjelasan yang lebih lanjut diperlukan.

Demikianlah sahaja penjelasan saya mengenai perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya rasa saya telah menjawab kesemua perkara yang telah dibangkitkan.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya mengambil kesempatan ini mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan perkara-perkara yang menyentuh bidang tugas kementerian saya. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri Tenaga, Telekom dan Pos.

**5.57 ptg.**

**Menteri Tenaga, Telekom dan Pos [Datuk Leo Moggie anak Irok]:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya suka merakamkan ucapan setinggi-tinggi terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah berucap dan membahaskan beberapa perkara berhubung dengan bidang tugas Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos.

Yang Berhormat dari Marang telah menyentuh tentang penswastaaan industri elektrik dan telekomunikasi. Yang Berhormat dari Ledang telah membangkitkan isu tentang pembekalan elektrik pada kilang-kilang haram. Yang Berhormat dari Seremban pula telah menyebut tentang kadar bayaran panggilan telefon antarabangsa. Yang Berhormat dari Sibu telah menyentuh tentang masalah pemasangan telefon di Sarawak, sementara Yang Berhormat dari Petaling Jaya Utara pula telah membangkitkan isu mengenai pembinaan pencawang elektrik 275kv/132kv di tempat itu.

Sesetengah daripada isu-isu yang dibangkitkan itu telah pun diambil tindakan sewajarnya oleh Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos. Meskipun demikian, segala pandangan dan teguran dari Ahli-ahli Yang Berhormat akan diberi perhatian dan tindakan selanjutnya oleh Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos.

Tuan Yang di-Pertua, bagi perbahasan kali ini saya bercadang menyentuh keseluruhannya pada projek Bakun yang telah dipersoalkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanjong. Ahli Yang Berhormat dari Tanjong masih tidak mahu menerima hakikat bahawa kerajaan tidak pernah membuat keputusan supaya projek Bakun discrapkan. Ingin sekali lagi saya menekankan bahawa Kerajaan Barisan Nasional ialah kerajaan yang bermaruah. Ianya tidak menguruskan pentadbiran negara melalui ulasan berita dari surat khabar. Kabinet telah menyemak rekod mesyuaratnya dan mendapati tidak pernah membuat keputusan untuk membatalkan atau scrap projek Bakun ini.

**Tuan Lim Kit Siang:** Penjelasan. Saya mengikuti pengumuman-pengumuman yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan masa itu Menteri Tenaga, Telekom dan Pos ialah Yang Berhormat dari Sungai Siput yang ada buat pengumuman pada bulan Mei 1990 bahawa kerajaan sudah buat keputusan untuk scrap Bakun. Pada bulan Jun 1990 di mana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam satu international conference dengan

jelas saya percaya Yang Berhormat kalau ada semak balik pun ada dapat berita itu, headline bahawa kerajaan sudah scrap projek Bakun oleh kerana sebagai satu sumbangan terhadap environmental contribution.

Dan selepas itu, Yang Berhormat Menteri Tenaga, Telekom dan Pos kata, oleh kerana projek Bakun sudah di“scrapped”kan bahawa alternatif untuk keperluan-keperluan kuasa sudah ditimbang ialah Murun dan dam-dam yang lain di Rejang dan ada pengumuman-pengumuman pun dalam beberapa bulan selepas itu mengenai feasibility study Murun dan lain-lain dan saya percaya Yang Berhormat Menteri pun ada dapat keratan-keratan di mana di dalam tahun 1991 di mana Dato’ Seri S. Samy Vellu masa itu Menteri ada dengan jelasnya dia berkata, bahawa projek Bakun yang sudah discrappedkan tidak akan dihidupkan semula, tidak akan direvivekan. Kalau Yang Berhormat Menteri mahukan extract itu, saya boleh berikan dan ini adalah latar belakang, saya bukan menciptakan ini oleh saya tetapi inilah gambaran yang diberikan sejelas-jelasnya dan Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sarawak pun berkata, selepas itu discrappedkan bahawa Kerajaan Negeri Sarawak tidak menerima keputusan Kabinet untuk scrappedkan tetapi akan sedaya upaya untuk menghidupkan semula projek itu, bolehkah kita dapat penjelasan?

**Datuk Leo Moggie anak Irok:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Tanjong yang membangkitkan perkara ini kerana ianya memberi peluang kepada saya untuk memberikan penjelasan yang lebih lanjut.

Saya pun sedar dan saya ada memberi keratan dari newspaper cutting yang ada melaporkan dalam tahun 1990 apa yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu [*sambil menunjukkan keratan akhbar*]. Tetapi sebenarnya, saya tidak tahu adakah catatan akhbar ini betul menggambarkan apa yang disebutkan waktu itu atau tidak. Soalan yang ditimbul masa

itu, ada orang mengatakan pembangunan Bakun akan menenggelami tempat tidak kurang dari 700,000 hektar tanah. Dan sekiranya benar projek Bakun akan menenggelami kira-kira 700,000 hektar kawasan akan ditenggelami air, kerajaan masa itu berpendapat ianya haruslah discrap, tetapi setelah membuat penelitian angka yang sebenar ialah cuma 69,500 hektar sahaja yang terlibat. Hakikat itu, kerajaan berpendapat kita tidak membuat keputusan untuk discrap Bakun. Apa yang dicatat dalam surat khabar masa itu, itu bukan persoalan yang saya hendak terangkan, apa yang saya terangkan ini ialah kedudukan yang sebenar dari catatan-catatan yang kita dapati.

**Tuan Lim Kit Siang:** Minta penjelasan, bolehkah saya tahu mengenai kredibiliti, kewibawaan, kejujuran satu kerajaan mengenai satu perkara, kalau benar ada discrapkan selepas itu dihidup semula dan tidak diakuikan, itu mustahak saya rasa perlu kita dapat gambaran yang sejelas-jelasnya. Bila kerajaan dapat gambaran bahawa 700,000 hektar terlibat dan bila didapati sebenarnya 69,500 hektar sahaja, apa tarikh dan kenapa ada pengumuman-pengumuman yang dibuat oleh predecessor beliau mengenai scrap ada alternatif, feasibility studies tentu tidak akan direvivekan?

**Datuk Leo Moggie anak Irok:** Tuan Yang di-Pertua, soalan yang kita hadapi sekarang ialah di waktu itu ada orang mengatakan bahawa pembangunan Bakun akan menenggelami tempat-tempat yang berkeluasan 700,000 hektar tanah dan kerajaan pun masa itu mungkin di waktu itu dipersoalkan oleh akhbar-akhbar masa itu sekiranya benar 700,000 hektar tanah akan ditenggelami air, sudah tentu kerajaan akan memutuskan scrap Bakun, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, the position is if it is true 700,000 hectares of land were to be buried underwater, the Government will scrap Bakun project but as only 69,500 hectares areas and only inundated by water, the Government then did not decide to scrap Bakun. That

is the factual position. I do not think Yang Berhormat needs to ask for a clarification than that .

Satu perkara lagi, ...

**Tuan Lim Kit Siang:** Penjelasan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Hendak beri jalan atau tidak?

**Datuk Leo Moggie anak Irok:** Tuan Yang di-Pertua, kalau persoalan itu, saya sudah memberi penjelasan yang cukup. Kalau Ahli Yang Berhormat hendak minta penjelasan dalam soalan lain nanti, kita boleh timbangkan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Okay, tetapi ini tidak jelas.

**Datuk Leo Moggie anak Irok:** Bagi kita sudah jelas, bagi Ahli Yang Berhormat, yang sengaja tidak mahu menerima penjelasan yang jelas, itu terpulang kepada Ahli Yang Berhormat sendiri. *[Tepuk]*

**Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, ada yang bangun di belakang, Yang Berhormat.

**Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir]:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin hendak minta penjelasan sedikit dari Ahli Yang Berhormat. Adakah Ahli Yang Berhormat bercadang supaya kontroversi mengenai Bakun ini dihentikan iaitu menjemput Ketua Pembangkang melawat kawasan yang akan ditenggelami oleh air dari udara dengan helikopter?

Sebab pada masa dahulu, saya sendiri pun agak bimbang juga mengenai Bakun, sehingga saya sendiri pergi naik helikopter dan menjelajah di kawasan itu dari udara dan didapati kawasan yang akan ditenggelami ini adalah kawasan berbukit-bukau dan kebanyakan dicovered oleh secondary forest dan itu sahajalah, lebih kurang 70,000 hektar, itu sahaja yang akan ditenggelami, terang boleh dilihat dari udara. Jadi, saya penuh yakin kalau Ahli Yang

Berhormat itu dijemput dan melihat kawasan dari udara, maka insya-Allah kontroversi ini boleh dimatikan.

**Datuk Leo Moggie anak Irok:** Tuan Yang di-Pertua, itu terpulanglah kepada Ahli Yang Berhormat dari Tanjong itu sendiri.

Satu perkara lagi yang tidak jemu dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanjong ialah berhubung dengan pengumuman mengenai semua hasil kajian projek empangan Bakun di mana yang munasabah kerajaan telah pun mengeluarkan untuk pengetahuan umum hasil kajian seperti hasil kajian detail EIA for reservoir preparation, serta enam appendix-appendixnya telah disediakan untuk semakan umum di tempat-tempat berikut mulai Jun 1995:-

- (i) Natural Resources and Environment Board Office, dengan izin;
- (ii) Pejabat Daerah Belaga;
- (iii) Pejabat Residen Kapit;
- (iv) Jabatan Alam Sekitar, Kuala Lumpur;
- (v) Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar di Kuala Lumpur.

Pada masa ini sejumlah 67 naskah laporan ini telah dijual kepada umum dan 13 naskah lagi telah dibekalkan kepada agensi-agensi kerajaan yang terlibat. Seramai 187 orang telah datang meneliti laporan ini, iaitu 55 jabatan di sekitar Kuala Lumpur, 24 di Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, 57 di Kuching, 29 di Belaga dan 22 di Kapit.

Dari angka-angka di atas adalah jelas dakwaan Ahli Yang Berhormat bahawa kerajaan merahsiakan maklumat mengenai Bakun adalah tidak tepat. Laporan penting mengenai 'detailed EIA for reservoir preparation' telah dapat disebarkan dengan meluas untuk pengetahuan umum. Dari angka di atas, sungguhpun peluang telah diberi untuk masyarakat

umum meneliti laporan tersebut, tetapi sebahagian kecil sahaja yang telah tampil ke hadapan menelitinya.

Sementara itu sukacita saya memaklumkan bahawa kerajaan bercadang mengeluarkan sebuah risalah yang akan memberikan penjelasan yang lengkap mengenai evolusi projek Hidroelektrik Bakun semenjak tahun 1980-an, kemungkinan teknikal dan daya maju projek, serta aspek-aspek sosio-ekonomi dan alam sekitar.

Dokumen ini sedang dalam persediaan dan sebaik sahaja dokumen ini selesai dan dicetak, ianya juga akan diumumkan.

**Tuan Lim Kit Siang:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Penjelasan, Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang:** Masalah soalan bukanlah EIA report, soalan ialah sama ada kajian-kajian mengenai cadangan Bakun yang ada di“commission” sama ada oleh Kerajaan Persekutuan atau kerajaan negeri, bukankah benar bahawa dalam dialog antara Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri selaku Pengerusi Cabinet Committee Bakun, ada berjanji, ada memberi satu jaminan yang solemn bahawa kerajaan akan mengumumkan segala laporan-laporan kajian yang dibuat mengenai Bakun sebelum EIA report dan jaminan itu ialah bahawa laporan kajian-kajian tersebut kalau tidak silap sekurang-kurangnya 16 kajian-kajian akan dibuat atau akan diumumkan dalam satu bulan ialah bulan Ogos tetapi sekarang bulan November dan tiga bulan sudah lepas. Bolehkah Yang Berhormat Menteri menerangkan kenapa kerajaan masih enggan memenuhi, mengkotakan janji-janji yang sebegitu solemn yang telah dibuat oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri kepada NGO-NGO?

**Datuk Leo Moggie anak Irok:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya tidak sedar bahawa Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah membuat janji yang sedemikian. Pada hakikatnya, tidak ada kerajaan di dunia ini yang menyerahkan semua laporan yang diperlukannya untuk mentadbirkan negara masing-masing. Begitu juga kalau

sesuatu syarikat menguruskan perniagaannya, tidak semesti semua report yang diperlukan oleh pihak pentadbiran atau management syarikat itu dikemukakan dalam mesyuarat general meeting syarikat, terpulang kepada kebijaksanaan mereka yang diberi tanggungjawab bertugas untuk menguruskan perkara itu. Sudah tentulah kalau Yang Berhormat dari Tanjong memerlukan cara untuk mendapatkan maklumat-maklumat tersebut, baiklah mereka dan DAP dapat bertanding dan menang untuk mentadbir negara ini. Itu tanggungjawab bagi parti kita sendiri. Saya fikir soalan ini tidak payah diperpanjangkan lagi.

**Tuan Lim Kit Siang:** Ini bukan masalah DAP bertanding untuk menang atau tidak, itu bukan masalah. Masalahnya ialah sangat hairan Yang Berhormat Menteri Tenaga, Telekom dan Pos tidak tahu bahawa Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri ada memberi jaminan untuk mengumumkan laporan-laporan kajian-kajian yang dibuat. Saya sendiri bertanya Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan ia mengakui dia ada buat perjanjian itu. Kenapa Yang Berhormat Menteri Tenaga, Telekom dan Pos sekarang cuba untuk renege dalam isu ini. Ini bukan strict secret, ini ialah mengenai feasibilities study mengenai Bakun, oleh kerana kalau pengumuman laporan kajian-kajian tersebut boleh menunjukkan proses evolusi, Yang Berhormat Menteri kata evolusi cadangan Bakun 80-an, 90-an oleh kerana mahu menunjukkan latar belakang geographical, geological dan social-economic yang berbeza.

**Datuk Leo Moggie anak Irok:** Tuan Yang di-Pertua, saya fikir tidak payah saya hendak menjawab dan mempersoalkan perkara ini dengan panjang lebar dengan Yang Berhormat dari Tanjong. Apa yang tegas bagi kita ialah kerajaan ini bertanggungjawab untuk menentukan sebelum kita meneruskan projek ini kita berpuas hati ianya mempunyai manfaat yang baik bagi negara kita ini dan kerajaan telah pun berpendapat ianya mempunyai manfaat yang amat baik bagi negara kita ini. Justeru itu, untuk meyakinkan kepada orang ramai kita

juga bersedia untuk menerbitkan satu risalah yang akan mengumpul conclusions dari semua kajian-kajian yang telah dijalankan dalam beberapa tahun ini. Apabila risalah ini siap dicetak kelak ianya boleh didapati oleh orang awam.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Tanjong juga membangkitkan kononnya terdapat perbezaan yang jauh di antara angka yang saya guna dan angka Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sarawak mengenai permintaan puncak elektrik negara bagi tahun 2000 dan tahun-tahun selepasnya. Sesungguhnya sesuatu angka itu pasti tidak boleh 100% tepat. Ketetapan sesuatu angka itu semestinya berpandukan kepada andaian yang dibuat oleh seseorang itu. Saya suka menerangkan bahawa pada tahun 1995 permintaan puncak elektrik di Semenanjung Malaysia ialah 6,381 megawatt dan 267 megawatt bagi negeri Sarawak. Permintaan puncak elektrik dijangka akan meningkat pada kadar 10.7% setahun bagi tempoh 1995 hingga ke tahun 2000 dan pada kadar 9.2% bagi tempoh 2000 ke 2010 di Semenanjung. Bagi Sarawak, kadar pertumbuhan adalah 17.1% dan 9.1% bagi tempoh yang sama. Berdasarkan kepada kadar pertumbuhan di atas, permintaan puncak elektrik bagi Semenanjung Malaysia dijangka meningkat kepada 10,448 megawatt bagi tahun 2000 dan 16,389 megawatt bagi tahun 2005. Bagi memenuhi reserve margin yang diperlukan iaitu sebanyak 35% (30% reserve margin) Semenanjung Malaysia perlu mempunyai bekalan elektrik sebanyak 14,100 megawatt pada tahun 2000 dan 22,125 megawatt pada tahun 2005.

Angka yang disebutkan oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sarawak untuk tahun 2000, iaitu 15,550 megawatt untuk negara melibatkan Sarawak dan Sabah manakala angka 10,448 megawatt yang saya gunakan itu tidak termasuk reserve margin yang diperlukan. Jika keperluan Sabah juga dimasukkan, jumlah angka menghampiri 15,500 megawatt yang disebutkan itu. Ini jelas menunjukkan bahawa ramalan angka yang digunakan

oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sarawak dan saya tidaklah sebegitu berlainan.

Bagi tahun 2020 pula kerajaan masih belum menentukan keperluan untuk sejauh itu.

Tuan Yang di-Pertua.....

**Tuan Lim Kit Siang:** Penjelasan.

**Datuk Leo Moggie anak Irok:** Apa yang hendak dijelaskan lagi, ini sudah jelas.

**Tuan Lim Kit Siang:** Sungguhpun kita dapat angka-angka yang diberi oleh Yang Berhormat Menteri, bukannya benar bahawa apa yang Sarawak hendak dan mahu dari Bakun ialah baru 100 megawatt, sungguhpun Yang Berhormat Menteri dalam Dewan ini pernah kata bahawa 800 megawatt, dan ada Menteri yang kata separuh untuk Sarawak dan separuh untuk Semenanjung, tetapi sebenarnya apa yang Sarawak mahu, seperti yang diumumkan oleh pegawai-pegawai SESCO dalam satu conference yang dirasmikan oleh Yang Berhormat Menteri baru-baru ini ialah mereka berkehendakkan 100 megawatt sahaja yang menimbulkan masalah sama ada sebenarnya Bakun Dam begitu perlu?

**Datuk Leo Moggie anak Irok:** Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya sebut pada awal-awal tadi, saya bergantung kepada angka yang tepat yang telah diterangkan oleh saya dalam Dewan ini. Perbezaan saya dengan Yang Berhormat dari Tanjong ialah Yang Berhormat dari Tanjong itu berpandukan kepada apa yang dicatatkan dalam akhbar-akhbar. Saya tidak mahu menjamin apakah catatan itu tepat atau tidak, itu terpulang kepada akhbar sendiri untuk menjelaskannya. Yang penting ialah pembangunan projek Bakun ini memerlukan penyaluran kuasa elektrik ke Semenanjung dan kebanyakan kuasa elektrik akan disalurkan ke Semenanjung dan bakinya diguna di negeri Sarawak sendiri. Soalan, yang timbul, sama ada di jual ke negara-negara lain, itu soalan yang ditanyakan oleh Yang Berhormat. Saya telah beberapa kali menerangkan, menjelaskan dan menekankan lagi sekarang ini bahawa projek Bakun, hasilnya tidak akan dijual ke negara lain kerana semua

yang dijana di kawasan itu diperlukan dalam negara kita sendiri. Jadi, soalan itu tidaklah perlu dibangkit-bangkitkan lagi.

Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun saya juga telah menjawab dengan panjang lebar isu mengenai Bakun dan gegaran gempa bumi, sekali lagi perkara ini dibangkitkan juga oleh Yang Berhormat dari Tanjong. Saya telah menerangkan bahawa projek hidro elektrik Bakun adalah terletak di kawasan yang stabil, jauh daripada kawasan yang aktif dari segi aktiviti seismik dan dalam tempoh 100 tahun kebelakangan ini hanya 12 gegaran kecil pernah dikesan di kawasan empangan tersebut.

Ahli Yang Berhormat dari Tanjong mempertikaikan perbezaan angka, dengan izin, 6 on richter scale, yang disebutkan oleh saya dan 6.4 oleh Pengurus Bakun Management Sdn. Bhd. Nampaknya Ahli Yang Berhormat dari Tanjong masih tidak dapat membezakan, dengan izin, the trees from the forests dan soalan pokok yang lebih penting ialah keselamatan (safety) empangan Bakun itu sendiri yang telah dianalisa dan dibentang secara profesional dari aspek 'design' menggunakan rekabentuk, dengan izin, "concrete face rockfill dam yang menggunakan beberapa lapis konkrit dan tanah bagi menjamin keselamatan dam itu.

Saya telah membawakan contoh Empangan Cogoti di Chile, Empangan Agumilpa di Mexico, Empangan Sogomoso di Columbia dan Cirate di Indonesia. Semua empangan ini adalah berasaskan rekabentuk "Concrete Face Rockfill Dam" dan terletak di kawasan aktiviti seismik yang lebih tinggi daripada kawasan Bakun.-

Empangan Cogoti umpamanya terdaya menahan gegaran sekuat 8.3 mengikut skala Richter tanpa menyebabkan kerosakan yang besar. Ini menunjukkan reka bentuk jenis CFRD adalah kukuh, kuat dan selamat.

Suka juga saya menyentuh mengenai isu Reservoir Induced Seismicity, dengan izin, atau gerakan bumi yang boleh disebabkan oleh empangan itu sendiri yang juga dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari Tanjong. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, perkara ini memanglah merupakan aspek keselamatan yang juga diberi perhatian oleh

konsultansi Kajian Bakun. Mengikuti kajian, Reservoir Triggered Earthquake memerlukan, dengan izin, the existence of an active fault along which tectonic forces can be relieved.

Kriteria yang boleh mengakibatkan seismic movement dan earthquake tidak terdapat di kawasan Bakun. Data-data yang ada menunjukkan bahawa Reservoir Induced Seismicity Events atau keadaan berlakunya gempa bumi yang diakibatkan oleh saiz empangan adalah jauh lebih rendah daripada gempa bumi semulajadi atau naturally occurring earthquakes.

Di kawasan Empangan Bakun, dengan izin Tuan Yang di-Pertua:-

- (i) “regional faults have not been detected in the reservoir area, and the local faults do not show significant displacements” - saya membaca laporan dari kajian-kajian;
- (ii) “local seismicity is very low to non-existing”;
- (iii) “the rock mass, formed by greywacke and shale/mudstone sequences, present low permeability”; dan
- (iv) “the ground water elevations are high at the project site and within the projected reservoir”.

Keempat-empat faktor di atas dengan jelas menangkis pandangan Ahli Yang Berhormat dari Tanjong mengenai soalan Reservoir Induced Seismicity. Ulasan Pakar Runding Harza adalah jelas, dengan keadaan seismic activity yang rendah serta ketiadaan regional fault, Empangan Bakun dengan sendirinya tidak mungkin boleh mengakibatkan gempa bumi.

**Tuan Lim Kit Siang:** *[Bangun]*

Di samping itu.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Penjelasan, Yang Berhormat.

**Datuk Leo Moggie anak Irok:** Boleh.... Kita layan betul-betul Yang Berhormat dari Tanjong.

**Tuan Lim Kit Siang:** Terima kasih. Oleh kerana ini demi kepentingan negara, bukan untuk Yang Berhormat Menteri atau untuk saya.

Saya berterima kasih oleh kerana keterangan mengenai Reservoir Induced Seismicity atau RIS. Adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa laporan EIA Interim Report berbeza dengan Laporan EIA Part I mengenai Reservoir Preparation khususnya mengenai RIS di mana EIA Interim Report lebih mirip dan ada buat recommendation bahawa perlu ada persediaan-persediaan mengenai Reservoir Induced Seismicity tetapi dalam EIA Report Part I nampaknya segi itu sudah diketepikan. Kenapa berlaku semacam ini?

**Datuk Leo Moggie anak Irok:** Tuan Yang di-Pertua, menurut kepakaran yang kita dapati, Reservoir Induced Earthquake kemungkinannya memang jauh rendah dari segi natural earthquake yang berlaku di tempat itu. Oleh sebab itu, kerana design Dam Bakun itu sendiri telah mengambil kira perkara ini, kita tidak nampak apakah soalan ini ditimbulkan begitu semula?

**Tuan Lim Kit Siang:** Itu bukan soalan saya. Soalan saya ialah sama ada, ada RIS (Reservoir Induced Seismicity), bukan sayalah untuk membuat satu judgement oleh kerana saya bukan geologist, Yang Berhormat Menteri pun bukan seorang geologist, kita pun tidak tahu apa berlaku RIS (Reservoir Induced Seismicity) di mana satu 'dam' boleh triggeroff satu gempa bumi.

Soalan saya ialah RIS ada mengesahkan bahawa 'dam' di dunia ini boleh triggeroff earthquake seperti Koyna di India, Si Fong Kiang Dam di Canton dan seperti beberapa 'dam' dan laporan-laporan kerajaan mengenai Bakun, briefing yang ditandatangani oleh Yang Berhormat Menteri masa itu sebagai Menteri Tenaga, Telekom dan Pos pada tahun 1986, satu

briefing yang sekarang dia mahu up-date, ada mengakui bahawa daripada 100 'dam' yang tinggi oleh kerana 'dam' yang tinggi lebih daripada 100 meter potential untuk trigger off earthquake sangat tinggi, bahawa 15% incidents RIS (Reservoir Induced Seismicity).

Maka, soalan saya ialah kenapa dalam EIA Interim Report yang dikemukakan oleh EKCRAN pada bulan Oktober tahun lalu, dalam masalah RIS ada emphasis yang sudah diubah apabila dibanding dengan EIA Report Part I mengenai Reservoir Preparation yang dikemukakan dan dibentang kepada kerajaan dikemukakan oleh EKCRAN pada bulan Mac yang menunjukkan nampaknya sama ada ada RIS atau tiada RIS, bukan dibuat dari segi geological aspect tetapi dari segi sama ada business atau other consideration, tidak ada bersangkutan paut dengan kepakaran teknologi yang kita berdua pun bukan authoritative.

**Datuk Leo Moggie anak Irok:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat itu bolehlah menyoal soalan ini kepada mereka yang menganjurkan Environmental Report itu sendiri, bukan kepada saya. Mereka yang membuat Environmental Report secara independent dan kita tidak pun mengambil kesempatan untuk berhubung dengan mereka dalam menyediakan Environmental Report itu. Bolehlah Yang Berhormat dari Tanjong menyoalkan perkara ini kepada konsultan yang terlibat.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat turut juga berlagak serta menunjukkan seperti tadi juga seolah-olah beliau memang berkemampuan dalam bidang kira-kira. Saya memang telah menyatakan dahulu bahawa gerakan maksimum aktiviti seismik di kawasan yang pernah dikesan menghasilkan, dengan izin, peak ground acceleration sebanyak 0.012 kali kecekapan graviti bumi dibanding dengan design criteria iaitu 0.1 kali kecekapan graviti bumi yang disarankan oleh Laporan EIA.

Kiraan sebenar kecekapan graviti bumi 0.1 adalah (saya telah meminta pegawai saya tadi sebelum ke sini dan dia kira) 8.3333 kali lebih tinggi daripada 0.012, bukan 8 atau 9 kali

sahaja. Kita bolehlah bersetuju, jika angka tersebut dibawa kepada decimal point terdekat, ianya boleh dikatakan 8 kali ganda dan bukan 9 kali ganda. Itu saya bersetuju dengan Ahli Yang Berhormat dari Tanjong.

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua, angka-angka yang disebut sama ada 9 atau 8 kali ganda atau 8.3333 kali ganda sesungguhnya tidaklah begitu mustahak dalam persoalan ini. Yang penting ialah keselamatan Empangan Bakun telah diambil kira, analisa serta diperuntukkan di dalam design criteria empangan yang berkenaan.

Sebagai kerajaan yang bertanggungjawab, kita tidak akan berkompromi atas aspek-aspek keselamatan dan telah menentukan peruntukan aspek safety dalam design criteria projek tersebut. Ini adalah lebih penting untuk menjamin bahawa Empangan Bakun kelak adalah kukuh dan kuat, serta boleh menerima atau absorb semua tahap gegaran yang pernah berlaku.

Ahli Yang Berhormat dari Tanjong juga telah mengutarakan bahawa kadar aliran....

**Tuan Lim Kit Siang:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, Tanjong minta jalan.

**Datuk Leo Moggie anak Irok:** Panjang sangat, orang lain pun menunggu!

**Tuan Lim Kit Siang:** *[Menyampuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Dia tak mahu beri, Yang Berhormat.

**Datuk Leo Moggie anak Irok:** Saya fikir sekarang saya teruskan. Nanti kalau di hujung jawapan saya, Yang Berhormat hendak tanyakan soalan lagi, saya beri.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahirudin]:** Ya.

**Datuk Leo Moggie anak Irok:** Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Tanjong .....

**Tuan Lim Kit Siang:** *[Menyampuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya Yang Berhormat, beri Yang Berhormat Menteri menjawab.

**Datuk Leo Moggie anak Irok:** .....juga telah mengutarakan bahawa kadar aliran di tapak Empangan Bakun telah berkurangan sebanyak 15.8% dalam tempoh 1981 - 1994 dan bahawa ini akan memberi kesan kepada output tenaga Projek Hidroelektrik Bakun dan seterusnya akan mempengaruhi feasibility dan viability project.

Dengan menggunakan angka-angka yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat sendiri, saya ingin memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa kadar aliran di tapak Empangan Bakun telah meningkat dari 1,440 meter padu sesaat pada tahun 1983 kepada 1,560 meter padu sesaat pada tahun 1991 atau suatu peningkatan sebanyak 8.3%.

Ahli Yang Berhormat dari Tanjong hanya berminat untuk menunjukkan kadar yang menurun sahaja dan mengetepikan tempoh masa di mana kadar aliran meningkat. Ini sekali lagi mempersoalkan apa sebenarnya motif Ahli Yang Berhormat dari Tanjong itu. Perkiraan keluaran average energy generation, dengan izin, sebanyak 16,785 gegawatt-hour dari Projek Bakun adalah betul dan ianya adalah berasaskan kepada aliran purata terkini sebanyak 1.314 meter padu sesaat.

Di samping itu, Ahli Yang Berhormat juga tidak pula dapat membezakan di antara installed capacity dan firm capacity. Installed capacity sebenarnya merujuk kepada keupayaan machinery yang digunakan untuk menjana tenaga elektrik, manakala firm capacity

ialah kemampuan sebenar penjanaan kuasa elektrik yang bergantung kepada kadar aliran air dan faktor-faktor yang lain.

Jelas bahawa Ahli Yang Berhormat dari Tanjong dan juga, dengan izin, consultantnya - konsultan bolehlah cakap, Yang Berhormat dari Tanjong ada berhubung dengan Dr. Wang Weilou dalam perkara ini dan nampaknya ada terkeliru sedikit.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah tertarik dengan Oxford Dictionary dan perkataan “Region” adalah merangkumi dengan izin, “a geographical area or division having definable boundaries or characteristics”, manakala “Spatial” merujuk kepada “Space” atau “Subject to condition of space of limitation by space”.

Oleh itu, ‘regional planning’ adalah membawa makna perancangan wilayah yang lebih luas, manakala ‘spatial planning’ diertikan sebagai perancangan ruang atau space atau sebuah kawasan atau locality. Kedua-duanya tidak membawa makna perancangan empangan hidroelektrik. Sungguhpun seseorang regional planner atau spatial planner boleh menganalisis data, hasil analisisnya tidak boleh dianggap setaraf dengan analisis seseorang pakar empangan hidro itu sendiri.

Saya difahamkan, Dr. Wang Weilou ini tidak pernah membuat penganalisan terhadap kajian kemungkinan feasibility mana-mana projek hidro, lebih-lebih lagi Projek Bakun. Soal beliau tidak dapat access kepada dokumen-dokumen Bakun tidak relevant. Yang penting, beliau bukan seorang pakar empangan hidro. Soal mengadakan conference mengenai Bakun, lebih-lebih lagi menjemput Dr. Wang Weilou tidak berbangkit. Kerajaan tidak mahu berurusan dengan seorang spatial planner yang menganggap dirinya expert dalam empangan hidro.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyentuh perkara penting mengenai sokongan rakyat, lebih-lebih lagi masyarakat tempatan terhadap projek Hidroelektrik Bakun ini. Ahli

Yang Berhormat dari Tanjong sekali lagi cuba memutarbelitkan isu ini dengan mempersendakan bahawa majoriti penduduk tempatan di Belaga dan kawasan Empangan Bakun tidak memberi sokongan penuh kepada projek ini, malah menentang pelaksanaannya.

Kenyataan Ahli Yang Berhormat dari Tanjong sungguh-sungguh tidak langsung menghormati pandangan rakyat tempatan itu sendiri. Ahli Yang Berhormat dari Tanjong nampaknya tidak faham perasaan penduduk-penduduk di kawasan Bakun. Misalnya, beliau menggunakan perkataan, dengan izin, “Orang Asli” bagi kaum-kaum Kenyah dan Kayan. Saya percaya, kaum-kaum Kenyah dan Kayan tidak suka diperkenalkan dengan perkataan “Orang Asli”.

Saya mengingatkan Ahli Yang Berhormat dari Tanjong agar dapat menghormati perasaan masyarakat tempatan seperti rakyat Pulau Pinang yang telah menerima baik Kerajaan Barisan Nasional dan oleh itu tidak perlu dibela lagi oleh Yang Berhormat dari Tanjong bagi menjaga kepentingan masa depan mereka. [*Tepuk*] Begitu juga rakyat luar bandar Sarawak, khususnya kaum-kaum yang menduduki kawasan Empangan Bakun sesungguhnya tidak memerlukan penglibatan Ahli dari Tanjong untuk membela nasib dan masa depan mereka.

Kaum Kenyah dan Kayan adalah menyokong projek ini. Ahli Yang Berhormat dari Hulu Rejang jelas menyatakan bahawa sebahagian besar, majoriti rakyat kawasan Empangan Bakun menyokong projek ini. Inilah contoh jelas bahawa Ahli Yang Berhormat dari Tanjong tidak langsung mahu menerima hakikat yang sebenar bahawa masyarakat tempatan tidak menentang projek ini.

Dari hujah-hujah yang telah saya bantangkan di atas, boleh dirumuskan bahawa Ahli Yang Berhormat dari Tanjong sering bertindak untuk kepentingan agenda-agendanya sendiri. Oleh itu, beliau sentiasa memilih sesuatu secara selective mengikut apa yang hendak

ditonjolkan oleh beliau. Sesungguhnya Ahli Yang Berhormat dari Tanjong secara deliberate mengetepikan penemuan-penemuan oleh pakar runding-pakar runding mengenai projek Bakun dan di sebaliknya, beliau sentiasa berpandukan kepada dengan izin, authority input kepada seseorang sahaja yang dipercayai oleh kerajaan tidak mempunyai pengalaman dalam aspek-aspek perancangan, pembangunan dan penyediaan reka bentuk empangan hidroelektrik.

Tuan Yang di-Pertua, sikap Ahli Yang Berhormat dari Tanjong juga jelas kita lihat tatkala beliau menjawab soalan dari Ahli Yang Berhormat dari Hulu Rejang yang menyatakan bahawa sebahagian besar atau majoriti rakyat Belaga menyokong Projek Bakun. Secara spontan Ahli Yang Berhormat dari Tanjong memusingkan fakta itu kepada 100% sokongan mengikut cita rasanya. Bila dicabar oleh Ahli Yang Berhormat dari Hulu Rejang, beliau dengan tidak segan silu dalam Dewan yang mulia ini menjawab, saya baca dari *Hansard*, apa yang dikatakan oleh beliau ialah “perlu ditwistlah”. Dia kata, “perlu ditwistlah”.

Tuan Yang di-Pertua, nampaknya, Ahli Yang Berhormat itu mempersoalkan perkara-perkara berkaitan dengan projek Bakun, bukanlah bertujuan mendapat maklumat yang jelas dan objektif, akan tetapi semata-mata mengambil peluang untuk “twistlah”. Apakah ini menunjukkan beliau boleh kita percayai?

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya Dewan ini dan rakyat di negara kita ini tidak akan membenarkan Ahli Yang Berhormat dari Tanjong memeralatkan sesuatu bagi tujuan agenda “twist-twistnya” [*Ketawa*] .

Dengan ucapan demikian, sekian, terima kasih.

**Tuan Lim Kit Siang:** [*Menyampuk*]

**Datuk Leo Moggie anak Irok:** Sudah habis. Saya sudah habis jawab.

**Tuan Lim Kit Siang:** Ada twist and twist sekarang. Tadi Yang Berhormat Menteri berjanji pada hujung jawapan akan melayani soalan saya. Is he a gentleman? *[Disampuk]*  
Kita tak ada twist-twist.

**Datuk Leo Moggie anak Irok:** Yang Berhormat boleh tanya soal.

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya tidak akan twist. Saya tidak mahu turunkan tahap untuk mempersoalkan agenda Yang Berhormat Menteri. Tak payahlah. Jangan menyoalkan agenda bahawa saya ada agenda oleh kerana saya tidak mahu menyoalkan agenda Yang Berhormat Menteri. Saya pun boleh berbuat begitu bahawa mungkin Yang Berhormat Menteri ada agenda sendiri dalam perkara ini kalau dia mahu buat begitu.

Saya tidak buat begitu tetapi saya berminat soalan-soalan mengenai isu-isu Bakun. Tadi, apabila saya sebut kenapa ada perbezaan focus dan emphasis antara Interim Report EIA yang dibuat oleh EKCRAN dan EIA Report Part 1 mengenai Reservoir Preparation, khususnya mengenai isu RIS iaitu Reservoir Induced System Electricity ialah bagaimana satu dam boleh trigger-off gempa bumi. Yang Berhormat Menteri mengatakan, tanyalah pakar-pakar perunding yang membuat EIA itu. Itu bukan masalah.

Itu bukan isu. Isu ialah sebagai sebuah kerajaan yang bertanggungjawab untuk buat keputusan yang muktamad dalam perkara, dalam isu Bakun, kerajaan perlu tahu segala aspek keselamatan Bakun Dam, khususnya mengenai RIS. Kenapa RIS dalam EIA Interim Report dan EIA Part One Report, ada fokus, ada accent yang berbeza? Sebab itu kita mahu tahu siapa earthquake expert kerajaan? Adakah kita tahu, adakah kerajaan sendiri ada pakar-pakar mengenai seismologi atau semua bergantung kepada pakar-pakar yang digunakan oleh EKCRAN? Ini legitimate question. Bukan untuk menyoalkan integriti sesiapa dan di sini

Yang Berhormat Menteri patut tahu bahawa bukan sahaja Dr. Hwang Wei Loong seorang yang ada memberi analisa-analisa, ada ramai pakar-pakar.

Antara mereka daripada International Rivers Network, ada pakar-pakar dari India, ada pakar-pakar dari Thailand dan janganlah kerajaan memandang rendah pandangan-pandangan yang legitimate dan jujur dan ikhlas dan bukan mahu sabotaj apa-apa program kerajaan tetapi oleh kerana kekhuatiran mereka, keraguan mereka mengenai keselamatan dalam jangka masa panjang daripada segi environmental, socio-economic, technical feasibility dan saya harap bahawa kita perlu mengadakan satu sikap yang lebih terbuka dalam perkara ini.

**Datuk Leo Moggie Anak Irok:** Panjang, banyak. Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya soalan ini pun kita sudah jelas. Berapa kali kita telah menerangkan bahawa kerajaan membuat keputusan untuk melaksanakan projek Bakun ini setelah menimbang beberapa laporan yang telah dibuat, kajian-kajian yang telah dibuat oleh beberapa pakar, konsultan yang tertentu. Saya memang mengakui saya sendiri bukan pakar dalam perkara ini. Apa yang saya sebutkan hasil dari kajian yang telah dibuat oleh pakar-pakar yang lain dan kita telah pun menerangkan beberapa kali, kerajaan melaksanakan projek ini bukan dari segi menerima apa yang dicadangkan oleh pihak EKTRAN. Kerajaan sendiri mempunyai pakar runding untuk membantu kerajaan menentukan apa yang boleh diterima, apa yang tidak boleh diterima. Ini tidak kena mengena dengan EKTRAN atau mana-mana syarikat. Secara independent consultant advising the government, Tuan Yang di-Pertua.

Selain dari itu, kerajaan juga akan mewujudkan satu Dam Safety Review Committee yang keahliannya terdiri dari mereka yang internationally reputable, knowledgeable, experienced and expert dalam segi empangan. Tindakan ini diambil untuk memberi jaminan bahawa kerajaan sentiasa peka menentukan keselamatan empangan ini termasuk mengambil kira persoalan Reservoir Induced seismicity atau natural earthquake prone areas atau tidak,

semua ini akan diambil kira. Jadi, kita tidaklah mahu mengangkat satu perkara dan menonjolkan itu sahaja, mengangkat satu perkara yang selari dengan apa yang kita hendak tonjolkan. Kita harus membuat penilaian pada keseluruhannya dan kerajaan berpuas hati kajian ini telah dibuat dan saya fikir kalau Yang Berhormat dari Tanjong tidak dapat diberi keyakinan bersabit dengan itu, saya sukalah hendak memberikan keyakinan yang lebih dari itu. Terima kasih.

**Tuan Lim Kit Siang:** Ya, yang itu Yang Berhormat sudah jawab satu perkara dalam ucapan saya ialah mengenai Bakun. Yang Berhormat Menteri ada kata dalam satu soalan bahawa EKCRAN akan kemukakan Biomass Removal Plan sebelum kerja dimulakan pada akhir bulan Oktober dan saya ada tanya dalam ucapan saya sama ada Biomass Removal Plan ada dikemukakan dan sama ada kerajaan akan mengumumkan plan itu oleh kerana Yang Berhormat Menteri kata ini akan dikaji. Apa keadaan mengenai perkara itu?

**Datuk Leo Moggie Anak Irok:** Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan beberapa hari yang lepas bahawa pihak EKCRAN telah pun mengemukakan Biomass Removal Plan kepada pihak natural resources and environmental negeri Sarawak. Ini sudah mereka lakukan.

**Tuan Lim Kit Siang:** *[Menyampuk]*

**Datuk Leo Moggie Anak Irok:** Ini kepada environmental question di Sarawak ialah tanggungjawab badan di negeri Sarawak itu dan bukan kita.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tetapi oleh kerana Yang Berhormat Menteri kata bahawa Kerajaan Persekutuan akan buat satu keputusan sama ada akan mengumumkan Biomass Removal Plan itu. Itu dalam jawapan Yang Berhormat Menteri kepada soalan saya. Mungkin Yang Berhormat Menteri sudah lupa.

**Datuk Leo Moggie Anak Irok:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak lupa perkara ini. Satu tanggungjawab yang kita ambil berat. Apabila masanya tiba nanti, kita akan memberi pertimbangan itu. Tetapi soalan itu belum timbul sekarang.

Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Itu sahaja jawapan saya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri.

**6.47 ptg.**

**Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Dr. Sak Cheng Lum]:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi teguran, cadangan, pandangan yang membina semasa membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan 1996 mengenai perkara-perkara yang menyentuh bidang kuasa Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri.

Izinkan saya memberi jawapan ke atas beberapa perkara dan isu penting yang telah dibangkitkan. Tuan Yang di-Pertua, mengenai perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Parit Sulong yang berhubung dengan sama ada insentif yang diberikan oleh kerajaan benar-benar membantu dan memastikan syarikat-syarikat gergasi dari luar memindahkan teknologi kepada rakyat tempatan, secara umumnya insentif yang ditawarkan oleh kerajaan adalah untuk menarik syarikat-syarikat asing melabur di negara ini.

Di samping pelaburan modal, syarikat-syarikat asing juga telah membawa bersama-sama teknologi bagi sesuatu projek atau barangan. Bagi sektor perkilangan, mekanisme pemindahan teknologi adalah melalui perjanjian-perjanjian pemindahan teknologi yang ditandatangani di antara syarikat-syarikat yang diperbadankan di Malaysia dengan pihak asing. Terdapat berbagai jenis perjanjian pemindahan teknologi seperti bantuan teknikal, paten, know-how, cap dagangan, usaha sama kejuruteraan dan turnkey.

Berdasarkan penilaian yang dibuat oleh kerajaan terhadap perjanjian-perjanjian yang telah dilaksanakan itu, didapati berlakunya pemindahan teknologi daripada syarikat luar negara kepada rakyat tempatan. Kerajaan sentiasa mengawal perkara ini dan pada masa yang sama melatih banyak lagi tenaga rakyat tempatan untuk menyerap teknologi yang dipindahkan.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan cadangan Ahli Yang Berhormat dari kawasan Sibru supaya membenarkan import terhadap simen dan besi, adalah dimaklumkan bahawa pada masa ini kerajaan telah membenarkan pengimportan simen ke negeri-negeri di Semenanjung Malaysia tanpa perlu mendapatkan lesen import terlebih dahulu daripada kerajaan. Walau bagaimanapun, pengimportan simen ke negeri-negeri Sabah dan Sarawak masih dikenakan kawalan perlesenan import tetapi diberi secara automatik.

Mengenai besi pula, semenjak tahun 1988 lagi lesen import telah dikenakan bagi pengimportan steel bars dan wire rod yang digunakan di dalam industri pembinaan. Ini adalah melindungi industri besi dan keluli negara. Walau bagaimanapun, kerajaan sedang menimbangkan untuk meliberalisasikan pengimportan barangan ini jika terdapat kekurangan berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan cadangan Ahli Yang Berhormat dari kawasan Sibru supaya kerajaan membenarkan pengimportan alat-alat aksesori kereta bagi mengatasi masalah kenaikan harga yang tinggi, ingin saya memaklumkan bahawa kerajaan tidak pernah menyekat pengimportan aksesori kereta. Namun begitu, adalah menjadi dasar kerajaan untuk menggalakkan pembangunan industri-industri komponen dan peralatan automotif tempatan termasuk alat-alat aksesori.

Pembangunan industri ini amatlah ketara dengan bertumbuhnya projek kereta nasional. Adalah dijangkakan dengan berkembangnya industri komponen tempatan, bekalan dan jenis pilihan peralatan kepada pemasang, pengilang kereta akan bertambah. Usaha ini juga akan membantu industri automatif tempatan daripada terlalu bergantung kepada komponen dan peralatan yang diimport dan harganya yang kerap kali berubah.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai perkara yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari kawasan Marang yang berkaitan dengan sama ada pelaburan kita di negara-negara asing memberi faedah kepada Malaysia. Kerajaan sememangnya mengamalkan satu dasar untuk menggalakkan pelabur-pelabur Malaysia melabur di luar negeri terutama dalam bidang-bidang yang Malaysia mempunyai kepakaran. Di antara faedah-faedah yang akan diperolehi daripada pelabur luar negeri ialah, ia akan mengatasi masalah menembusi pasaran dan menggunakan bahan mentah komponen dari Malaysia dan projek di luar negeri akan membekalkan input komponen kepada industri tempatan Malaysia, di samping memberi pengalaman kepada pelabur-pelabur Malaysia berniaga di luar negeri.

Tuan Yang di-Pertua, kemasukan pelabur-pelabur asing ke Malaysia sememangnya memberi sumbangan yang besar kepada pertumbuhan ekonomi negara yang sedang pesat berkembang. Antara faedah-faedah yang diperolehi daripada kemasukan pelabur-pelabur asing adalah dari segi penawaran peluang-peluang pekerjaan yang mempunyai nilai tambah dan kepakaran yang tinggi kepada rakyat tempatan. Ianya juga telah memberi peluang kepada Malaysia untuk mengeksport keluaran industrinya ke pasaran antarabangsa dengan kuantiti yang lebih besar dan juga membolehkan kita mengeluarkan produk yang lebih kompetitif di pasaran dunia. Juga kemasukan pelabur-pelabur asing ke Malaysia akan mempercepatkan lagi pemindahan teknologi ke negara ini. Dengan adanya pemindahan teknologi ini ianya juga akan dapat memberi peluang kepada rakyat tempatan untuk

mempelajari dan meyerapkan teknologi-teknologi canggih seperti dalam industri pembuatan kereta seperti yang kita dapat lihat hari ini.

Pengalaman negara setakat ini jelas menunjukkan bahawa kemasukan pelabur-pelabur asing ke Malaysia banyak memberi faedah kepada negara ini dan adalah tidak benar ia mewujudkan perkara-perkara yang negatif di negara ini. Dalam hal ini, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri telah dipertanggungjawabkan untuk memastikan bahawa semua permohonan yang terima untuk tujuan pelaburan di negara ini diproseskan dengan teliti.

MITI sentiasa memastikan bahawa semua syarat seperti syarat-syarat ekuiti, penggunaan bahan tempatan, syarikat eksport, tahap teknologi dan penggunaan tenaga tempatan dipatuhi.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan cadangan oleh Ahli Yang Berhormat dari kawasan Beaufort yang mencadangkan agar MITI memberi keutamaan kepada Kerajaan Negeri Sabah semasa mengadakan misi perdagangan dan pelaburan ke luar negeri, untuk menarik lebih ramai pelabur dan perniagaan luar negeri ke negeri Sabah. MITI sentiasa memaklumkan dan menjemput wakil-wakil Kerajaan Negeri termasuk dari Sabah untuk turut serta dalam misi-misi perdagangan dan pelaburan yang dianjurkan.

Penglibatan aktif wakil-wakil Kerajaan Negeri melalui agensi-agensi yang berkaitan dapat mempromosikan lagi negeri-negeri yang berkenaan untuk diterokai oleh pelabur-pelabur asing. Pada masa yang sama MITI sentiasa berusaha menarik pelaburan asing ke Eastern Corridor, termasuk Sabah secara memaklumkan insentif-insentif khas bagi pelaburan di kawasan berkenaan.

Dalam tahun 1994, MITI telah mengadakan 13 misi perdagangan dan pelaburan ke luar negeri, daripada jumlah tersebut 2 misi telah disertai oleh wakil dari negeri Sabah, iaitu

ke Turki pada 27hb. September 1994 hingga 6hb. Oktober 1994 dan ke Afrika Selatan, Namibia serta Mauritius pada 8hb. Ogos hingga 17hb. Ogos 1994.

Sehingga bulan Oktober tahun 1995 pula MITI telah mengadakan 12 misi perdagangan dan pelaburan ke luar negeri dan daripada jumlah tersebut satu misi disertai oleh wakil dari negeri Sabah iaitu ke negeri China pada 21hb. September hingga 28hb. September 1995. Dalam misi-misi perdagangan dan pelaburan yang dianjurkan oleh MITI di sepanjang tahun 1995, Kerajaan Negeri Sabah telah turut diwakili oleh Kota Kinabalu Industrial Park Sdn. Bhd.; Lembaga Pembangunan Perumahan dan Bandar Sabah; Lembaga Tabung Getah Sabah dan Lembaga Kemajuan Perhutanan Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, MITI juga merakamkan penghargaan dan berterima kasih terhadap cadangan oleh Ahli Yang Berhormat dari kawasan Batu mengenai perlunya usaha yang lebih agresif dalam menarik pelaburan asing dan perlunya meningkatkan daya saing pelabur tempatan di pasaran antarabangsa.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perkara-perkara yang dicadangkan sememangnya telah menjadi teras kepada aktiviti-aktiviti MITI, sekarang ini ke arah menjadikan Malaysia negara perindustrian sepenuhnya menjelang tahun 2020.

Tuan Yang di-Pertua, pelaburan asing masih menjadi penyumbang utama kepada proses perindustrian negara. Oleh itu strategi promosi pelaburan asing akan terus ditingkatkan.

Sepanjang tahun 1995 sahaja MITI telah mengadakan 12 rombongan penggalakan pelaburan ke luar negeri. Ini telah menarik lebih banyak pelaburan asing melabur di negara ini. Berbanding dengan masa-masa lalu, strategi promosi pelaburan asing sekarang adalah lebih fokus dan selective yang memberi tumpuan untuk menarik pelaburan dalam bidang-

bidang yang berteknologi tinggi, mempunyai nilai tambah yang besar serta mempunyai kesan rantaian kepada ekonomi negara yang lebih meluas.

Seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, Malaysia sekarang sedang menghadapi kekurangan tenaga kerja dan dengan ini tumpuan promosi pelaburan asing tidak lagi tertumpu kepada industri berintensif buruh. Oleh itu berasingan dari negara-negara China, Vietnam dan Kampuchea yang mempunyai ramai tenaga buruh yang lebih murah, bukanlah merupakan persaingan sebenar kepada Malaysia.

Bagi menyelaraskan kegiatan promosi pelaburan di sektor perkilangan dengan lebih efektif, Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA) adalah bertanggungjawab terus kepada MITI dalam membangunkan sektor perindustrian negara.

Mengenai pelaburan tempatan, dasar meningkatkan pelaburan domestik telah dilancarkan pada tahun 1994 yang antara lain mengandungi strategi-strategi seperti yang dicadangkan. MITI sememangnya berusaha meningkatkan pelaburan domestik terutama syarikat-syarikat industri kecil dan sederhana supaya dapat menyokong syarikat-syarikat besar yang sedia ada. Lebih penting dari itu pembangunan industri tempatan adalah merupakan asas untuk menjadikan Malaysia negara perindustrian yang berdaya maju.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai cadangan-cadangan yang telah dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Petaling Jaya Selatan untuk meningkatkan perkhidmatan-perkhidmatan sokongan dalam urusan import dan eksport. Suka saya menyatakan bahawa kerajaan sentiasa prihatin terhadap perkara ini dan telah melaksanakan beberapa langkah yang bersesuaian ke arah tersebut.

Di antara langkah yang penting ini ialah pelaksanaan Electronic Data Interchange (EDI), dengan izin, di jabatan-jabatan kerajaan serta di pelabuhan-pelabuhan serta di lapangan

terbang utama di Malaysia. Setakat ini EDI telah diperkenalkan di Pelabuhan Klang, Lapangan Terbang Subang dan di beberapa jabatan kerajaan seperti di Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Jabatan Kastam dan Jabatan Haiwan.

Adalah menjadi hasrat kerajaan untuk mengadakan sistem EDI bagi urusan import dan eksport di kesemua pelabuhan dan lapangan terbang utama di Malaysia. Sistem EDI akan mempercepatkan pemerosesan dan pemberian kelulusan bagi permohonan permit import dan eksport dan mengurangkan kos pengurusan dan pentadbiran. Pelaksanaannya juga akan meningkatkan daya saing pengeksport-pengeksport tempatan di pasaran antarabangsa.

Mengenai cadangan oleh Ahli Yang Berhormat dari Jerlun dan Ahli Yang Berhormat dari kawasan Batu supaya insentif khidmat nasihat, bimbingan dan pinjaman mudah diberikan bagi menggalakkan IKS mengeluarkan alat ganti untuk meningkatkan komponen tempatan di samping mengurangkan kos import dan mengurangkan defisit akaun semasa. Sukalah dimaklumkan bahawa kerajaan telah pun menyediakan berbagai bantuan bagi membantu IKS termasuklah di dalam industri alat-alat ganti.

Selain daripada khidmat nasihat dan bimbingan, kerajaan juga telah menyediakan bantuan kewangan melalui pinjaman-pinjaman mudah bagi menggalakkan usaha-usaha pemodenan dan automasi yang menggunakan teknologi terkini serta membolehkan IKS meningkatkan kualiti dan produktiviti barangan. Di samping itu, tabung bantuan teknikal perindustrian juga disediakan dalam bentuk geran peruntukan bagi menggalakkan IKS menggunakan teknologi tinggi supaya menjadi lebih berdaya maju, berkualiti dan dapat bersaing di dalam pasaran tempatan dan antarabangsa. Sayarikat-syarikat IKS juga boleh memohon insentif-insentif yang sedia ada khususnya insentif bagi aktiviti penyelidikan dan pembangunan dan insentif untuk syarikat berteknologi tinggi untuk syarikat IKS yang layak berdasarkan kriteria-kriteria yang ditetapkan.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan pandangan Ahli Yang Berhormat dari Tambun mengenai meningkatkan pelaburan di dalam bidang R&D untuk meninggikan mutu keluaran dan produktiviti dan mengamalkan pengeluaran modal insentif dan berteknologi tinggi, kerajaan memang menyedari kepentingan R&D untuk pembangunan teknologi bagi meninggikan mutu keluaran dan produktiviti.

Justeru itu, kerajaan mengadakan galakan insentif-insentif untuk mendorong pihak swasta melabur dalam kegiatan R&D dalam negara. Ini termasuk insentif potongan cukai dua kali ke atas perbelanjaan R&D, elaun cukai pelaburan 50% untuk syarikat-syarikat menjalankan in-house R&D, dengan izin, pemberian elaun bangunan yang digunakan untuk kegiatan R&D dan pengecualian cukai import ke atas peralatan mesin kelengkapan yang digunakan untuk R&D.

Kerajaan mengambil perhatian berat terhadap pelaburan yang berintensif modal dan berteknologi tinggi. Baru-baru ini kerajaan telah menetapkan syarat bahawa hanya pelaburan projek yang melebihi daripada RM55,000 seorang pekerja itu boleh diluluskan. Ini bertujuan untuk menjamin bahawa hanya projek yang capital intensive, dengan izin, diluluskan.

Untuk menggalakkan penubuhan syarikat-syarikat yang berteknologi tinggi, kerajaan telah meminda Akta Penggalakan Pelaburan 1986 bagi memperkenalkan insentif kepada syarikat-syarikat berteknologi tinggi. Di bawah insentif ini, syarikat berteknologi boleh memilih sama ada untuk mendapat insentif pengecualian cukai sepenuhnya selama 5 tahun atau elaun cukai pelaburan sebanyak 60% daripada perbelanjaan modal yang layak.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai pandangan Ahli Yang Berhormat dari Parit Buntar berkaitan dengan EAEC, saya ingin memaklumkan bahawa inisiatif sedang dilakukan dalam ASEAN untuk mengadakan mesyuarat di antara ASEAN, kumpulan Mekong dan Republik

Rakyat China bagi memulakan EAEC. Kerajaan yakin bahawa Jepun dan Korea Selatan akan menyertai EAEC apabila ianya dilancarkan kelak.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan isu penarikan balik....

**Dr. Tan Seng Giaw:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, Kepong bangun.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Saya tertarik kepada kenyataan tadi mengenai Jepun dan Korea Selatan akan menyertai EAEC. Apakah bukti yang menunjukkan kedua-dua negara ini berminat untuk menyertai, walhal pihak Amerika ada tekanan ke atas mereka untuk tidak menyertai?

**Tuan Kerk Choo Ting:** Tuan Yang di-Pertua, sikap kerajaan Jepun dan Korea memang dipengaruhi oleh Amerika Syarikat. Tetapi ramai ahli-ahli peniaga, industrialists dan juga ahli-ahli politiknya telah cuba berusaha supaya mempengaruhi kerajaan mereka menyertai EAEC. Jadi, kerajaan Malaysia telah diberitahu bahawa biarkan EAEC dilancarkan dahulu, Jepun dan Korea Selatan akan menyertai apabila ianya dilancarkan.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan isu penarikan balik status Generalise System of Preferences (GSP) oleh Amerika Syarikat kepada Malaysia mulai 1hb. Januari, 1997 yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Serdang, suka saya memaklumkan, pihak kerajaan sejak awal lagi telah mengingatkan para pengeksport dan pengguna GSP di negara ini untuk membuat persediaan dan meningkatkan daya saingan mereka bagi menghadapi kemungkinan penarikan balik kemudahan GSP oleh mana-mana negara termasuk Amerika Syarikat.

Di antara langkah-langkah yang telah dan akan diambil adalah seperti berikut:

- (i) Pengeksport hendaklah mempertingkatkan pengeluaran dengan mengambil kira aspek kualiti dan produktiviti serta dengan kos pengeluaran yang efektif;
- (ii) mereka hendaklah berusaha untuk meningkatkan tahap kecekapan serta daya saing untuk terus mantap di pasaran antarabangsa; dan
- (iii) memperkukuh dan memperluaskan rangkaian perhubungan dengan para pengimport di negara-negara pemberi GSP.

Di samping itu, kementerian berpandapat kesan penarikan balik status GSP oleh Amerika Syarikat ke atas eksport kebanyakan barangan-barangan keluaran Malaysia akan dapat dikurangkan memandangkan perbezaan cukai di bawah skim GSP berbanding dengan tahap cukai di bawah status negara keutamaan, akan berkurangan secara progresif berikutan dengan persetujuan penurunan cukai mulai tahun 1995 hingga 1999 oleh Amerika Syarikat di bawah Rundingan Pusingan Uruguay.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai perkara yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Sepang, adalah dimaklumkan setakat ini kerajaan belum mempunyai rancangan untuk menjadikan anjung Selatan sebagai kawasan pelaburan pada masa akan datang. Pada masa kini, kerajaan menggalakkan pelaburan di kawasan koridor Pantai Timur, Sabah dan Sarawak sebagai satu strategi untuk meningkatkan lagi pembangunan ekonomi di kawasan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, sekianlah sahaja penjelasan yang ingin saya berikan kepada beberapa isu penting yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang menyentuhkan bidang kuasa Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri. Saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih di atas teguran-teguran, pandangan-pandangan yang tidak

sempat dijawab buat kali ini dan perkara tersebut akan diambil perhatian yang sewajarnya. Sekianlah, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri Pertanian.

**7.12 mlm.**

**Menteri Pertanian [Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud]:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memerikan perhatian serta membangkitkan perkara-perkara yang berkaitan dengan bidang tugas Kementerian Pertanian atau di bawah kawalan dan tanggungjawabnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak bercadang menjawab satu persatu perkara yang telah dibangkitkan, hanya saya menumpukan kepada beberapa perkara yang tertentu dengan tujuan menjimatkan masa. Walau bagaimanapun, saya akan mengambil perhatian perkara-perkara yang dibangkitkan dan mengambil tindakan sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Marang telah membangkitkan beberapa perkara berhubung dengan Akta Perikanan. Antaranya, beliau meminta supaya kerajaan melonggarkan peraturan-peraturan yang boleh menyusahkan rakyat, seperti taman laut yang diwujudkan bertujuan untuk menggalakkan pelancongan. Tetapi dengan kegiatan yang tidak terkawal memusnahkan taman laut.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menjelaskan bahawa objektif utama taman laut ialah untuk melindungi dan memelihara eco-system marine, terutamanya kawasan terumbu karang sebagai warisan semula jadi untuk dieksploitasi oleh generasi masa kini dan akan datang secara rasional. Mengikut pakar-pakar biology marin, lebih kurang 40% ikan komersil yang ditangkap oleh nelayan tradisional di perairan dekat pantai berasal dari terumbu batu karang. Ini bermakna perlindungan dan pemeliharaan batu-batu karang ini akan memberi faedah

secara langsung kepada nelayan tradisional yang menangiap ikan di perairan dekat pantai. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelancongan bukanlah merupakan objektif utama taman laut diwujudkan. Walau bagaimanapun, orang-orang kampung, khususnya nelayan tradisional boleh memperolehi faedah dari kemajuan sektor pelancongan. Mereka boleh menggunakan bot-bot mereka untuk membawa pelawat ke pulau-pulau dan keluarga nelayan juga boleh terlibat dengan kegiatan menjual makanan, minuman dan cenderama mata, di samping menjadi pemandu pelancongan dan 'diving operators', dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat yang sama juga meminta kerajaan menyediakan program perikanan kepada nelayan, di samping mengesyorkan Akta Perikanan dikaji setiap masa dengan melibatkan masalah rakyat, bukan melibat kehendak kerajaan sahaja. Suka saya menjelaskan bahawa semua program yang dilaksanakan oleh Kementerian Pertanian bagi membangunkan sektor perikanan. Adalah secara langsung atau tidak langsung untuk meningkatkan pendapatan nelayan dan penternak ikan, khususnya bagi nelayan yang terlibat dalam perikanan pantai.

Antara program yang dilaksanakan ialah mewujudkan sistem pengurusan sumber secara berkesan bagi memastikan sumber tidak terjejas melalui program pemulihan dan pemeliharaan yang komprehensif, seperti pembiakan tukun-tukun tiruan, mewujudkan taman laut, mempertingkatkan perlindungan sumber-sumber nelayan lain, mempertingkatkan pendapatan, memperbaiki teknologi penangkapan ikan dan teknologi lepas tuai, kaedah pengendalian vesel serta menyediakan berbagai kemudahan dan bantuan seperti latihan bagi membolehkan nelayan dan keluarganya memperolehi pendapatan sampingan melalui penglibatan akuakultur dan pemerosesan ikan.

**Dr. Tan Seng Giaw:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Kepong bangun, Yang Berhormat.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, saya memang dalam beberapa tahun ini mengambil perhatian mengenai tukun-tukun tiruan. Apakah kesan degan tukun-tukun tiruan? Adakah kajian yang dibuat untuk mengetahui keberkesanan adakan tukun seperti ini? Kerana saya tidak pernah membaca atau mendengar kajian yang dibuat oleh pihak kerajaan. Cuma kita membuat tukun tiruan, tetapi tidak ada kajian mengenai keberkesanan hasil daripada usaha kerajaan.

**Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud:** Tuan Yang di-Pertua, berasaskan kepada pemerhatian yang dibuat oleh Jabatan Perikanan, dengan adanya tukun-tukun tiruan itu, maka ikan makin bertambah dan telah menghasilkan pendapatan yang agak lebih lumayan.

Hasil dan usaha bersungguh-sungguh oleh kerajaan, kadar kemiskinan di kalangan nelayan telah berjaya dikurangkan dari 73% pada tahun 1970 kepada 17.9% pada tahun 1992. Untuk makluman Yang Berhormat, Akta Perikanan 1985 memang dikaji oleh Kementerian Pertanian dari semasa ke semasa. Akta Perikanan baru sahaja dipinda pada tahun 1993 dan pindaan ini dibuat adalah mengambil kira bersama pandangan dari berbagai pihak, termasuklah parti-parti politik, pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan, persatuan-persatuan nelayan dan orang-orang perseorangan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pertanian telah menerima 29 memorandum semasa membuat pindaan kepada akta tersebut.

Ahli Yang Berhormat dari Marang juga telah meminta kerajaan mengutamakan program pertanian yang boleh meningkatkan pengeluaran makanan negara, di samping pertanian yang menghasilkan komoditi. Dalam hal ini, saya suka menjelaskan bahawa matlamat negara dalam program pengeluaran makanan adalah untuk mencapai tahap sara diri minimum bagi beberapa jenis makanan. Contohnya, bagi beras dasar negara adalah untuk

pengeluaran adalah untuk pengeluaran beras supaya dapat mencapai tahap sara diri minimum sekurang-kurangnya 65% menjelang tahun 2010. Namun demikian, program yang telah dilaksanakan oleh kerajaan telah membolehkan negara kita mencapai tahap sara diri sepenuhnya bagi beberapa jenis komoditi.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan juga sedang melaksana berbagai rancangan untuk menambah hasil pengeluaran makanan negara, seperti yang ditetapkan oleh Dasar Pertanian Negara. Usaha ini meliputi menggalakkan pihak swasta menceburi pengeluaran bahan makan, mewujudkan dasar pelaburan yang liberal untuk meningkatkan teknologi kepakaran dan hubungan pasaran dan pemberian perkhidmatan secara pakej yang merangkumi penyelidikan dan pembangunan, pengembangan pengairan saliran dan khidmat-khidmat lain dan memperluaskan kawasan pengeluaran dalam negara bagi sayur-sayuran dan buah-buahan beriklim sederhana dan tropika di zon tanaman yang telah dikenalpastikan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, dalam usaha kerajaan menggalakkan pelaburan dalam sektor pengeluaran bahan makanan, kerajaan telah mewujudkan Tabung Makanan Negara. Untuk tujuan ini, kerajaan telah memperuntukkan sejumlah RM600 juta akan disalurkan kepada bank-bank perdagangan dan Bank Pertanian. Di samping itu, bagi menggalakkan penglibatan usahawan dan petani kecil, kerajaan telah juga melonggarkan syarat-syarat pinjaman.

Ahli Yang Berhormat dari Baram telah mengesyorkan supaya Pertubuhan Peladang tiap-tiap negeri diberi peranan yang lebih besar untuk mempergiatkan pengeluaran bahan-bahan makanan secara komersil, mengendalikan pemasaran dan memproses bahan makanan yang bermutu untuk dieksport.

Tuan Yang di-Pertua, salah satu penekanan ialah menjadikan Pertubuhan Peladang sebagai pengeluaran utama bahan makan negara. Pengeluaran bahan makanan diperlukan

untuk memenuhi gantian import permintaan dalam negara untuk tujuan eksport. Penglibatan Pertubuhan Peladang dalam pengeluaran bidang makanan dilaksanakan dengan mengeksploitasi peluang-peluang kesesuaian persekitaran disamping menggunakan marketnism dan saluran-saluran pasaran yang sedia ada.

Lembaga Pertubuhan Peladang telah pun mengenal pasti komoditi bahan makanan yang terpilih di mana pertubuhan peladang perlu mempertingkatkan penglibatannya untuk pengeluaran sayur-sayuran, ternakan untuk daging dan susu, ternakan air dan pengeluaran buah-buahan.

Ahli Yang Berhormat dari Batang Lupa berharap supaya Kementerian Pertanian memberi tumpuan kepada beberapa perkara untuk meningkatkan taraf hidup petani. Perkara tersebut ialah mengukuhkan sistem pemasaran, memberi bantuan klon-klon benih bermutu kepada petani dan juga memberi subsidi kepada usahawan untuk menjalankan kegiatan penyelidikan, pemasaran, pembungkusan dan pengangkutan.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menjelaskan bahawa Kementerian Pertanian melalui FAMA sememangnya sentiasa berusaha mengukuhkan sistem pemasaran bagi memastikan petani dan pengguna mendapat harga yang sebaiknya bagi hasil-hasil pertanian mereka. Usaha ini melibatkan semua pihak iaitu daripada pengeluar, pemborong, peruncit sehingga kepada pihak yang menyediakan perkhidmatan sokongan seperti pengangkutan, pengedaran dan sebagainya. Usaha ini melibatkan memperbaiki dan mewujudkan rangkaian pemasaran yang cekap sama ada di peringkat perkumpulan, pemborong dan pengedaran supaya barang dapat disampaikan kepada pengguna dengan kos yang berpatutan. Menambah infrastruktur pasaran, seperti pasar borong, pasar runcit, pusat-pusat pengumpulan di peringkat ladang, bilik sejuk dan pusat-pusat pengedaran dan

menggalakkan petani terlibat secara langsung dalam pemasaran hasil pengeluaran mereka seperti melalui program pasar tani.

Di samping usaha-usaha FAMA, Jabatan Pertanian juga memainkan peranan dalam membantu petani menjual hasil-hasil pertanian mereka terus kepada pemborong dan pengguna terutama bagi petani-petani yang terlibat dalam projek-projek berkelompok anjuran Jabatan Pertanian. Bahan tanaman yang bermutu tinggi amatlah penting untuk memastikan hasil pengeluaran adalah tinggi dan berkualiti. Sehubungan itu, Jabatan Pertanian dengan kerjasama MARDI akan terus mengeluarkan bahan-bahan tanaman yang tulen dan bermutu tinggi dari klon dan variety terpilih untuk diedarkan kepada pengusaha-pengusaha supaya hasil dan kualiti pengeluaran mereka dapat dipertingkatkan.

Mengenai saranan Yang Berhormat dari Batang Lumar juga supaya kerajaan memberi subsidi kepada pengusaha menjalankan aktiviti penyelidikan, pemasaran dan pengangkutan, Kementerian Pertanian berpendapat kerajaan tidaklah perlu memberi subsidi secara terus kepada usahawan untuk menjalankan kegiatan-kegiatan seperti yang disarankan oleh Yang Berhormat. Memandangkan kerajaan telah pun mewujudkan agensi-agensi khusus untuk melaksanakan kegiatan-kegiatan tersebut yang boleh dimanfaatkan secara langsung oleh pengusaha-pengusaha.

Ahli Yang Berhormat dari Batang Lumar juga telah membangkitkan pembangunan pertanian secara berkelompok, pembangunan *in situ* oleh agensi-agensi kerajaan yang telah mengesyorkan supaya diperluaskan serta disusun semula IADP iaitu Pembangunan Pertanian Secara Bersepadu di Sarawak dan memberi tumpuan ke atas projek pembangunan pertanian di kawasan pedalaman dan persisiran pantai.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan perkara ini, saya suka menekankan bahawa Kementerian Pertanian sedang melaksanakan dan akan terus menggalakkan

pembangunan pertanian secara berkelompok dan mini estet bagi meningkatkan pengeluaran pertanian negara. Pendekatan pertanian cara ini akan dapat memudahkan agensi-agensi sokongan memberi khidmat mereka kepada petani dengan lebih tersusun dan berkesan. Kerajaan juga akan dapat menyediakan kemudahan infrastruktur seperti jalan-jalan ladang, sistem saliran pengairan dengan lebih berkesan, di samping itu jentera ladang akan dapat digunakan dengan lebih meluas bagi meningkatkan pengeluaran pertanian.

Pembangunan pertanian secara *in situ* juga akan terus diberi perhatian oleh kementerian ini memandangkan terdapat kekurangan kawasan pertanian yang baru. Seterusnya, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, negeri Sarawak pada masa ini mempunyai dua buah projek IADP iaitu IADP Samarahan dan IADP Kalaka-Saribas. Syor dari Yang Berhormat supaya IADP itu disusun semula tidak timbul oleh kerana pendekatan pelaksanaan kedua projek tersebut sekarang didapati tidak banyak menghadapi masalah.

Dalam perancangan dan pelaksanaan pembangunan pertanian negara, Kementerian Pertanian memang mengambil kira kawasan-kawasan persisiran pantai dan pedalaman seperti yang disyorkan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Dan pada masa ini, beberapa kajian sedang dijalankan seperti kajian persisiran pantai Darun Mukah dan kajian pembangunan pertanian di Rajang Tengah di Sarawak.

Saya mengucapkan banyak terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mertajam kerana telah melahirkan kebimbangan mengenai masalah keluasan tanah sawah semakin berkurangan kerana pertukaran syarat untuk perumahan dan perindustrian. Dalam hal ini, Kementerian Pertanian memang memandang perkara ini sebagai serius dan telah pun mengemukakan cadangan supaya Kerajaan Negeri mewartakan kawasan tanah

sawah di kawasan jelapang padi untuk memastikan keluasan tanaman padi tidak terjejas. Walau bagaimanapun, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam keadaan pembangunan negara yang pesat sekarang ini kita tidak dapat elakkan tanah pertanian seperti tanah-tanah sawah ditukar untuk dijadikan kawasan perindustrian dan perumahan terutamanya di kawasan-kawasan yang berhampiran dengan bandar. Namun demikian, kementerian telah mendapati pengurangan kawasan ini adalah minimum dan tidak menjejaskan pengeluaran beras negara.

Yang Berhormat dari Beaufort telah membangkitkan beberapa perkara untuk pertimbangan kerajaan iaitu meminta kerajaan menggalakkan pemasaran hasil-hasil pertanian di luar bandar, mengadakan perubahan pendapatan petani melalui pertanian dan kraf tangan dan membasmi kemiskinan dengan penglibatan agensi-agensi persekutuan dalam pertanian moden. Dalam hal ini, saya suka menjelaskan bahawa dalam memasarkan hasil pertanian kawasan luar bandar tidak diketepikan dan pihak kementerian melalui FAMA sememangnya menggalakkan pemasaran hasil pertanian sama ada di bandar mahupun di luar bandar.

**Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** *[Bangun]*.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tambun bangun, Yang Berhormat.

**Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri. Tadi Yang Berhormat Menteri menyentuh syor Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mertajam tentang mempertahankan keluasan sawah padi yang ada sekarang. Saya membuat kajian saya, sekarang kita memiliki lebih kurang 2.3 juta metrik tan beras setahun, pada tahun 2020 dengan peningkatan penduduk seramai 35 juta daripada lebih kurang 19 juta sekarang, kita memerlukan lebih kurang 4 juta metrik tan padi pada ketika itu. Dalam kajian saya, dalam tempoh lima tahun lalu,

keluasan padi tidak meningkat, begitu juga dari segi pengeluaran padi selama lima tahun yang lalu lebih kurang 2 juta tan setahun. Jadi apakah langkah kerajaan untuk menangani masalah keperluan padi yang dua kali ganda pada tahun 2020 dengan keluasan kawasan padi yang tidak meningkat dan juga keluaran penghasilan yang tidak meningkat?

**Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud:** Tuan Yang di-Pertua, mengikut Dasar Pertanian Negara yang telah ditetapkan oleh kerajaan bahawa sehingga tahun 2010 kita hanya hendak memperolehi sara diri atau self-sufficiency sebanyak 65%, ini berasaskan kepada rasional bahawa adalah lebih murah bagi kita mengimpor beras daripada menanam padi beras di negara kita. Walau bagaimanapun, satu daripada cara yang kita boleh buat ialah dengan meningkatkan produktiviti daripada kawasan yang kecil itu dengan menggunakan variety yang lebih baik, lebih produktif dan juga pengurusan ladang yang lebih baik dengan mengguna cara-cara yang lebih saintifik dan juga menggunakan pengurusan yang lebih baik lagi.

Tuan Yang di-Pertua, pendedahan pekebun kecil dan petani kepada kehendak pasaran dapat diuruskan dengan lebih berkesan dengan penglibatan mereka secara langsung dan tidak langsung dalam pemasaran hasil-hasil pertanian mereka. Ke arah ini, petani-petani akan digalakkan bahkan digalakkan memasarkan pengeluaran mereka melalui koperasi-koperasi, keperluan-keperluan pengeluar yang akan diberikan ruang-ruang pasaran di pasar tani, pasar borong melalui contract farming dan sebagainya.

Dalam menggalakkan perubahan pendapatan melalui aktiviti pertanian dan hasil kraf tangan, petani juga digalakkan dalam perniagaan tani ataupun agribusiness yang boleh memberi keuntungan seperti perniagaan input-input pertanian seperti baja, benih, perkhidmatan traktor, kraf tangan dan aktiviti-aktiviti komersial lain termasuk perusahaan agroculture. Penglibatan mereka dalam aktiviti-aktiviti ini digalakkan sama ada meliputi koperasi pertubuhan peladang atau secara persendirian.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Yan dan Tanjong Karang telah mengesyorkan supaya subsidi harga padi dinaikkan memandangkan harga beras telah meningkat.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, buat masa ini kerajaan belum ada cadangan untuk menaikkan lagi subsidi harga padi memandangkan kadar yang diberikan buat masa ini adalah mencukupi dan agak tinggi. Subsidi harga padi telah pun ditingkatkan sebanyak 50% pada tahun 1991 iaitu daripada RM16.54 setiap 100 kilogram kepada RM24.81 setiap 100 kilogram. Dengan kenaikan ini tanaman padi telah menjadi satu perusahaan yang agak menguntungkan. Kenaikan ini juga melibatkan kerajaan terpaksa membayar lebih RM400 juta setiap tahun bagi tujuan ini.

Ahli Yang Berhormat yang sama juga meminta Kementerian Pertanian mengambil perhatian ke atas masalah pengilang-pengilang kecil padi dan mengesyorkan supaya kementerian menghadkan belian padi bagi kilang besar kepada 100,000 metrik tan se musim sahaja, manakala kilang sederhana 7,000 metrik tan dan kilang kecil 5,000 metrik tan se musim supaya semua kilang boleh hidup.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pertanian setakat ini tidak bercadang untuk menyekat pembelian padi oleh semua kilang sama ada kecil atau besar. Ini kerana kementerian hendak memastikan bahawa pesawah dapat menjual padi mereka di kilang-kilang padi pilihan mereka, di samping untuk menyelamatkan padi daripada rosak terutama pada kemuncak penuaian padi yang mana adalah berlaku dalam masa yang singkat. Tambahan pula pengurusan jualan dan belian padi ditentukan oleh pasaran ataupun market forces, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Santubong menyeru kerajaan meneruskan projek yang boleh meningkatkan pendapatan nelayan-nelayan seperti projek

akuakultur seperti udang, sea bass serta meningkatkan pengeluaran makanan segera seperti bebola ikan dan lain-lain.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hal ini, saya suka memaklumkan bahawa Kementerian Pertanian melalui Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) mempunyai beberapa program pembangunan yang boleh meningkatkan pendapatan nelayan melalui projek akuakultur dan pengeluaran produk seperti bebola ikan, sotong, kek ikan dan kek sotong.

Dalam Rancangan Malaysia Yang Ketujuh, LKIM bercadang melaksanakan beberapa projek termasuklah memproses udang, mengetin ikan tuna, projek penetasan ikan, ternakan tiram dan juga ternakan udang dalam kolam di beberapa buah negeri termasuklah negeri Sarawak.

Di samping itu, melalui anak syarikat LKIM seperti Majuikan Sendirian Berhad, projek-projek berasaskan hasil laut telah dibuat, antara pengeluarannya ialah seperti yang saya sebutkan tadi. Semua projek-projek ini adalah bertujuan untuk menambahkan pendapatan nelayan dengan mengambil nelayan sebagai peserta untuk menternak ikan dalam kolam di samping memberi alternatif kepada nelayan selain ke laut dengan menjalankan aktiviti sampingan seperti menternak dan memproseskan ikan.

Ahli Yang Berhormat dari Santubong juga dan juga Ahli Yang Berhormat dari Selangau telah mencadangkan supaya sektor pertanian dijalankan secara modern commercial supaya dapat mengatasi masalah inflasi. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan memang mempunyai perancangan memajukan sektor pertanian secara modern commercial seperti yang ditetapkan oleh Dasar Pertanian Negara. Hasrat kerajaan ialah untuk mentransformasikan sektor pertanian supaya lebih dinamik dan produktif di mana daya saing pertumbuhan dan pembangunannya berpandukan pasaran dan sumber manusia.

Pembangunan sektor pertanian tidak boleh lagi bergantung kepada sistem pertanian secara tradisional tetapi mempunyai pengusaha terdiri daripada peniaga tani serta perladangan dan perusahaan yang cekap. Usaha-usaha ini diharapkan dapat menambahkan hasil pengeluaran makanan dalam negara dan seterusnya dapat mencegah inflasi.

Ahli Yang Berhormat itu juga meminta Kementerian Pertanian menggunakan pendekatan baru untuk meningkatkan pengeluaran makanan di samping mengurangkan mengimport makanan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan sangat peka dan mengambil berat tentang pengeluaran makanan negara. Berbagai projek dan program telah dilaksanakan oleh kerajaan dan pihak swasta dalam usaha untuk meningkatkan lagi pengeluaran makanan negara. Kerajaan telah pun menubuhkan Tabung Makanan Negara serta melonggarkan syarat-syarat pinjaman; di samping itu, kerajaan juga telah memperluaskan pemberian insentif elaun pelaburan semula untuk meliputi perusahaan pengeluaran padi, jagung, buah-buahan, sayur-sayuran, ternakan dan akuakultur di mana selama ini insentif ini hanya diberi kepada sektor pembuatan sahaja.

Seterusnya, Ahli Yang Berhormat dari Kangar telah mengesyorkan supaya nelayan tradisional diberi kebebasan boleh menangkap ikan dengan tidak menghadkan zon. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, zon menangkap ikan yang telah ditetapkan ialah Zon A iaitu kawasan operasi antara 0 hingga 5 batu nautika, Zon B di mana kawasan operasinya ialah antara 5 sehingga 12 batu nautika dan Zon C di antara 12 hingga 30 batu nautika. Dan Zon C II di mana kawasan operasinya ialah melebihi 30 batu nautika. Tujuan mewujudkan zon-zon ini ialah bagi melindungi dan memelihara sumber-sumber perikanan dari dimusnahkan dan menghindarkan konflik di antara nelayan komersil dan tradisional di samping dapat mengelakkan persaingan di antara vessel besar dan vessel kecil.

Ahli Yang Berhormat dari Kangar juga meminta Kementerian Pertanian memberi kebenaran pekerja-pekerja asing bekerja di bot menangkap ikan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dasar kita memang membenarkan industri perikanan menggunakan pekerja asing sehingga 90% daripada jumlah pekerja yang dibenarkan. Walau bagaimanapun, ini dihadkan kepada Zon C dan Zon CII sahaja.

**Tuan Md. Isa bin Sabu:** [*Bangun*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Kangar bangun, Yang Berhormat.

**Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud:** Ya.

**Tuan Md. Isa bin Sabu:** Tuan Yang di-Pertua, suka saya mendapat penjelasan, dalam ucapan yang lepas saya meminta atau mengesyorkan supaya nelayan tradisi, nelayan pantai iaitu nelayan zon A supaya tidak dihadkan sempadan negeri, itulah yang saya minta dalam ucapan yang lepas.

**Tuan Yang di-Pertua:** Perlis minta, Yang Berhormat.

**Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud:** Tuan Yang di-Pertua, kalau kita tidak menghadkan nelayan tradisional ini pergi seberapa jauh ke laut, kerana alat kelengkapannya tidak akan menjejaskan pendapatan nelayan-nelayan yang lain tetapi kalau dia tidak dihadkan masuk ke boundary ataupun sempadan negeri lain, ini akan menimbulkan masalah. Kerana mungkin orang Kedah nanti marah dengan orang Perlis hendak pergi ke sana. Itulah masalah yang dihadapi oleh kita, kecuali kalau ada persetujuan daripada semua pihak. Perkara ini telah pun kita bangkitkan, kepada kita khususnya Jabatan Perikanan, ini menyenangkan kita tetapi kita juga mempunyai tanggungjawab untuk menjagakan kepentingan nelayan-nelayan dari negeri-negeri yang berdekatan.

Mengenai perkara pekerja luar ini mengikut rekod kementerian, sehingga bulan Oktober 1995, sejumlah 6,037 orang pekerja asing telah dibenarkan bekerja di dalam industri ini.

Ahli Yang Berhormat dari Parit telah membangkitkan soal kawasan beliau yang sering dilanda banjir yang menyebabkan kerugian besar sedangkan petani bergantung hidup kepada tanaman dan ternakan. Kawasan yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat, saya difahamkan adalah terletak di kawasan pengairan Projek Seberang Perak Fasa I. Banjir telah berlaku di kawasan tersebut disebabkan parit utama Bakong menghadapi kesulitan mengeluarkan air apabila paras air di Sungai Perak tinggi. Bagi mengatasi masalah ini, peruntukan sebanyak RM6.4 juta telah dipohon di bawah Rancangan Malaysia Yang Ketujuh bagi memperbaiki sistem pengairan dan saliran yang sedia ada. Cadangan tersebut termasuk kerja memperbaiki parit utama Bakong.

Ahli Yang Berhormat dari Selangau meminta kerajaan mengadakan lebih banyak kursus dan seminar untuk meningkatkan produktiviti supaya sektor pertanian ditukarkan daripada sistem tradisional kepada komersil dan meminta supaya petani dibekalkan dengan alat-alat mesin moden. Mengenai perkara ini, Jabatan Pertanian melalui program latihan adalah di antara aktiviti utama yang dilaksanakan dalam usaha untuk memindahkan teknologi dan pembangunan tenaga mahir di kalangan petani. Dalam tempoh Rancangan Malaysia Yang Keenam, sejumlah 473 kursus teknikal jangka pendek dan 10,995 kursus teknikal (kursus sehari) telah dilaksanakan yang melibatkan 276,367 peserta.

Selain daripada itu, jabatan juga menggalakkan penggunaan jentera alat dan mesin moden kepada golongan ini bagi meningkatkan produktiviti pengeluaran dan kualiti produk.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa cukuplah sehingga ini dan saya rasa pun sudah panjang. Walau bagaimanapun, insya-Allah saya akan mengambil perhatian kepada perkara

yang saya tidak jelaskan dalam Dewan ini dan akan mengambil tindakan sewajarnya. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.

**7.40 mlm.**

**Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Dato' Haji Abu Hassan bin Haji Omar]:** Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya terlebih dahulu mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Belanjawan, 1996 yang menyentuh bidang kuasa dan tanggungjawab Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna. Isu-isu yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari Ledang, Baram, Kubang Kerian, Rompin, Balik Pulau, Parit, Labuan, Kota Melaka, Yan, Tumpat, Bagan dan Seputeh pada keseluruhannya tertumpu kepada masalah inflasi. Mereka telah mengatakan berlakunya kenaikan harga barang-barang keperluan asas dan langkah-langkah yang perlu diambil untuk mengatasi masalah ini supaya harga barangan dan perkhidmatan adalah stabil dan tidak membebankan pengguna.

Memandangkan masalah inflasi dan kenaikan harga barangan keperluan harian boleh meninggalkan kesan negatif kepada matlamat pembangunan negara dalam jangkamasa pendek dan panjang sama ada dari segi politik, ekonomi, sosial dan keselamatan, maka kerajaan sentiasa prihatin mengenai perkara ini dan telah merangka strategi-strategi dan program-program yang sesuai supaya harga barangan dan perkhidmatan adalah stabil dan akan dapat membantu merealisasikan pencapaian matlamat inflasi sifar.

Tuan Yang di-Pertua, kenaikan harga barang dan perkhidmatan secara amnya, disebabkan oleh empat faktor utama iaitu pertama, kenaikan kos pengeluaran, dengan izin, cost push inflation; kedua, peningkatan permintaan (demand pull inflation); ketiga, kekurangan keupayaan pengeluaran (to supply bottle-neck) dan yang keempat, faktor-faktor psikologi. Selain daripada itu, faktor-faktor luaran misalnya, kenaikan kos bahan mentah yang diimport boleh menyebabkan berlakunya kenaikan harga barangan dan perkhidmatan. Dengan mengetahui punca sebenar yang menyebabkan berlakunya inflasi, tindakan-tindakan yang sesuai boleh diambil bagi mengatasi masalah ini. Di antara tindakan yang sedang dan telah diambil oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna bagi mengawal kenaikan harga ialah dengan menubuhkan Pusat Maklumat Harga yang menyebarkan maklumat kepada pengguna melalui media massa sama ada media cetak ataupun elektronik. Berdasarkan maklumat awal yang diperolehi oleh pengguna, mereka boleh membuat keputusan pembelian dengan cara bijak. Selain dari itu pusat-pusat pengawasan harga turut diwujudkan bagi memberi maklumat harga terkini kepada pengguna.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian juga menjalankan kajian bagi tujuan mengenal pasti barangan keperluan asas termasuk ikan, ayam dan sayur-sayuran yang sentiasa mengalami kenaikan harga. Tindakan akan diambil bagi mengisytiharkan barangan tersebut sebagai barangan kawalan harga jika perlu. Sebagai contoh, kerajaan telah melaksanakan Skim Penstabilan Harga Minyak Masak berikutan kenaikan harga minyak sawit sebelum ini dan baru-baru ini mengenai ayam.

Kerajaan pada keseluruhannya telah mengambil tindakan bagi memastikan tidak berlakunya kekurangan keupayaan pengeluaran iaitu, dengan izin, supply bottle-neck, agar barangan keperluan sentiasa mencukupi di pasaran. Ini dilaksanakan melalui.....

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yan bangun, Yang Berhormat. Fasal ayam juga! *[Ketawa]*

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Menteri kerana sayur, ikan dan ayam akan dimasukkan sebagai barang kawalan. Cuma saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Menteri adakah Yang Berhormat bercadang untuk memasukkan sewaan rumah kerana kita dapati sekarang ini sewaan rumah naik begitu mendadak. Kadang-kadang menghadapi masalah bagi orang yang berpendapatan rendah dan sebagainya. Di samping itu juga adakah kementerian Yang Berhormat bercadang untuk menambah lagi barang-barang kawalan seperti yang ada pada hari ini dan berapa jeniskah yang akan kita tambah sebagai barang kawalan.

**Dato' Haji Abu Hassan bin Haji Omar:** Terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Yan dan kali ini tidak tanya fasal ayam. Berkenaan dengan sewaan rumah, seperti yang telah disarankan oleh beliau dan juga tambahan kepada barang-barang perlu yang lain, suka saya menyatakan iaitu pada masa ini Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna atas arahan jemaah Menteri sedang membuat kajian yang terperinci terhadap barang-barang perlu yang digunakan oleh rakyat yang berpendapatan rendah, khususnya, yang kurang daripada RM1,500 sebulan dan dalam kajian ini kemungkinan sewaan rumah murah untuk di kawal dalam pertimbangan aktif kementerian dan juga barangan lain yang mungkin di tambah. Setakat ini sahajalah yang saya boleh nyatakan kerana perkara ini masih di peringkat kajian.

**Dr. Tan Seng Giaw:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Kepong bangun.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Minta penjelasan sedikit. Walaupun Yang Berhormat Menteri telah mengambil tindakan dan sesetengahnya mendatangkan faedah, tetapi pada beberapa aspek termasuk kadar tol, beberapa bulan yang lepas bila saya pergi ke Kajang, misalnya, dari

Bukit Jalil, tolnya ialah 60 sen. Semalam, saya pergi ke Kajang - tolnya RM1.20. Kadar ini meningkat 100%. Apakah kementerian bercadang untuk mengawasi kenaikan kadar-kadar tol dan banyak lagi syarikat utiliti yang telah diswastakan.

**Dato' Haji Abu Hassan bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih di atas maklumat yang telah disampaikan oleh Ahli Yang Berhormat mengenai kenaikan kadar tol seperti yang dikatakan sebentar tadi yang dinaikkan dari 60 sen sehingga kepada RM1.20. Saya ingin maklumat lanjut kerana mengikut apa yang telah dinyatakan oleh rakan saya, Menteri Kerja Raya bahawa perkara ini sedang dipertimbang dan akan dibawa ke Kabinet. Oleh itu, dari segi kenaikan ini kita ingin mendapatkan maklumat supaya bila di Mesyuarat Kabinet nanti kita boleh bincangkan dengan lebih terperinci lagi dan kementerian diberi peluang untuk memberikan pandangan.

Tuan Yang di-Pertua, ingin juga saya menjelaskan bahawa dari segi memastikan tidak ada kekurangan keupayaan pengeluaran (supply bottle-neck) mengenai barang keperluan di pasaran, ini dilaksanakan melalui pemeriksaan harga dan bekalan di premis-premis perniagaan di seluruh negara.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, dalam operasi 'Ops Sedar' yang telah dimulakan pada pertengahan tahun ini, sebanyak 368,930 premis perniagaan telah diperiksa oleh pegawai-pegawai penguatkuasa di seluruh negara.

Seterusnya perbincangan-perbincangan turut diadakan dengan pengeluar-pengeluar barangan supaya mereka dapat meningkatkan pengeluaran apabila dijangka permintaan bertambah serta mengambil langkah bagi mengatasi masalah sistem pengedaran dan pemasaran supaya tidak berlaku kekurangan bekalan di sesuatu kawasan.

Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet mengenai barang-barang perlu yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri baru-baru ini telah mengarahkan semua agensi kerajaan yang bertanggungjawab mengambil langkah segera bagi memastikan bekalan sentiasa mencukupi terutama sekali apabila menghadapi musim-musim perayaan. Sepertimana yang kita maklum pada bulan Februari tahun hadapan, perayaan Tahun Baru Cina dan Hari Raya Aidil Fitri jatuh pada 19hb. dan 20hb. yang berkenaan.

Bagi menyebarkan maklumat kepada pengguna mengenai kesan negatif inflasi, kempen-kempen anti-inflasi sedang rancak dilaksanakan melalui media cetak, elektronik dan risalah-risalah yang diedarkan kepada peniaga dan pengguna. Orang ramai digalakkan berbelanja dengan bijak, mengutamakan barangan tempatan dan meningkatkan tabungan apabila memperolehi lebih pendapatan.

Sehubungan dengan ini, Kempen Anti Inflasi telah dilancarkan dengan rasminya pada 2hb. Jun tahun ini oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dengan tema 'Inflasi Sifar Sasaran Kita'. Melalui kempen ini, semua pihak termasuk pihak swasta, badan-badan sukarela, persatuan-persatuan pengguna dan lain-lainnya digesa melibatkan diri bagi mengambil tindakan yang bersepadu ataupun total integrated approach dalam memerangi inflasi.

Sambutan daripada pihak peniaga terhadap kempen ini juga didapati begitu menggalakkan. Sehingga 4hb. November tahun ini sebanyak 4,590 ruang niaga telah menyertai Program Hari Inflasi Sifar. Bagi mewujudkan golongan pengguna yang lebih komited terhadap peranan dan tanggungjawab dalam membanteras inflasi dan sentiasa mempraktikkan amalan perdagangan yang sihat dan beretika, Kempen Pendidikan Peniaga telah diadakan di seluruh negara dan di semua peringkat.

Para peniaga disaran supaya sentiasa mempunyai tanggungjawab sosial kepada masyarakat dan tidak hanya mementingkan keuntungan semata-mata. Para peniaga diseru supaya menurunkan harga barangan dan menghapuskan cukai sepertimana yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri semasa membentangkan Belanjawan 1996 di Dewan yang mulia ini. Sehubungan dengan ini, kementerian telah melaksanakan operasi yang digelar sebagai 'Ops Budget' untuk memastikan sejauh mana peniaga mematuhi arahan yang dibuat oleh kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian akan terus memberi galakan kepada peniaga supaya menjual barangan dengan harga yang berpatutan melalui Program Pengiktirafan Kedai-kedai Harga Patut. Melalui program ini, kedai-kedai runcit, pasar mini, pasaraya-pasaraya dan restoran-restoran yang memenuhi syarat yang ditetapkan akan diberi pengiktirafan. Sehingga kini sebanyak 724 premis telah diberi pengiktirafan 'Kedai Harga Patut'. Sebagai insentif, premis-premis ini dibenarkan mengiklankan dalam media massa berhubung dengan pengiktirafan yang diperolehi oleh mereka.

Bagi meningkatkan lagi peranan kementerian dalam mengawal inflasi, bilangan pejabat Bahagian Penguatkuasa Kementerian akan dipertingkatkan. Tindakan sedang dibuat bagi menambah lagi bilangan pejabat dan kakitangan supaya penguatkuasaan dan pemeriksaan dapat dilaksanakan dengan lebih cekap dan berkesan. Pusat-pusat aduan pengguna turut diwujudkan di 34 pejabat Cawangan Penguatkuasa yang sedia ada supaya pengguna mempunyai saluran yang terdekat untuk membuat aduan terhadap penyelewengan yang dilakukan oleh peniaga yang tidak bertanggungjawab. Selain daripada itu, pengguna boleh mengemukakan aduan melalui persatuan-persatuan pengguna dan peti aduan pengguna yang disediakan oleh kementerian.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai masalah kekurangan bekalan simen yang menyebabkan kenaikan harga bahan tersebut yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari Kubang Kerian, Baram dan Bagan. Suka saya menjelaskan bahawa Kementerian telah dan sedang mengambil tindakan sewajarnya bagi menentukan bekalan simen adalah mencukupi. Di antara tindakan yang dilaksanakan adalah dengan menetapkan peruntukan simen mengikut negeri dan penyata jualan simen perlu disediakan bagi setiap penjualan simen supaya pengedaran simen dapat dikesan.

Kementerian juga telah mengadakan pemeriksaan fizikal bagi mencegah penyelewengan dan sehingga kini, 107 kes telah ambil tindakan. Kementerian seterusnya telah mengadakan perbincangan dengan pengeluar-pengeluar utama simen supaya kuantiti pengeluaran dapat ditingkatkan lagi bagi menampung jumlah permintaan yang bertambah. Selain dari itu, bagi memastikan simen dijual mengikut harga yang ditetapkan, harga bagi setiap kampil ada dicatat di kampil yang berkenaan. Pengimportan simen juga terus dibenarkan.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan cadangan Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka supaya harga barang petroleum diturunkan selaras dengan penurunan harga minyak di pasaran, ingin saya menjelaskan bahawa harga barangan petroleum dalam negara pada masa ini adalah stabil dan kadar harga pada masa ini adalah berpatutan untuk dibayar oleh pengguna. Kerajaan sentiasa peka terhadap sebarang perubahan harga minyak dan menggunakan mekanisme harga yang terbaik bagi menentukan kestabilan harga petroleum di pasaran.

Mengenai cadangan Ahli Yang Berhormat dari Balik Pulau supaya indeks harga pengguna merangkumi lebih banyak kumpulan barangan dan perkhidmatan termasuk sewa, sukalah dinyatakan bahawa indeks harga pengguna adalah merangkumi 9 kumpulan barangan

dan perkhidmatan. Ia digunakan untuk mengukur kadar purata perubahan harga bagi kumpulan barangan dan perkhidmatan yang telah ditetapkan. Kumpulan barangan dan perkhidmatan tersebut adalah mewakili corak perbelanjaan isi rumah purata di Malaysia dan dirangka khusus untuk dipakai di negara ini.

Metodologi pengiraan yang digunakan oleh Jabatan Statistik adalah berasaskan formula yang digunakan di seluruh dunia dan merupakan satu kaedah yang proven sejak sekian lama dalam pengiraan indeks harga pengguna. Dengan itu, indeks harga pengguna yang digunakan sekarang adalah merupakan petunjuk terbaik bagi kadar inflasi dalam negara. Namun demikian, usaha sedang dibuat bagi mewujudkan IHP atau Indeks Harga Pengguna yang berasingan, yang lebih relevan kepada negara kita.

Mengenai cadangan Ahli Yang Berhormat dari Parit supaya digubal undang-undang bagi membolehkan pembeli memulangkan barangan kepada penjual apabila barangan yang dibeli tidak boleh digunakan, ingin saya menjelaskan bahawa peruntukan ini ada dimasukkan dalam Rang Undang-undang Perlindungan Pengguna yang dicadang dibentangkan di Dewan yang mulia ini dalam Mesyuarat yang sedang berjalan sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan dan cadangan kepada kementerian ini. Segala pandangan dan cadangan daripada semua Ahli-ahli Yang Berhormat akan digunakan sebagai inspirasi dan rangsangan bagi kami di Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna bagi meneruskan matlamat, tugas dan tanggungjawab kementerian yang genap berusia 5 tahun pada 27hb. Oktober yang lalu. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Kementerian Pendidikan.

**8.00 mlm.**

**Timbalan Menteri Pendidikan [Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus]:**

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberikan pandangan sepanjang perbahasan ke atas Rang Undang-undang Perbekalan 1996.

Seramai 43 orang Ahli Yang Berhormat telah membangkitkan berbagai perkara tentang pendidikan. Ini menunjukkan minat yang mendalam di kalangan Ahli-ahli Yang Berhormat akan erti dan makna pendidikan untuk pembangunan dan kemajuan negara kita.

Dalam jangka waktu yang terhad ini, sudah pastilah tidak dapat hendak saya perjelaskan satu persatu secara detail perkara-perkara yang dibangkitkan. Saya akan memberikan penjelasan secara am dan mana-mana yang perlu secara spesifik sahaja. Perkara-perkara yang tidak dapat hendak saya sentuh dalam jawapan ini adalah diambil perhatian dan diteliti dengan cermat.

Pendidikan di negara ini merupakan satu usaha yang berterusan. Selepas 38 tahun kita merdeka, kadar anak-anak yang ke sekolah di peringkat rendah ialah 90% dan di peringkat sekolah menengah ialah 80%. Kira-kira 20% daripada masyarakat kita pula mendapat pendidikan tinggi dan hasrat kita ialah untuk meningkatkan lagi peratusan tersebut untuk membolehkan negara kita menjadi sebuah negara maju.

Berdasarkan kepada fakta-fakta itu juga, kita berpendapat, tidak perlulah kita mewajibkan anak-anak ke sekolah kerana kadar penyertaan murid-murid ke sekolah sekarang adalah yang tertinggi di dunia. Kejayaan masa depan kita banyak bergantung kepada komitmen semua lapisan yang terlibat dalam bidang pendidikan. Kerajaan sedar pentingnya asas-asas yang perlu disediakan untuk kemajuan tersebut. Itu sebabnya peruntukan di bidang pendidikan senantiasanya meningkat dari se masa ke semasa untuk menokok-tambah

kemudahan-kemudahan dan memastikan kemudahan-kemudahan sentiasa berada dalam keadaan yang sebaik mungkin.

Di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh, Kementerian Pendidikan telah diperuntukkan sebanyak RM1.2 ribu juta bagi pendidikan rendah; RM1.4 ribu juta bagi pendidikan menengah; RM86.5 juta bagi pembinaan asrama; dan RM400 juta bagi pembinaan rumah guru. Begitu bentuk komitmen kerajaan yang kita harap akan disahut dengan lebih hebat lagi oleh setiap daripada kita yang ingin melihat pendidikan di negara ini terus maju dan berjaya.

Penyediaan kemudahan-kemudahan asas dan peralatan-peralatan yang terkini termasuk asrama pelajar yang mencukupi memberi kesan yang besar ke arah keberkesanan pendidikan, sama ada di bandar ataupun di luar bandar. Kita tidak ada membezakan penyaluran kemudahan-kemudahan tersebut. Di kawasan-kawasan bandar, Kementerian Pendidikan telah pun melaksanakan garis panduan supaya bagi setiap 1,250 unit rumah, pihak pemaju dikehendaki menyediakan tapak seluas 6 ekar bagi pembinaan sekolah rendah.

Bagi kawasan perumahan baru yang mempunyai 2,500 unit rumah pula, pihak pemaju dikehendaki menyedia dan menyerahkan kepada pihak berkuasa tapak bagi pembinaan sebuah sekolah menengah dan dua buah sekolah rendah. Langkah ini dilakukan supaya kerajaan dapat menyediakan bilangan sekolah yang mencukupi di masa akan datang.

Di kawasan luar bandar pula, sebagai satu cara untuk mempertingkatkan keberkesanan pendidikan di kalangan pelajar-pelajar, maka Kementerian Pendidikan ada rancangan untuk mencantumkan sekolah-sekolah kecil. Percantuman ini akan dilaksanakan mengikut kesesuaian lokasi dan kemudahan sistem pengangkutan di kawasan-kawasan terlibat.

Sebagai satu cara ke arah mencapai matlamat integrasi nasional, Kementerian Pendidikan juga akan mengadakan sekolah secara bersepadu seperti yang dibangkitkan oleh

Ahli Yang Berhormat dari Batang Lupar. Istilah yang kita gunakan mengenai sekolah demikian ialah sekolah wawasan.

Kementerian Pendidikan juga berusaha untuk mengatasi masalah keciciran di sekolah-sekolah rendah. Antara langkah-langkah tersebut termasuklah menambah bilangan guru-guru terlatih dan kemudahan-kemudahan fizikal berkaitan dengan pelajaran dan pembelajaran.

Perbezaan di antara pelajar-pelajar yang cerdas dan lemah dalam pelajaran juga tidak dilupakan. Kementerian Pendidikan sedang mengkaji untuk memendekkan tempoh persekolahan bagi yang cergas dan memanjangkan tempoh persekolahan tersebut bagi mereka yang lemah.

Kita berpendapat, pembentukan pelajar mestilah bermula pada peringkat pra sekolah. Oleh itu, Kementerian Pendidikan telah pun membuka kelas-kelas pra sekolah di kawasan luar bandar di seluruh negara sejak tahun 1992. Kita berharap dengan mengadakan pendidikan pra sekolah di setiap sekolah rendah pada masa yang akan datang. Pelajar-pelajar merupakan pewaris masa depan kita. Oleh itu, setiap pelajar, terutama yang miskin.....

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, ada yang bangun.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri mengenai kelas-kelas pra sekolah yang dikendalikan oleh Kementerian Pendidikan. Adakah pihak kementerian sedar bahawa apabila kelas-kelas prasekolah dikemukakan oleh Kementerian Pendidikan lebih kurang dua tiga tahun yang lalu, sekolah-sekolah itu tidak diberi kemudahan yang sewajarnya, bermakna tidak diberi peruntukan yang secukupnya untuk menyediakan penubuhan kelas-kelas pra

sekolah sehingga ini membabitkan banyak masalah kepada Wakil Rakyat yang dikejar untuk memberi peruntukan yang segera dalam keadaan yang segera dan yang tergesa-gesa. Adakah keadaan ini akan berterusan?

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** Terima kasih, Yang Berhormat dari Parit Sulong. Tuan Yang di-Pertua, kita sedar akan kekurangan-kekurangan dan permasalahan-permasalahan yang menyelubungi kemudahan di peringkat prasekolah ini. Itu sebabnya kita telah pun menilai semula program ini bagi mengatasi masalah-masalah dan kekurangan-kekurangan yang ada dengan harapan Wakil-wakil Rakyat kita tak payah kena kejar lagi di masa-masa yang akan datang, insya-Allah. *[Tepuk]*

Selangkah daripada itu, kerajaan telah pun mengarahkan supaya dibentuk satu jawatankuasa khas di antara tiga buah kementerian untuk meneliti akan senario yang menyelubungi keseluruhan kemudahan prasekolah di negara kita ini termasuk jugalah kelas-kelas prasekolah yang diuruskan oleh pihak swasta.

Tuan Yang di-Pertua, pelajar-pelajar merupakan pewaris masa depan kita. Oleh itu setiap pelajar, terutama yang miskin dan cerdas senantiasanya cuba diberikan seberapa banyak kemudahan yang mungkin bagi membolehkan mereka menimba ilmu dan pengetahuan. Kemudahan-kemudahan seperti buku teks dan biasiswa diberikan terutama kepada mereka yang miskin sehinggalah peringkat pendidikan tinggi.

Melalui kemudahan-kemudahan dan juga bantuan-bantuan yang disediakan oleh kerajaan itu, kita perhatikan bahawa pelajar-pelajar di semua peringkat telah mencapai kemajuan dan kejayaan yang boleh dibanggakan, terutama di luar bandar. Kita yakin ia boleh dipertingkatkan lagi melalui amalan-amalan dan kaedah-kaedah pengajaran yang lebih baik dan disertai oleh kesedaran disiplin yang tinggi di kalangan pelajar-pelajar, guru-guru dan ibu

bapa serta semua pihak yang terlibat dan berminat untuk melihat pendidikan terus maju dan berjaya di negara kita ini.

Ramai juga di antara Ahli-ahli Yang Berhormat menyentuh tentang kebajikan guru. Kita sedar peranan dan sumbangan guru dalam memajukan pendidikan adalah amat besar. Memandangkan kepada suasana yang menyelubungi perkhidmatan perguruan sekarang, maka Kementerian Pendidikan telah membentuk satu Jawatankuasa Petugas bagi mengkaji keseluruhan masa depan perkhidmatan perguruan di negara ini.

Bidang tugas yang diberikan kepada Jawatankuasa Petugas ini merangkumi soal-soal tangga gaji, kenaikan pangkat dan perumahan guru-guru. Jawatankuasa itu akan menyiapkan laporannya dan akan dikemukakan kepada kerajaan untuk diteliti dan kemudiannya dilaksanakan, insya-Allah.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, perumahan guru telah dijadikan salah satu aspek utama dalam Rancangan Malaysia Ketujuh. Kita juga telah mengenal pasti tempat-tempat yang kritikal di mana rumah-rumah tersebut dapat dibina secepat mungkin. Kita berharap, melalui tindakan ini, dapatlah kita wujudkan suasana yang lebih selesa dan menarik bagi guru-guru kita.

Satu perkara yang selalu dibangkitkan juga ialah soal penempatan guru-guru. Kita sedar benar akan masalah ini dan seboleh-bolehnya kita cuba menempatkan mereka, terutama yang sudah berkahwin di tempat yang sama. Namun demikian, kemampuan Kementerian Pendidikan berbuat demikian juga agak terhad.

Soal kekurangan guru-guru juga menjadi masalah. Oleh itu mulai tahun 1994 dan 1995 ini, kita telah mula mengambil guru-guru pelatih di maktab-maktab dua kali setahun.

Kita berharap, melalui tindakan ini dapatlah secara beransur-ansur dihadapi masalah kekurangan guru-guru terutama sekali di kawasan-kawasan pedalaman.

Mengenai usaha-usaha hendak mempertingkatkan kemahiran guru-guru, latihan intensif dibuat melalui kursus dalam perkhidmatan di dalam dan di luar negeri. Kementerian Pendidikan amat peka akan perlunya diterapkan unsur-unsur dan nilai-nilai yang terkini di dalam pendidikan negara.

Beberapa Ahli Yang Berhormat telah menyentuh tentang soal kurikulum dan pendidikan jarak jauh. Kurikulum pendidikan kita sentiasa diterapkan dengan unsur-unsur yang baru. Di dalam usaha untuk meningkatkan keberkesanan kurikulum sekolah, Kementerian Pendidikan telah memperkenalkan beberapa mata pelajaran baru seperti reka cipta, komputer di dalam pendidikan, lukisan kejuruteraan dan teknologi kejuruteraan. Penekanan terhadap semua ini adalah sebagai usaha untuk memantapkan pelajar dengan pelbagai ilmu dan kemahiran serta sebagai usaha membekalkan tenaga mahir dan bermotivasi.

Pendidikan di Malaysia adalah berteraskan Falsafah Pendidikan Negara (FPN) yang melaksanakan semua aspek pembangunan insan termasuklah dari segi spiritual dan moral. Semua kurikulum digubal ke arah melahirkan manusia yang berketrampilan dan harmonis dalam semua aspek dan falsafah tersebut dan selaras dengan kehendak dan tuntutan agama Islam.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Parit Sulong bangun Yang Berhormat.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya tertarik oleh kerana saya juga menyebut mengenai Pendidikan Jarak Jauh (Long Distance Learning).

Jadi, adakah Yang Berhormat Menteri sudah habis mengenai huraian itu ataupun belum sampai lagi? Kalau belum sampai saya tidak akan bertanya. Kalau sudah selesai mengenai Pendidikan Jarak Jauh saya hendak bertanya sedikit.

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** Belum sampai.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Belum sampai.

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** Kementerian Pendidikan juga akan melancarkan projek literasi komputer kepada 90 buah sekolah di bandar yang telah sedia ada kemudahan komputer dan guru. Di samping itu, pada tahun 1997 mata pelajaran komputer akan ditawarkan di sekolah-sekolah menengah sebagai mata pelajaran pilihan.

Sejak tahun 1992 lagi, semua guru pelatih di maktab perguruan diwajibkan mengikuti kursus literasi komputer termasuk guru sains dan matematik. Bagi guru yang sedang berkhidmat, mereka diberi peluang untuk mengikuti kursus dalam perkhidmatan selama 14 minggu di bidang komputer dalam pendidikan yang diadakan di beberapa buah maktab perguruan sejak tahun 1994.

Mengenai kurikulum pendidikan Islam, suka saya jelaskan bahawa kurikulum itu digubal berdasarkan pandangan dari semua sektor masyarakat dan berpandukan kepada keseluruhan pendidikan agama itu sendiri. Ia merangkumi semua perkara tentang keperluan manusia dari segi kehidupan, hubungan dengan Allah, kekeluargaan dan hubungan sesama manusia. Pendidikan ini perlu diteruskan dan dilengkapi lagi dengan kerjasama ibu bapa dan masyarakat.

Mengenai soal kurikulum sekolah agama negeri, Kementerian Pendidikan senantiasa memberi kerjasama kepada kerajaan-kerajaan negeri dan Pusat Islam Malaysia dalam penggubalan dan penyelarasannya. Adalah menjadi hasrat Kementerian Pendidikan untuk menyelaraskan kurikulum-kurikulum di semua peringkat.

Yang Berhormat dari Parit Sulong, ha dah sampai... *[Ketawa]* telah mempersoalkan kualiti program Pendidikan Jarak Jauh. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, program Pendidikan Jarak Jauh (PJJ) yang sedia ada di institusi pengajian tinggi tempatan (IPT) tempatan memang setaraf dengan program pengajian sepenuh masa sama ada dari segi kandungan kursus mahupun taraf ijazah atau diploma yang dianugerahkan.

Berhubung dengan menaikkan taraf sekolah menengah vokasional (SMV) menjadi sekolah menengah teknik...

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, Parit Sulong bangun.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Ini yang saya tunggu Tuan Yang di-Pertua. Jadi, apakah falsafah pendidikan jarak jauh ini pada masa akan datang? Adakah apabila Kementerian Pendidikan mewujudkan sistem Pendidikan Jarak Jauh bermakna seseorang itu membuat kursus secara koresponden selama dua tahun macam yang dilakukan oleh USM sekarang dan pada tahun-tahun yang akhir akan pulang ke kampus menduduki peperiksaan ataupun sistem Pendidikan Jarak Jauh ini akan diperkenalkan ke seluruh negara menerusi penggunaan multimedia (multimedia applications) sebagaimana yang diwujudkan di negara-negara barat? Ini yang saya hendak tanyakan lebih detail mengenai hal ini.

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** Terima kasih, rakan saya Yang Berhormat dari Parit Sulong. Sebenarnya kita ada pengalaman tetapi belum cukup banyak tentang Pendidikan Jarak Jauh ini yang telah pun dimulakan di universiti-universiti kita dan berdasarkan kepada pengalaman yang ada dan juga perkembangan-perkembangan di negara-negara lain, kita sedang meneliti tentang cara-cara dan metodologi yang kita fikirkan sesuai untuk iklim dan kepentingan masa depan kita. Apabila telah kita muktamadkan nanti, saya

percaya kita akan isytiharkan sistem ataupun cara yang akan dilaksanakan kerana saya bersetuju kemungkinan pada suatu masa nanti kita akan mengamalkan PJJ ini dengan langsung tidak payah kita keluar daripada rumah. Berdasarkan kepada kemudahan-kemudahan media elektronik yang sedang berkembang dengan pesat sekarang ini dan kita juga dalam masa yang sama sekarang ini sedang cuba mempertingkatkan dan mendedahkan murid-murid dan pelajar-pelajar kita tentang kaedah-kaedah dan cara-cara menimba ilmu dan pengetahuan melalui peralatan teknologi yang kian canggih. Insya Allah, kita akan umumkan.

Berhubung dengan menaikkan taraf sekolah menengah vokasional (SMV) menjadi sekolah menengah teknik (SMT), kerajaan telah bersetuju untuk menstruktur dan menaikkan taraf semua sekolah menengah vokasional (SMV) menjadi sekolah menengah teknik (SMT) secara berperingkat-peringkat mulai sesi persekolahan 1995/1996. Ini bermakna tidak wujud maktab teknik seperti yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat. Penstruktur SMV kepada SMT akan meningkatkan bilangan pelajar yang melanjutkan pelajaran di bidang teknikal ke peringkat politeknik dan universiti dan sekaligus meningkatkan pengeluaran juruteknik dan jurutera menjelang tahun 2020.

Menyentuh proses pengambilan pelajar ke SMT pula, ia dilakukan dengan teliti dan rapi melalui garis panduan dan kriteria yang telah ditetapkan. Kurikulum SMT yang baru telah dilaksanakan mulai 1994 di 9 buah SMT yang sedia ada. Kurikulum yang sama akan digunakan di semua SMV yang distrukturkan kepada SMT. Setiap jurusan yang ditawarkan di sekolah menengah teknik terdiri daripada kumpulan mata pelajaran teras dan mata pelajaran elektif dengan mengambil kira keperluan-keperluan dan aspirasi negara secara jangka pendek dan jangka panjang.

Berhubung dengan isu pengkorporatan institusi pengajian tinggi (IPT) yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat dari Marang, saya tegaskan bahawa adalah tidak benar kerajaan mengenyahkan pandangan dari pensyarah-pensyarah universiti. Kerajaan sentiasa mengambil perhatian ke atas cadangan serta pandangan daripada semua pihak sama ada kakitangan akademik, badan-badan pelajar dan orang ramai sebelum mengambil keputusan mengkorporatkan IPT.

Mengenai dakwaan akan wujudnya diskriminasi antara golongan kaya dan miskin akibat pengkorporatan IPT, kerajaan tetap memastikan wujudnya mekanisme yang membantu pelajar-pelajar miskin. Kecemerlangan akademik akan tetap menjadi faktor utama pemilihan kemasukan ke IPT tempatan. Dalam hubungan ini, kerajaan akan memastikan kadar yuran pengajian adalah munasabah dan skim pinjaman diwujudkan supaya setiap pelajar mendapat jaminan pinjaman pelajaran yang sesuai.

Mengenai cadangan supaya nilai-nilai Islam dan moral diterapkan dalam Kurikulum Baru Sekolah Menengah dan falsafah pendidikan, sebenarnya Kementerian Pendidikan telah mengambil kira perkara tersebut dengan memberi penekanan dari segi penerapan dan pengukuhan nilai-nilai Islam dan moral dalam pendidikan di Malaysia.

Berhubung dengan dakwaan bahawa sistem pendidikan sekarang yang belum dapat menghasilkan manusia yang baik, Kementerian Pendidikan sentiasa berusaha untuk mempertingkatkan sistem dan kualiti pendidikan agar dapat memenuhi keperluan semasa dan cabaran masa hadapan. Sistem pendidikan yang sedia ada digubal selaras dengan kehendak falsafah pendidikan negara iaitu dengan memberikan penekanan terhadap pendidikan yang berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu.

Keserasian gabungan antara bidang ilmu dan nilai yang bersifat ‘sarwa- jagat’ dijadikan asas untuk memupuk keperibadian pelajar bagi menghasilkan manusia yang baik. Dakwaan yang menyatakan kesan penjajahan masih kekal dalam sistem pendidikan sekarang adalah tidak benar. Sistem pendidikan sekarang telah lama mengikis kesan peninggalan pendidikan penjajah.

Kementerian Pendidikan telah mengemukakan pendekatan-pendekatan sistem pendidikan yang dapat memenuhi kehendak negara. Perubahan-perubahan kurikulum pendidikan ini bukan sahaja untuk memenuhi matlamat Falsafah Pendidikan Negara (FDN), malahan merealisasikan wawasan negara.

Kementerian telah berjaya mewujudkan satu sistem pendidikan yang beracuan sendiri, yang mampu memenuhi matlamat dan cabaran negara. Adalah tidak benar dakwaan Yang Berhormat mengatakan bahawa pendidikan Islam hanya melahirkan ilmuan-ilmuan seperti ‘robot’ dan ‘burung kakak tua’ tanpa mampu menyelesaikan masalah-masalah semasa, kerana generasi yang dilahirkan dalam pendidikan Malaysia jelas mampu mengendalikan dengan baik.

Soal peranan universiti sebagai institusi pendidikan dan kemahiran seperti yang disentuh oleh Yang Berhormat dari Balik Pulau memang penting. Perlu ditegaskan salah satu daripada matlamat pengkorporatan universiti ialah mewujudkan sistem pengurusan yang lebih berkesan dan sesuai dengan fungsi pendidikan tinggi, seperti penyelidikan, penerbitan dan khidmat masyarakat.

**Dr. Tan Seng Giaw:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, Kepong bangun.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Saya tertarik kepada hujah Yang Berhormat Timbalan Menteri mengenai pendidikan dan setengah-setengahnya nampak strategi yang baik. Walau bagaimanapun, bilakah butiran mengenai pengkorporatan universiti dapat diumumkan, kerana setakat ini kita memang di dalam kegelapan, gelap-gelita untuk mengetahui apa sahaja yang dimaksudkan sebagai pengkorporatan tanpa mengorbankan standard, mutu dan juga pelajar-pelajar yang kurang mampu?

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** Terima kasih, di atas pandangan baik Yang Berhormat terhadap apa yang telah saya sebutkan setakat ini.

Sepanjang yang berkaitan dengan soal pengkorporatan ini, saya harap bukan sahaja Yang Berhormat, semua kita pun hendak tahu rasa saya, tinggal lagi perkara itu masih lagi dalam penelitian kita. Jadi, selagi perkara ini tidak diselesaikan, kita tidak dapat hendak membentangkannya pada umum dan memberitahu perkara-perkara yang belum muktamad, kerana kita tidak mahu tugas kita atau usaha kita ini terjejas di peringkat pelaksanaannya nanti. Namun demikian, saya suka memberi jaminan kepada Dewan yang mulia ini bahawa soal-soal kualiti, mutu pendidikan dan jaminan ataupun kepastian untuk membolehkan pelajar-pelajar yang kurang mampu untuk meneruskan pelajaran mereka. Itu adalah perkara-perkara pokok, perkara-perkara asas yang akan dipastikan oleh pihak kementerian supaya jangan terjejas dalam rangka kita hendak mengkorporatkan institusi-institusi pengajian tinggi di negara kita ini.

Setakat itu yang dapat saya memberikan penjelasan kepada Yang Berhormat.

**Dr. Tan Seng Giaw:** [*Bangun*]

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** Ada lagi...

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Dia bangun lagi.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, penjelasan sekali lagi. Selain daripada pengkorporatan, satu dekad yang lepas, kerajaan bermula dengan Kurikulum Baru Sekolah Rendah, kemudian disusuli dengan Kurikulum Baru Sekolah Menengah, tetapi kita tidak pernah dengar kurikulum baru untuk universiti, cuma pengkorporatan sahaja. Apakah yang terjadi dengan falsafah pendidikan di kementeriannya untuk kurikulum baru bagi universiti, kerana ini memang daripada sekolah rendah kepada menengah dan kemudian kepada universiti? Itu memang satu aliran baru untuk kurikulum bagi mewujudkan insan yang kamil.

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** Terima kasih, Yang Berhormat. Saya fikir apabila perkara-perkara ataupun fakta-fakta mengenai pengkorporatan ini kita isytiharkan nanti ianya akan merangkumi perkara-perkara Yang Berhormat minati itu.

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu, Kementerian Pendidikan juga mengambil kira keperluan dan kehendak tenaga manusia mahir dan separuh mahir secara jangka pendek dan juga jangka panjang.

Penglibatan pendidikan vokasional dan di masa akan datang teknik di dalam sistem latihan kemahiran melalui sistem pentaulihan juga berpotensi memantapkan lagi sistem latihan dan seterusnya melahirkan lagi lebih ramai tenaga mahir yang berkualiti pada masa yang akan datang.

Beberapa orang Ahli Yang Berhormat telah menyentuh tentang kedudukan dan martabat Bahasa Malaysia dalam sistem pendidikan kita dan penggunaannya. Saya suka menegaskan bahawa dasar dan pegangan serta sikap kerajaan dari segi hendak memelihara martabat Bahasa Malaysia tidak boleh dikompromikan.

Akta Pendidikan memastikan kedudukan Bahasa Malaysia tidak terjejas. Perkara ini bukan hanya terjamin apabila penggunaan bahasa tersebut dilaksanakan dengan meluaskan

di semua pihak, di semua aspek kehidupan. Selain daripada langkah-langkah yang diambil dan dilaksanakan oleh pihak kerajaan untuk mencapai matlamat tersebut. Semua pihak termasuk orang perseorangan, institusi swasta, media massa dan sebagainya perlu menguasai Bahasa Malaysia dan menggunakannya pada bila-bila masa.

Soal menggunakan bahasa Inggeris dalam pengajaran sains dan teknologi pada kita hanyalah dianggap sebagai alat untuk menimba ilmu pengetahuan sahaja. Ini disebabkan sebahagian besar buku dan bahan rujukan dalam bidang-bidang tersebut adalah dalam bahasa Inggeris. Langkah ini juga boleh menarik lebih ramai pelajar asing mengikuti pengajian di Malaysia selaras dengan hasrat kerajaan menjadikan negara ini sebagai pusat kecemerlangan ilmu di rantau ini.

Cadangan Kementerian Pendidikan untuk mengajar bahasa Mandarin di sekolah-sekolah kebangsaan adalah sebagai langkah untuk memberi peluang kepada lebih ramai murid mempelajari bahasa tersebut. Cadangan ini tidak seharusnya dilihat sebagai langkah untuk menjejaskan kedudukan guru bahasa Mandarin di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina) kerana Kementerian Pendidikan tentu sekali akan memastikan bekalan guru untuk mengajar mata pelajaran itu mencukupi sebelum kelas dimulakan.

Kementerian Pendidikan mempunyai rancangan untuk menambah alihan pelatih pengajian bahasa Cina dan Tamil pada tahun 1996. Di samping itu, kementerian juga sedang merancang untuk menjalankan kursus dalam cuti bagi guru-guru sandaran tidak terlatih yang sedang mengajar bahasa Cina dan bahasa Tamil. Soal.....

**Dr. Tan Seng Giaw:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Kepong bangun.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Saya tidak berpendapat bahawa ini adalah perbuatan yang salah, malah pihak Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina) dan juga (Tamil) mesti menunjukkan

standard dan mutu mereka. Kalau standard dan mutu mereka tinggi, maka masalah itu tidak timbul - itu pendapat saya. Walau bagaimanapun, saya tertarik kepada kontroversi yang timbul di dalam akhbar mengenai beberapa peruntukan rang undang-undang pendidikan baru ini mengenai Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina) dan (Tamil), juga mengenai Lembaga Pengelola/Pengurus dan beberapa masalah terhadap sekolah persendirian Cina dan sebagainya. Apakah penyelesaian sebelum rang undang-undang dibentangkan?

**Dato' Haji Mohd Khalid bin Mohd. Yunus:** Tuan Yang di-Pertua, kita tidak menimbulkan kontroversi dan kita jangan cepat sangat hendak membuat andaian terhadap sesuatu perkara yang timbul yang menyentuh soalan pendidikan kerana perkara-perkara itu terlalu sensitif dan eksplosif kadang-kala. Cuma saya harap, oleh kerana Rang Undang-undang Pendidikan itu belum lagi dibentangkan, ketepatan itu boleh dipersoalkan. Saya kata, dari segi kedudukan sekolah rendah jenis kebangsaan, perkara ini tidak patut menjadi polimik lagi kerana kita tegaskan bahawa apa juga perkara yang kita buat dari segi pendidikan di negara kita ini mengambil kira senario, sentimen dan perasaan kaum-kaum di negara kita ini.

Jikalau kita boleh dapat berfikir secara rasional tentang perkara ini, saya percaya tidak ada kontroversi yang boleh timbul. Cuma yang menjadi kontroversi ialah kerana ada orang yang hendak menjadikannya sebagai satu kontroversi dan polimik yang bukan kadang-kala, tetapi sepanjang masa untuk mendapatkan sedikit political mileage. Itu sahaja.

Yang Berhormat, Jangan timbul-timbulkan lagilah, ya?

Jadi, soal status, ya, ini saya hendak sebut! Soal status sekolah rendah jenis kebangsaan dan kedudukan Lembaga Pengurus Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan. Di dalam Akta Pendidikan yang baru serta pengesyorkan supaya Akta tersebut dijadikan lebih liberal demi kepentingan semua kaum juga disentuh. Sebenarnya, ini Yang Berhormat dari Kepong

dengar sedikit. Tolong. Sebenarnya Akta tersebut bertujuan untuk memperbaiki sistem pendidikan dan tidak bertujuan untuk menjejaskan kedudukan sekolah-sekolah yang ada. Very clear - loud and clear. Ia juga digubal berdasarkan kepada kepentingan pendidikan semua kaum di Malaysia. Ini tidak patut ada apa-apa kontrovaksi lagilah, Yang Berhormat, Ya?

Tuan Yang di-Pertua, semua urusan yang berkait dengan pendidikan adalah dinaungi oleh Akta Pendidikan. Cadangan Yang Berhormat dari Tanjong dan Yang Berhormat dari Bagan supaya Rang Undang-undang Pendidikan 1995 dikemukakan kepada masyarakat untuk dikaji, adalah baik. Walau bagaimanapun, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Rang Undang-undang tersebut telah dikemukakan kepada Majlis Perundingan Akta Pendidikan yang diwakili oleh pelbagai jenis pertubuhan termasuk pertubuhan-pertubuhan masyarakat, parti-parti politik dan pertubuhan-pertubuhan awam daripada pelbagai kaum.

Kementerian Pendidikan telah mengambil maklum akan pandangan dan cadangan yang dikemukakan dalam beberapa sidang majlis tersebut. Oleh itu, kesemua ahli masyarakat sebenarnya telah diwakili dalam mengkaji Rang Undang-undang tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, jadi, pada akhirnya saya sekali lagi suka mengucapkan banyak terima kasih kepada setiap Ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan perkara-perkara yang berkait dengan Kementerian Pendidikan dan saya menyanjung tinggi di atas pandangan, teguran malahan nasihat-nasihat yang diberikan kepada kita di Kementerian Pendidikan bagi memastikan masa depan pendidikan di negara kita ini terus maju dan berjaya, insya-Allah. Terima kasih. *[Tepuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Kementerian Penerangan.

**8.35 mlm.**

**Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan [Datuk Mohd. Shafie bin Haji**

**Apdal]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh beberapa perkara di bawah tanggungjawab Kementerian Penerangan semasa membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan 1996 di Dewan yang mulia ini.

Ahli Yang Berhormat dari Marang berasa kluatir ke atas usaha pembangunan manusia yang mungkin akan terjejas dan unsur-unsur negatif yang dihasilkan oleh media massa, cetak dan elektronik kerana kekurangan penekanan kepada akhlak tetapi sebaliknya mementingkan keperluan komersil. Di samping itu siaran melalui satelit jika tidak dikawal dan ditapis akan boleh memberi kesan negatif kepada akhlak dan budaya.

Saya ingin menjelaskan bahawa kerajaan sememangnya telah mempunyai peraturan, garis panduan dan sistem pengurusan bagi memastikan bahan-bahan yang disiarkan dalam radio dan televisyen sesuai dengan selera pendengar dan penonton pelbagai kaum dan lapisan masyarakat. Antara perkara yang lazim diberi penekanan ialah memastikan bahan-bahan siaran itu hendaklah yang boleh memberi maklumat dan mendidik masyarakat ke arah cara hidup yang sesuai dengan nilai-nilai murni masyarakat di negara ini.

Dalam hubungan ini, selain daripada semua bahan-bahan berbentuk filem dan video ditapis oleh Lembaga Penapisan Filem, Kementerian Dalam Negeri, juga ditapis pada peringkat kedua sebelum disiarkan. Radio dan Televisyen Malaysia (RTM) telah menubuhkan sebuah Jawatankuasa Penapisan Lagu, Filem dan Video sebelum bahan-bahan itu disiarkan di radio dan televisyen. Mana-mana adengan yang tidak sesuai disiarkan akan dipotong untuk kali kedua.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Parit Sulong bangun, Yang Berhormat.

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Ya.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya memang menyokong apa yang dilakukan oleh Kementerian Penerangan. Cuma sekarang ini ada satu trend, iaitu radio-phone-in yang di mana pendengar akan menelefon. Bagaimanakah garis panduan yang dilakukan.

Yang keduanya, saya dapati satu rangkaian radio di bawah kuat kuasa Kementerian Penerangan, saya rasa susah hendak diterima. Apabila pengacara program bercakap orang Putih, yang menelefon cakap Melayu yang menjawab cakap orang Putih - bahasa Inggeris. Ini, saya tidak tahu macam mana hendak kita kompromikan perkara macam ini. Kalau tidak silap saya, 'Radio Four'kah, 'Ninty Seven Point Three'kah atau apakah tetapi bukannya 'Times Highway', tetapi di bawah jagaan terus Kementerian Penerangan. Di satu tengah hari itu saya dengar pengendali program itu bercakap bahasa Inggeris, para pendengar yang menelefon majoritinya cakap bahasa Melayu dan segala persoalan yang dijawab itu dalam bahasa Inggeris. Adakah ini satu sesi pendidikan Inggeris dan Melayu di udara? Terima kasih

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan yang dibangkitkan oleh rakan saya, sebenarnya Kementerian Penerangan bukan sahaja telah menekankan tentang peraturan-peraturan menghendakkan tentang penggunaan bahasa-bahasa yang patut digunakan, ada setengah-setengah rangkaian radio mahupun televisyen, kita kenakan tentang penggunaan bahasa Melayu sepenuhnya seperti Rangkaian Televisyen 1, manakala radio-radio juga kita bagi penekanan.

Yang Berhormat, saya akan menjawab soalan ini kerana akan menyentuh di beberapa muka surat nanti akan lebih jelas lagi.

Tuan Yang di-Pertua, mana-mana adegan yang tidak sesuai disiarkan akan dipotong untuk kali yang kedua, termasuk antaranya adegan seks, ganas, tahyul dan yang bertentangan dengan nilai-nilai universal. Sistem penapisan itu akan terus ditingkatkan dari semasa ke semasa selaras dengan hasrat kerajaan untuk menghasilkan masyarakat berbudaya dan mengamalkan nilai-nilai murni. Ahli Yang Berhormat dari Parit telah menyentuh tentang kualiti terjemahan,...

**Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Libaran bangun.

**Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih dan Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan. Saya cuma hendak tanya di sini, apakah tindakan yang diambil oleh Kementerian Penerangan terhadap corak dan gaya iklan yang ditayangkan, seperti 'Breakaway' menunjukkan banyak lokasi dan pakaian Barat kepada sesuatu yang menonjolkan keindahan negara dan kebudayaan kita.

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan daripada rakan saya Yang Berhormat dari Libaran, sebetulnya saya pun telah menyentuh perkara ini dalam sesi Soal-Jawab pada minggu yang lalu mengenai dengan kod iklan, di mana kementerian sedang menggubal satu kod etika iklan yang baru, yang mana kita menekankan beberapa budaya dan penekanan tentang budaya, tidak ada unsur budaya negara kita selaras dan hasrat dan matlamat kerajaan kita. Maka menerusi kod iklan yang baru ini, insya-Allah, kita akan mengawal. Ada di antara para pengiklan yang telah memaparkan

beberapa adegan yang tidak selaras, seperti Malboro. Ke arah ini, kementerian telah mengarahkan kepada pihak-pihak yang terlibat untuk mengambil dan menarik balik iklan-iklan ini selama 6 bulan daripada tempoh yang telah ditetapkan oleh Yang Berhormat Menteri Penerangan, saya ingat dua tiga bulan yang lalu.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Parit Sulong bangun, Yang Berhormat .

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf kepada Setiausaha Parlimen. Ini mengenai iklan juga. Saya memang telah banyak kali menyuarakan suara saya di Dewan Rakyat ini. Yang saya tanya, adakah sekarang ini mempunyai kod etika? Kalau sudah ada kod etika, saya rasa perundangan sahaja tidak cukup untuk menjadikan mereka ini sedar. Saya rasa harus orang-orang ini dipanggil dan diberi penjelasan sejelas-jelasnya apakah itu aspirasi nasional kita. Oleh kerana kalau ada orang yang melanggar kod etika, kita hendak buat undang-undang yang baru, esok undang-undang baru pun mereka langgar juga.

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Seperti yang saya jelaskan tadi kita sudah ada satu kod etika, tetapi saya rasa kod ini kita gunakan selama 20 tahun yang sudah, jadi perlu ada perubahan. Kerana semakin pesat penggunaan sistem yang ada pada hari ini, di mana lagi tokok-tambah pada tahun akan datang, kita akan melancarkan satu satelit MEASAT. Insyallah, ini akan dapat dipaparkan berbagai-bagai cerita dan drama yang datang dari negara luar dan perlu kita hendak membendung dan mengawal. Maka kod etika baru ini insyallah akan mengambil kira beberapa perkara seperti yang disuarakan Ahli-ahli Yang Berhormat.

Sesungguhnya, Tuan Yang di-Pertua, terjemahan seni kata RTM adalah berlandaskan garis panduan yang telah ditetapkan, iaitu terjemahan yang tepat, ringkas dan mudah difahami. Ianya berbeza dengan apa yang dilakukan di panggung wayang atau terjemahan teks, kerana ruang skrin televisyen yang terhad dan perubahan adegan yang pantas, maka ayat-ayat penting sahaja diterjemahkan, diringkaskan, dan dalam masa yang sama dipastikan agar maknanya tidak terpesong.

RTM tidak menggalakkan terjemahan yang lebih panjang, kerana sukar bagi penonton membaca dan menonton pada ketika yang sama. Terjemahan yang panjang juga menyukarkan penterjemah menyiarkan sari kata mengikut segmen cerita. Ada-kalanya satu-satu adegan tidak diterjemah walaupun dialognya panjang kerana ia tidak penting mengikut jalan cerita.

Ahli Yang Berhormat dari Batang Sadong telah menyarankan supaya RTM, Jabatan Penerangan serta agensi-agensi lain supaya mengatur program yang lebih agresif, inovatif dan radikal dalam bidang pembangunan, pembangunan sosial dan agama. Dalam hubungan ini, adalah dimaklumkan bahawa aktiviti-aktiviti kefahaman pembangunan sosial dan agama sememangnya menjadi salah satu aktiviti utama yang dilaksanakan oleh Jabatan Perkhidmatan Penerangan dalam RTM. Jabatan Perkhidmatan Penerangan memasarkan maklumat mengenainya melalui sistem komunikasi bersemuka, penerbitan dan penyebaran risalah dan sebahagiannya yang dianggap paling berkesan dalam menyampaikan dan memasarkan mesej. Manakala RTM pula menggunakan radio dan televisyen bagi menyampaikan dan menyebarkan maklumat mengenai perkara ini.

Antara yang diberikan penekanan di bawah program ini ialah peranan dan tanggungjawab seseorang individu dan masyarakat di negara ini terhadap pembangunan sosial dan agama. Di samping itu, melaksanakan aktiviti-aktiviti sivik, pembangunan rohani

di masjid, surau-surau, dewan-dewan di kampung-kampung. Ceramah-ceramah dan forum khas berhubung soal keagamaan juga telah diadakan. Manakala kempen-kempen budi dan jasa juga telah memasukkan unsur-unsur keagamaan dan peranan ibu bapa serta anak-anak dalam soal hormat-menghormati dan mengenang jasa ibu bapa terhadap anak, pemimpin, terhadap orang yang dipimpin serta peranan individu terhadap agama.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, masa untuk jawapan sudah cukup. Minta sambung esok.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ini ditangguhkan sekarang sehingga jam 2.30 petang hari esok.

***Dewan ditangguhkan pada pukul 8.45 malam.***



